



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGALPERTAMA

First Session

Jilid I Bil. 37 Hari Selasa 31hb Disember, 1991

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan (Ruangan 47)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) (Ruangan 48)

Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) (Ruangan 94)

Rang Undang-undang Tabung Antarabangsa bagi
Pembangunan Pertanian (Ruangan 101)

Rang Undang-undang Pinjaman (Tabung Antarabangsa
bagi Pembangunan Pertanian) (Ruangan 105)

Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Labuan (Ruangan 120)

Rang Undang-undang Pembatalan Pengecualian daripada
Bayaran Duti-duti Setem (Ruangan 140)

Rang Undang-undang Lembaga Penggalakan Pelancongan
Malaysia (Ruangan 144)

Rang Undang-undang Industri Pelancongan (Ruangan 150)

Rang Undang-undang Duti Import (Pengesahan) (Ruangan 164)

Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan) (Ruangan 167)

DN.31.12.91

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 31hb Disember, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

INFLASI - KADAR

1. Tuan K. Munisamy minca Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriaanya- untuk membendung inflasi dan mengawal kadar inflasi, ke tahap yang minima pada tahun 1992.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-pertua, Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap usaha-usaha untuk mengawal kenaikan harga. Oleh itu di antara strategi Belanjawan bagi tahun 1992 ialah untuk mengawal kenaikan harga supaya pendapatan sebenar rakyat tidak terjejas dengan ketara. Dasar-dasar yang dilaksanakan pada tahun ini akan diteruskan untuk tahun hadapan.

Bagi tahun 1991 adalah dianggarkan bahawa paras harga akan meningkat 4.5% manakala bagi tahun 1992, inflasi dijangka sebanyak 5%. Langkah-langkah untuk membendung inflasi sudahpun saya berikan di Dewan yang mulia ini apabila menjawab soalan pada 24hb dan 27hb Disember yang lalu.

DASAR PANDANG KE TIMUR

2. **Puan Hajah Asmah binti Haji Ismil** minta Perdana Menteri menyatakan iaitu berhubung dengan Dasar Pandang ke Timur:
- (a) Dasar Pandang ke Timur yang telah dilancarkan lebih sepuluh tahun lalu oleh YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, beberapa bulan selepas beliau menjadi Perdana Menteri sejauh manakah Dasar ini tercapai dan kemampuan rakyat di negara ini menghayatinya; dan
 - (b) adakah Dasar Pandang ke Timur ini kekal buat masa ini, setelah muncul pula Wawasan 2020 yang mana lebih besar dan memberikan semangat baru kepada rakyat di negara ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas

Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat,

- (a) Dasar Pandang Ke Timur yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 1982 telah dapat mencapai objektifnya, khususnya terhadap usaha-usaha untuk mewujudkan perubahan sikap yang lebih positif dan amalan. etika kerja yang lebih baik di kalangan pekerja-pekerja. dari penilaian yang dibuat di antara lain adalah didapati bahawa selepas menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan di bawah dasar ini pekerja-pekerja lebih berdisiplin, bertanggungjawab, mempunyai keyakinan diri, beramanah, mengurus masa dengan baik, taat kepada organisasi dan bekerja dengan harmoni serta secara berkumpulan.

Dengan lahirnya nilai-nilai ini. maka telah membuktikan bahawa Dasar Pandang Ke Timur telah dihayati oleh rakyat di negara ini terutamanya kepada mereka yang telah mengikuti latihan di Jepun dan Republik Korea.

- (b) Kerajaan akan mengekalkan Dasar Pandang Ke Timur walaupun Wawasan 2020 telah dilancarkan kerana kedua-duanya saling bantu membantu di antara satu sama lain. Kerajaan Malaysia, Jepun dan Republik Korea telahpun membaharui persetujuan untuk melanjutkan dasar ini kerana kerjasama di antara negara-negara ini sangat besar faedahnya. Di samping itu Kerajaan akan menghantar lebih ramai lagi pelatih pelajar ke Jepun dan Republik Korea pada masa hadapan untuk mengikuti latihan dan pengajian dalam berbagai bidang seperti kejuruteraan, teknologi tinggi, perubatan dan sebagainya selaras dengan keperluan tenaga mahir negara ini untuk mencapai Wawasan 2020.

MAS - PENERBANGAN MUSIM CUTI SEKOLAH

3. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji AbdulLah minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian sedar betapa sukarnya untuk mendapatkan tiket penerbangan dari Senai Johor Bahru ke Sarawak dan sebaliknya dari bulan Oktober hingga November (musim cuti sekolah) tindakan MAS bercadang pada masa-masa akan datang menambah penerbangan Senai ke Sarawak dan sebaliknya pada musim-musim cuti sekolah.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod, rnuatan penumpang bagi sektor Senai-Kuching dan sebaliknya, bagi bulan Oktober/November 1991 iaitu musim cuti sekolah adalah di antara 80%-90% sahaja. Ini bermakna bahawa masih terdapat kekosongan di penerbangan-penerbangan teetentu pada musim tersebut. Memandangkan yang demikian, Penerbangan Malaysia (MAS) telah tidak menyediakan penerbangan-penerbangan tambahan di atas sektor Senai-Kuching pada musim cuti tersebut.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, MAS sedang membuat kajian untuk menampung permintaan penerbangan di sektor Senai-Kuching bagi musim cuti sekolah penggal pertama 1992 dan hari-hari perayaan. Jika keadaan memerlukan penerbangan-penerbangan tambahan akan diadakan. Tambahan pula, kapalterbang yang digunakan sekarang ini ialah Boeing 737-400 yang kapasiti penumpangnya 150 berbanding dengan dahulu kita menggunakan 737-200 yang kapasiti penumpang hanya 105 sahaja.

Dato' Azumu bin Tak; Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan mempunyai apa-apa kuasa terhadap MAS ini apabila hendak menambah atau mengurangkan sesuatu penerbangan itu?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail; Ya, tertakluk kepada kelulusan daripada Kementerian dan juga kalau hendak menambah penerbangan ke negara lain mestilah mendapatkan kebenaran mendarat dahulu daripada negara yang berkenaan.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedarkah Kementerian bahawa bukan sahaja anak-anak sekolah yang terpaksa pergi dan balik di antara Semenanjung ke Sarawak dan Sarawak ke Semenanjung, tetapi rakyat Singapura sendiri juga menggunakan Lapanganterbang Senai untuk ke Sarawak kerana tambang jika dibandingkan dengan matawang Singapura adalah lebih murah. Oleh kerana pengalaman saya sendiri merasai, apabila hendak balik terpaksa turun di Subang.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar tetapi jumlahnya itu tidak bolehlah menyebabkan sehingga kita menambahkan satu penerbangan yang kapasiti. 150 orang disebabkan

oleh keperluan beberapa individu. Kejadian yang saya katakan tadi, pada penerbangan Okcober/November 1991 iaitu yang dipenuhi hanya 80%-90%, bererti ada lagi 10% kosong, ini kami jangka ianya disebabkan advance- booking yang dibuat oleh agen-agen yang pada saat-saat akhir tidak dapat menjual tiket tersebut. Perkara ini juga pada hemat saya, saya rasa mungkin juga ada sedikit taktik-taktik sabotaj. Saya akan minta supaya pihak MAS mengkaji masalah ini, kerana maklumlah apabila sudah ramai sangat rakyat Singapura hendak naik kapalterbang kita daripada Senai, tentulah ada taktik-taktik daripada pihak-pihak yang lain. Begitu juga yang berlaku di luar aegeri, ini belum lagi dapat kita sahkan, tetapi kemungkinannya ada.

KESIHATAN AKIBAT JEREBU

4. **Tuan Haji Dol bin Dolah** minta Menteri Kesihatan menyatakan setakat ini berapa ramaikah rakyat negara ini yang disahkan mengalami sakit akibat jerebu dan antara mereka adakah yang meninggal dunia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K. Kumaran):

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedang mengawasi kesan kesihatan akibat jerebu melalui pengumpulan data-data jumlah kes-kes semua penyakit saluran pernafasan, penyakit asthma dan conjunctivitis di beberapa buah hospital besar. Setakat ini, secara amnya, pengawasan ketiga-tiga indikator kesihatan tersebut di lapan buah hospital besar tidak menunjukkan trend yang meningkat akibat jerebu. Oleh kerana kejadian penyakit-penyakit tersebut juga dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti jenis, kepekatan dan jangkamasa pendedahan terhadap bahan penyebab jerebu serta taraf kesihatan seseorang, maka adalah sukar untuk mengesahkan sesuatu kes penyakit tersebut disebabkan semata-mata oleh keadaan udara jerebu sahaja.

Oleh itu pihak Kementerian Kesihatan tidak dapat menyatakan dengan tepatnya jumlah rakyat negara ini yang mengalami penyakit-penyakit tersebut dan yang meninggal dunia akibat udara jerebu.

OIC - KEJAYAAN MALAYSIA

5. **Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sejauh mana kejayaan Malaysia dalam OIC;
- (b) berapa biaya yang terlibat selama **ini**, dan adakah sumbangan berkenaan mencapai matlamat seperti yang dihasratkan; dan
- (c) apakah peranan Malaysia dalam usaha memastikan negara—negara OIC benar-benar bersatu dalam matlamat dan pencapaiannya.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Negara-negara Anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menaruh kepercayaan dan keyakinan ke atas kemampuan dan peranan Malaysia di dalam pertubuhan tersebut. Pandangan serta pendapat-pendapat yang diutarakan oleh pemimpin-pemimpin Malaysia sering diberi perhatian serius oleh anggota-anggota OIC dan mendapat sokongan serta sanjungan daripada mereka. Kemampuan Malaysia jelas terbukti apabila Malaysia telah dilantik menganggotai beberapa jawatankuasa di dalam pertubuhan tersebut. Di antaranya Malaysia menganggotai Jawatankuasa Pakar Penyusunan Semula OIC, Jawatankuasa Pakar Bagi Mengkaji Peraturan Perjawatan dan Kewangan OIC dan Jawatankuasa Khas Peringkat Tertinggi bagi mengkaji langkah-langkah baru yang berkesan bagi meningkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan di antara negara-negara anggota OIC.

Malaysia juga pernah dilantik menganggotai Ahli Lembaga Pengarah kepada beberapa badan subsidiari dan gabungan OIC seperti Pusat Penyelidikan dan Latihan Bagi Teknikal serta Vokasional di Bangladesh, Pusat Penyelidikan Seni, Sejarah dan Kebudayaan Islam di Turkey dan Pertubuhan Pelajaran, Sainifik dan Kebudayaan Islam di Maghribi.

- (b) Sehingga ini Malaysia telah menyumbangkan hampir sebanyak US\$6.5 juta kepada Sekretariat Am OIC serta badan-badan di bawahnya. Di dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) satu sekretariat am telah dibentuk dalam tahun 1971. Ini diikuti dengan penubuhan 7 buah badan subsidiari lain dalam bidang-bidang tertentu seperti kebudayaan, sains, kesenian, ekonomi dan teknikal. Negara-negara aaggota dikehendaki memberi sumbangan kewangan kepada Sekretariat Am dan badan-badan. subsidiari ini agar aktiviti-aktiviti badan-badan tersebut dapat dilaksanakan sepertimana yang telah ditetapkan oleh sidang kemuncak dan Persidangan Menteri-Menteri Luar OIC.-

Malaysia sentiasa memberi sokongan kepada OIC dan telah menjelaskan sumbangan kewangannya kepada Sekretariat Am dan badan-badan subsidiari itu. Kita yakin bahawa sumbangan Malaysia kepada badan-badan itu telah membantu mencapai matlamat serta hasrat OIC.

- (c) Malaysia sentiasa menyeru negara-negara anggota OIC untuk bersatu dalam matlamat dan pencapaiannya. Seruan ini dibuat semasa sidang-sidang kemuncak dan Persidangan-Persidangan Menteri-Menteri Luar Islam OIC. Pada Sidang Kernuncak Islam Ke-6 di Dakar, Senegal baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah dengan secara terbuka menyeru agar negara-negara anggota supaya bersatu dan berganding bahu dan berganding tenaga untuk kepentingan ummah Islam keseluruhannya. Seruan-seruan seperti ini juga dibuat semasa perjumpaan dua hala antara Malaysia dengan negara-negara anggota.

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam penyertaan Persidangan OIC baru-baru ini saya mendapat tahu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah diberikan sambutan yang hebat. Jadi apakah keberkesanan lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu dan penyertaan beliau dalam persidangan OIC baru-baru ini?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklmn dan telahpun Yang Berhormat sendiri mengakui bahawasanya ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mendapat sambutan yang baik daripada ahli-ahli anggota. Dan kesannya tidak dapatlah kita tengok dengan secara serta-merta, tentu memerlukan masa tetapi kita yakin seruan Timbalan Perdana Menteri disambut baik oleh anggota-anggota sudah tentu akan dapat membawa kepada perubahan-perubahan yang positif kepada pertubuhan tersebut.

MAS - JUMLAH PENUMPANG DI LAPANGAN TERBANG SUBANG

6. Tuan Ng Peng Hay minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah penumpang yang menggunakan Lapangan Terbang Subang dalam tahun 1990 dan jangkaan tahun 1991 dan 1992, dan jumlah penerbangan bagi tahun-tahun tersebut; dan
- (b) adakah Lapangan Terbang tersebut mengalami kesesakan yang r Mendesak dan bilakah cadangan pembinaan Lapangan Terbang baru di Sepang dilaksanakan.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah penumpang yang menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang pada tahun 1990 adalah seramai 7,521,282 orang manakala jangkaan bagi tahun 1991 dan 1992

adalah masing-masing 8,204,145 orang dan 9,129,284 orang. Jumlah penerbangan yang dikendalikan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang pada tahun 1990 adalah sebanyak 82,440 pergerakan pesawat dan jangkaan pada tahun 1991 adalah 89,925 pergerakan dan 100,065 pergerakan pada tahun 1992.

- (b) Pada masa ini Lapangan Terbang Antarabangsa Subang mengalami masalah kesesakan di kawasan-kawasan tertentu seperti di bangunan Terminal dan tempat memakir pesawat. Walau bagaimanapun, masalah kesesakan ini dijangka dapat diatasi menjelang tahun 1994 apabila siapnya kerja—kerja peningkatan sementara Lapangan Terbang Antarabangsa Subang kelak. Perancangan ke arah memulakan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Baru di Sepang sedang giat dijalankan dan kerja-kerja pembinaan dijadual dimulakan pada akhir tahun 1994 atau awal 1995.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan K. Vijayanathan.

Tuan Itam Wali bin Hawan: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 7.

HUBUNGAN DIPLOMATIK/KAUNSELOR AFRIKA SELATAN-MALAYSIA

7. **Tuan Itam Wali bin Hawan [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan fakta bahawa Kerajaan Afrika Selatan telah dengan langkah-langkah yang keras memansuhkan Undang-undang Apartheidnya dan fakta di mana Negara Afrika Selatan telah dijemput untuk menyertai Sukan Olimpik di Barcelona dan bahawa sekatan untuk melawat Afrika Selatan oleh rakyat Malaysia telahpun ditamatkan oleh Kerajaan MaLaysia, adakah apa-apa cadangan untuk menyediakan pertalian diplomatik atau Kaunselor di antara Afrika Selatan dengan Malaysia.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan belum bercadang untuk mengadakan pertalian diplomatik atau Kaunselor dengan Afrika Selatan. Ini adalah kerana walaupun beberapa perubahan telah berlaku dalam usaha Kerajaan Afrika Selatan untuk membasmi sistem Apartheid, beberapa aspek sistem itu masih berlaku seperti ketiadaan suara orang-orang kulit hitam dalam pemerintahan Kerajaan Afrika Selatan.

MINYAK SAWIT - STRATEGI PEMASARAN BERSAMA

8. Tuan Rahim bin Baba minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah Kerajaan bercadang mengadakan strategi pemasaran bersama minyak kelapa sawit dengan negara pengeluar lain seperti Indonesia dan Thailand bagi memastikan harga yang stabil seperti yang dilakukan terhadap pemasaran getah baru-baru ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama dari masa ke semasa ada merundingkan soal strategi pemasaran minyak sawit dengan wakil-wakil negara-negara pengeluar yang lain. Di antara aspek yang dibincangkan ialah perlunya dielakkan penetapan harga yang rendah atau under cutting, dengan izin, di antara satu sama lain. Akan tetapi pada masa ini kerjasama seperti ini tidaklah dicadangkan untuk dilaksanakan sebagai peraturan formal memandangkan kerumitan-kerumitan atau complexities, dengan izin, yang wujud dalam pasaran minyak dan lemak antarabangsa.

Semasa kegiatan lobi anti minyak sawit di Amerika Syarikat memuncak di sekitar tahun 1987/1988, negara-negara ASEAN telah bertindak bersama khususnya dalam mengemukakan bantahan terhadap satu rang undang-undang di Kongress Amerika Syarikat iaitu Tropical Oil Leveling Bill, dengan lain, yang mengancam akan menjejaskan nama baik minyak sawit di kalangan pengguna. Kerjasama ini telah membawa hasil yang memuaskan apabila Rang Undang-undang itu tidak mendapat kelulusan.

Kementerian Perusahaan Utama akan mengkaji dari masa ke semasa sama ada inisiatif selanjutnya mengenai strategi pemasaran bersama di peringkat antarabangsa bagi minyak sawit wajar dipertimbangkan.

KENDERAAN TERSIMPAN DALAM TAHANAN POLIS

9. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa banyakkah jumlah kenderaan dalam 'case' yng masih tersimpan atau dalam tahanan Jabatan Polis di seluruh negara. Didapati kenderaan-kenderaan ini semakin lama semakin dalam keadaan tidak sempurna. Apakah tindakan Kerajaan untuk menyelamatkan keadaan kenderaan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka

Ting): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kenderaan dalam 'case' yang masih tersimpan atau dalam tahanan Jabatan Polis di seluruh negara ialah sebanyak 2,893 buah. Walaupun, garaj tidak disediakan tetapi pihak Polis berusaha untuk menjaga kenderaan tersebut dengan sebaik mungkin.

Mengikut peraturan sekarang, kenderaan-kenderaan yang mempunyai pemilik yang nyata di mana enjin dan chassis tidak diubah, kenderaan tersebut dipulangkan kepada pemilih yang sah melalui jaminan mahkamah di bawah Seksyen 413 Kanun Acara Jenayah atau kepada syarikat insuran yang mempunyai hak tuntutan. Bagi kenderaan yang terlibat dengan kes dadah, pihak Polis terpaksa menahan kenderaan tersebut sehingga dapat pengesahan mengenai kedudukan kes. Bagi kenderaan yang tidak bertuan ataupun tidak dituntut, pihak polis akan melelong kenderaan tersebut secepat mungkin.

AJARAN SESAT DI SEKOLAH/INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

10, **Tuan Azman Atar bin Othman** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada unsur negatif seperti ajaran sesat terus dibiarkan meresap di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi di dalam negeri dari juga di seberang laut. Jika ada kawalan ketat, mengapa pengaruh Arqam masih boleh menembusnya, yang mengakibatkan banyak penuntut terpengaruh dengan ajaran karut-marut itu.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar jika dikatakan Kementerian Pendidikan membiarkan unsur-unsur negatif seperti ajaran sesat meresap di kalangan peajar-pelajar Malaysia di institusi-institusi pengajian tinggi sama ada di dalam ataupun di luar negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar-pelajar Malaysia yang beragama Islam di luar negeri telahpun didedahkan dengan pendidikan dan pengetahuan asas agama Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Selain daripada itu sebelum seseorang pelajar berlepas ke luar negeri, mereka telah diorientasikan dengan penyampaian maklumat dan pengetahuan tertentu mengenai suasana serta kegiatan-kegiatan keagamaan melalui ceramah dan sesi penerangan semasa orientasi. Kementerian Pendidikan pula menempatkan pegawai-pegawai kebajikan pelajar agama di Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia di Luar Negeri. Mereka bertanggungjawab di dalam memberikan bimbingan dan mengadakan aktiviti-aktiviti berbentuk keagamaan secara berterusan dengan kerjasama Persatuan-persatuan Pelajar Islam Malaysia di luar negeri.

Bagi pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di institusi-institusi pengajian tinggi di dalam negeri pula, selain daripada mempunyai pengetahuan asas di peringkat sekolah rendah dan menengah, mereka mendapat penerangan atau penjelasan melalui media massa seperti akhbar-akhbar, radio dan televisyen, serta melalui ceramah-

ceramah agama yang dianjurkan oleh institusi-institusi yang berkenaan. Pelajar-pelajar juga dengan mudah boleh mendapat penjelasan atau penerangan melalui ceramah-ceramah agama atau khutbah-khutbah jumaat di luar waktu pengajian mereka.

Menyentuh mengenai pengaruh Al-Arqam, sebenarnya ia bukanlah tersibar di dalam institusi-institusi pengajian tinggi, tetapi sebaliknya melalui ibu-bapa mereka dan masyarakat yang telah mengikut ajaran Al-Arqam. Walau bagaimanapun, setelah Ahli-ahli Fatwa Majlis Agama Islam Negeri-negeri mengumumkan bahawa ajaran Al-Arqam itu sesat, maka pengaruh ajaran tersebut mulai berkurangan sama ada di dalam ataupun di luar negeri.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri Pendidikan. Mungkin secara tidak langsung apa yang dijawab oleh Yang Berhormat tadi betul. Tetapi saya ingin tahu bagaimanakah kawalan sistem, di mana kalau ada mereka yang datang itu hendak menemui penuntut-penuntut di luar negeri dan mengakui mereka ini adalah sebagai pensyarah agama dan sebagainya? Adakah mereka itu terus boleh menemui penuntut-penuntut ataupun dia terpaksa berjumpa dengan pengetua dahulu sebelum dia memberi sebarang ceramah agama kepada penuntut-penuntut?

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar-pelajar di luar negeri yang ditajai dengan biasiswa atau pinjaman Kerajaan, mereka adalah sepatutnya di bawah kawalan

Jabatan-jabatan Pelajar di luar negeri dan sesiapa pun yang hendak mengadakan pertemuan atau perjumpaan dengan mereka ini adalah menerusi Jabatan-jabatan Pelajar Malaysia di luar negeri.

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pengaruh Al-Arqam di United Kingdom masih berleluasa di kalangan pelajar di negara itu? Apakah tindakan untuk memberhentikan kegiatan mereka di United Kingdom?

Dr. Leo Michael Toyad: Kita memang sedar tentang kegiatan yang ada di kalangan pelajar-pelajar kita, tetapi usaha-usaha yang kita jalankan adalah untuk memperkuatkan lagi dan memberikan kesedaran dan juga mengambil tindakan yang perlu khususnya di kalangan pelajar-pelajar tajaan Kerajaan.

KENAIKAN HAAGA BARANGAN AKIBAT KENAIKAN GAJI

11. **Puan Aion binti Ariffin** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sejak pengumuman Kerajaan tentang kenaikan gaji, berapakah jenis bahan-bahan makanan yang harganya dinaikkan oleh peniaga-peniaga; dan jika ya, apakah tindakan Kementerian dalam mengatasi gejala yang tidak sihat ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang diketahui oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, tidak ada barang-barang termasuk bahan-bahan makanan yang harganya telah dinaikkan oleh peniaga-peniaga sejak Kerajaan mengumumkan Skim Saraan Baru Kakitangan Awam baru-baru ini. Namun

demikian, Kementerian sentiasa mengawasi kedudukan harga barang-barang perlu di pasaran dan mengambil berbagai langkah untuk menentukan tidak ada pihak-pihak yang menaikkan harga barang-barang dengan sewenang-wenangnya. Di antara langkah-langkah itu adalah seperti berikut:-

- (i) mengawalselia peageluaran dan pengedaran barang-barang perlu bagi menentukan ianya mencukupi dan mudah diperolehi dengan harga yang berpatutan dalam setiap keadaan. Bagi maksud ini, sebanyak 20 jenis barangan telah diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan sepanjang masa dan 25 jenis barangan lagi sebagai barang-barang kawalan di musim-musim perayaan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Setiap bentuk urus niaga barangan ini adalah tertakluk kepada kawalseliaan oleh Kementerian;
- (ii) menentapkan harga runcit tepung gandum, gula, minyak petrol, minyak disel, minyak tanah, gas petroleum cecair, simen dan besi keluli;
- (iii) mewajibkan penjual runcit meletakkan tanda harga kepada 111 jenis barangan yang dipamerkan untuk jualan bagi membolehkan pengguna membuat perbandingan harga dan memudahkan pengesanan perubahan harga;

- (iv) mempertingkatkan pemeriksaan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan; dan
- (v) mengadakan kemudahan-kemudahan bagi pengguna membuat rungutan dan aduan seperti penempatan pegawai-pegawai di pasar-pasar utama di seluruh negara dan perkhidmatan Peti Surat 8000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sepanjang tahun 1991 iaitu sehingga 30hb November tahun ini, Kementarian telah menjalankan 172,201 pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan termasuk pasar-pasar malam. Dalam tempoh yang sama, Kementerian telah mengambil tindakan ke atas 4,983 peniaga. Ini telah menghasilkan barang-barang yang dirampas bernilai sebanyak \$7,920,117.51 dan denda di pungut sebanyak \$1,223,846.

Datuk Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, bagaimana pun terjadi perbezaan harga di antara satu bandar dengan bandar yang lain dan benarkah Kerajaan hendak meng'engage' consultants untuk mengkaji perbezaan harga ini?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, masalah perbezaan harga di antara satu bandar dengan bandar yang lain memang ada berlaku. Ini disebabkan beberapa faktor terutama sekali dari segi kos harga di tiap-tiap bandar yang berkenaan yang berbeza di antara satu bandar dengan bandar yang lain seperti sewa, pengangkutan (transport) dan lain-lain.

Memanglah benar iaitu pada masa sekarang Kementerian telahpun melantik pakar perunding untuk membuat kajian mengenai perbezaan harga barangan di seluruh negara dan hasil daripada kajian itu akan diperolehi pada bulan Februari tahun hadapan. Ini sudah pasti akan digunakan bagi menentukan harga barang-barang di negara kita.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementrian yang baru diwujudkan yang diketuai oleh seorang Menteri yang memang handal dan berpengalaman. Soalan tambahan saya, dalam menjalankan tugas-tugas yang begitu detail, tidakkah Kementerian menghadapi apa-apa masalah dari segi bilangan jawatan-jawatan yang diperlukan?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas tahniah yang diberikan kepada Kementerian yang baru dan kita akan lebih berterima kasih kalau Ahli-ahli Dewan Negara memberikan sokongan kepada banyak lagi jawatan-jawatan yang diperlukan. Memang benar bahawa pada masa ini kita kekurangan jawatan dan pejabat-pejabat. Jadi, rundingan sedang diadakan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga pihak Perbendaharaan. Kita berharap pada tahun hadapan, jika Ahli-ahli Dewan Negara dapat meluluskan, maka tugas-tugas kami akan dapat dijalankan dengan lebih sempurna.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Selain daripada program Kerajaan menjalankan dari segi penguatkuasaan, adakah Kementerian bercadang mengadakan program dari segi pendidikan pengguna-pengguna untuk kepentingan mereka?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, memang kita sekarang dalam proses untuk memberi pendidikan kepenggunaan di seluruh negara dan dalam hubungan ini seminar-seminar dan juga pameran-pameran telahpun diadakan di beberapa buah negeri dan ini akan diperluaskan lagi pada tahun hadapan ke negeri-negeri yang lain dan juga ke peringkat daerah. Di samping itu, pihak Kerajaan Negeri telahpun bersetuju dengan penubuhan Majlis Hal Ehwal Pengguna di peringkat negeri dalam perjumpaan yang telah diadakan pada awal tahun ini dan mereka diharap akan dapat menubuhkan Majlis ini selewat-lewatnya pada bulan Mac tahun hadapan.

Dengan adanya Majlis Hal Ehwal Pengguna di peringkat negeri, maka urusan pendidikan pengguna akan dapat diperluaskan ke seluruh negara.

PEGAWAI-PEGAWAI SUKAN - CUTI TANPA REKOD

12. Puan Hajah Habidah binti Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan apakah benar apa yang didakwa bahawa terdapat pegawai-pegawai Kerajaan atau pegawai-pegawai Badan-badan Berkanun yang terlibat dengan Badan-badan Sukarela/Pertubuhan-pertubuhan Sukan tanahair sama ada di peringkat Negara/Negeri/Daerah/Kampung yang sering meninggalkan kerja hakiki mereka kerana terlibat dengan perkara-perkara tersebut, kadang-kadang di pejabat hakiki mereka pun, mereka gunakan sebagai pejabat atau markas gerakan tersebut, oleh itu:-

- (a) tidakkah boleh Kerajaan mencegah dari berlakunya kerja hakiki dianaktirikan.

- (b) bolehkah Kerajaan menyekat pegawai-pegawai yang lain dari terlibat dengan pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan sukan yang terlalu aktif; dan
- (c) setakat ini berapa ramai pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dengan pertubuhan-pertubuhan tersebut mengikut kumpulan kerja dan taraf jawatan dalam pertubuhan-pertubuhan itu.

Tuan Douglas Uggah Umbas: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar terdapat pegawai Kerajaan yang terlibat dengan pasukan sukarela pertubuhan sukan tanahair meninggalkan kerja kerana menyertai aktiviti-aktiviti berkenaan di mana mereka diberi cuti tidak berekod mengikut peraturan yang ditetapkan. Dengan demikian, keseringan mereka meninggalkan tugas masing-masing adalah terkawal dan ianya tidak menjejaskan pelaksanaan tugas rasmi. Peraturan mengenai Cuti Tidak Berekod bagi menghadiri latihan atau kemah tahunan bagi pasukan-pasukan sukarela menghadiri mesyuarat agung dan kemah latihan pertubuhan/persatuan yang diiktiraf dan bagi mewakili pertandingan-pertandingan sukan tertentu adalah ditetapkan di bawah Perintah Am Bab "C" dan juga Pekeliling-pekeliling Perkhidmatan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar pejabat-pejabat pegawai yang terlibat telah dijadikan markas gerakan aktiviti-aktiviti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana peraturan tertentu telah

ditetapkan bagi pegawai-pegawai Kerajaan meninggalkan tugas untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang dibenarkan, maka soal berlakunya kerja hakiki dianaktirikan tidak berbangkit dan tidak perlu sebarang pencegahan. Adalah menjadi tugas Ketua Jabatan untuk memastikan urusan rasmi berjalan dengan lancar sebelum meluluskan mana-mana pegawai bercuti tidak berekod.

Tuan Yang di-Pertua, angka-angka mengenai pegawai Kerajaan yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti tersebut tidak dikumpulkan oleh kerana ianya dikawal oleh Ketua-ketua Jabatan masing-masing di pelbagai peringkat iaitu di peringkat Kementerian, Jabatan, termasuk Ketua-ketua Jabatan di peringkat negeri.

TERUMBU BUATAN - KEMAJUAN NELAYAN

13. Tuan Mustafa bin Awang minta Menteri Pertanian menyatakan sehingga kini berapakah jumlah 'Terumbu Buatan' yang telah selesai dilaksanakan mengikut negeri-negeri dan sejauh manakah kesan kemajuan yang dinikmati oleh para nelayan dalam negara di kawasan terumbu yang berkenaan.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sejumlah 54 tapak tukun tiruan dari bahan tayar, 9 tapak tukun tiruan dari bot dan 4 tapak tukun tiruan dari bahan konkrit telahpun diwujudkan di Semenanjung Malaysia. Bilangan tapak mengikut negeri adalah seperti berikut:-

Kedah	8 buah.
Pulau Pinang	5 buah.
Perak	4 buah.
Selangor	2 buah.
Melaka	1 buah.
Johor	12 buah.
Terengganu	18 buah.
Kelantan	6 buah.
Pahang	11 buah.

Mengenai tukun tiruan dari tayar, bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima di setiap tapak yang mengandungi kira-kira 30,000 unit tayar telahpun dilancarkan. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam, tapak-tapak tukun tiruan tayar yang ada sekarang akan diperbesarkan kepada dalam lingkungan 60,000 unit tayar. Penyelidikan sedang dijalankan bagi mengenalpasti tapak-tapak baru yang sesuai. Hasil daripada usaha tersebut adalah didapati terdapat kepadatan yang tinggi bagi kehidupan laut di tapak tukun tiruan dan terbentuknya satu ekosistem yang kompleks sama seperti terumbu semulajadi. Tukun tiruan ini cepat dikolonisasi oleh ikan yang terdiri dari pelbagai spesis. Mengikut nelayan berdekatan, terdapat sumber yang baik di kawasan tukun tiruan dan tangkapan yang menggalakkan bagi spesis ikan yang bernilai tinggi seperti Kerapu, Jenahak dan Merah.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan sedikit daripada Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu agak berapakah harga tiap-tiap satu tukun tiruan ini.

Soalan yang kedua, dalam Rancangan Malaysia Keenam berapa banyak lagi tukun tiruan seperti ini akan didirikan di seluruh negara. Mengapakah tidak termasuk Sabah dan Sarawak?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah jelaskan, kita mewujudkan tiga jenis tukun tiruan iaitu satu jenis daripada tayar, satu jenis daripada bot dan satu jenis lagi dari konkrit. Harga setiap jenis tukun tiruan berlainan. Walau bagaimanapun, kalau perlu kita mengambilkira dari segi jumlah tayar yang telah digunakan dan tukun tiruan yang telah terwujud pun belum siap sempurna oleh kerana saya telah menyebutkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelima setiap tukun tiruan yang telah diwujudkan melibatkan lebih kurang 30,000 unit tayar dan bagi Rancangan Malaysia Keenam kita akan menambahkannya sehingga 60,000 unit.

Bagi harga kos konkrit, walaupun lebih daripada tukun tiruan yang dibina berdasarkan bilangan tayar, tetapi saya tidak ada butir-butir tentang harga-harga berkenaan; saya boleh menyampaikan kemudian kepada Ahli Yang Berhormat.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam, buat masa sekarang, tukun tiruan yang diwujudkan menggunakan tayar akan dikekalkan tetapi bilangan tayar atau saiznya akan diperluaskan dengan menambahkan tayar-tayar. Kita sedang menyelidiki tentang tapak-tapak yang sesuai dan mengikuti keadaan yang diperlukan, kita akan tambah termasuk juga Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, bagi sumber perikanan bagi perairan di negeri-negeri tersebut adalah memuaskan.

BEDAH SIASAT FORENSIK DI HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR.

14. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengeluarkan surat kelayakan bagi membolehkan doktor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menjalankan bedah siasat Forensik di Hospital Besar Kuala Lumpur.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kesihatan sedang mengkaji perkara ini dengan pihak Jabatan Peguam Negara oleh kerana beberapa implikasi termasuk perundangan.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen, apakah sebabnya - saya pun kurang faham - perkara ini masih timbul, tidak diberi surat kelayakan bagi membolehkan doktor Universiti Kebangsaan Malaysia menjalankan bedah siasat forensik?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yaag di-Pertua, soalan kelayakan telah ditimbulkan apabila Mahkamah Tinggi telah memberi satu keputusan di antara kes Pendakwa Raya dengan Encik Yusof telah diputuskan bahawa laporan bedah siasat oleh seorang doktor yang sedang dalam pinjaman ke Universiti Kebangsaan Malaysia adalah tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan kerana di bawah Seksyen 2 Kanun Prosedur Jenayah, nama Universiti Kebangsaan Malaysia tidak dimasukkan.

Yang kedua, di dalam kes ini orang yang kena tuduh telah dituduh di bawah tuduhan membunuh, bedah siasat dijalankan oleh seorang doktor yang sedang dalam pinjaman ke Universiti Kebangsaan Malaysia. Bagaimanapun, semasa perbicaraan dijalankan, doktor berkenaan itu berada dalam kursus. Oleh sebab itu beliau tidak dapat hadir ke Mahkamah dan keputusan diberi tanpa berasaskan kepada laporan itu. Tetapi dalam alasan-alasan keputusan, Hakim berkenaan telah memberikan alasannya untuk tidak menerima laporan bedah siasat berkaitan dengan menurut di bawah takrif Seksyen 2 KPJ iaitu, dengan izin, "Government Medical Officer or Medical Officer includes a registered medical practioner who is employed by University of Malaya in the service of University Hospital," di mana Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia telah disebut.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu masalah ini timbul dan mengikut pandangan saya, kelayakan tidak ditimbulkan. Mengikut kelayakan ikhtisas, mereka boleh, tetapi tidak ada peruntukan dalam Akta KPJ ini, Oleh sebab itu Kementerian Kesihatan telah mengambil tindakan berbincang dengan Peguam Negara untuk menyatupadukan undang-undang ini.

TAPAK KAMPUS UNIVERSITI MALAYA

15. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang minta Menteri Pendidikan menyatakan Kerajaan telah menyediakan satu tapak tanah yang luas di Jajahan Bachok untuk dijadikan tapak Kampus Universiti Malaya. Bilakah projek itu akan dilaksanakan. Kalau tidak apakah tujuan rancangan Kerajaan selain daripada itu.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tapak yang dimaksudkan tersebut pada asalnya adalah diperuntukkan bagi pembinaan Kampus Akademik Islam Universiti Malaya (AIUM). Walau bagaimanapun, untuk memudahkan pengurusan tenaga pengajar dan pelajar-pelajar dan untuk menggalakkan interaksi di kalangan pelajar-pelajar antara fakulti, maka pihak Kerajaan telah membuat keputusan supaya Kampus AIUM tersebut dibangunkan di kampus induk Universiti Malaya di Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

DASAR PENGGUNAAN KOMPONEN TEMPATAN

16. Puan Rosalind Yau Shuk Meng minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan mengenai komponen tempatan dalam sektor pembuatan memandangkan penggunaan komponen tempatan dalam sektor pembuatan terutama oleh pelabur asing hanya pada kadar 10 hingga 15 peratus sahaja, adakah Kerajaan bercadang mewujudkan satu dasar untuk mewajibkan kadar penggunaan komponen tempatan, jika ada, bila dasar itu dapat dilaksanakan, jika tidak, mengapa demikian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan S.S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melainkan bagi industri automatif, Kerajaan pada maaa ini tidak bercadang untuk mengadakan dasar bagi mewajibkan penggunaan komponen-komponen tempatan dalam sektor pembuatan. Sebaliknya pula, Kerajaan berpendapat pada masa sekarang peningkatan penggunaan komponen tempatan boleh tercapai melalui perlaksanaan dasar-dasar yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pembuatan telah berkembang dengan pesat dan peluang-peluang untuk industri sokongan adalah baik. Namun demikian, kebanyakan dari barang-barang dan komponen perlu diimport kerana tidak didapati di dalam negeri buat masa ini atau

jika ada tidak lagi memuaskan dari segi kos dan kualiti.

Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan penggunaan komponen-komponen tempatan ialah:-

- (i) menggalakkan industri-industri berintensif modal dan industri-industri yang mengeluarkan komponen-komponen untuk sektor pembuatan;
- (ii) membangunkan dan memodenkan sektor industri kecil dan sederhana supaya sektor ini dapat membekalkan barang-barang gantian komponen yang berkualiti kepada industri-industri besar;
- (iii.) memberi penekanan kepada kandungan tempatan dalam pemberian galakan Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan.

Tuan Hg Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum saya membuat soalan tambahan, saya hendak komen sedikit berkenaan dengan jawapan yang diberikan oleh Timbalan-Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen dalam Dewan baru-baru ini. Kami dapati ada dua tiga orang daripada Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen dalam jawapan soalan mulut, terlalu panjang jawabannya. Saya cadangkan sekiranya ada jawapan yang terlalu panjang, saya minta buat secara bertulis. Saya harap jangan ganggukan masa, untuk memberi peluang kepada rakan-rakan yang lain untuk membuat soalan-soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Berkenaan dengan industri sampingan, adakah Yang Berhormat sedar dan setuju bahawa kerana setengah-setengah industri-industri daripada negara asing sukar untuk memperolehi membeli kompaen-komponen tempatan. Ini adalah kerana kekurangan kemahiran industri-industri sampingan tempatan dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian dalam penyelidikan dan pembangunan industri sampingan di negara kita.

Tuan S.S.Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita masih menghadapi masalah untuk memperolehi komponen-komponen tempatan, oleh yang demikian kita mengadakan satu dasar yang terbuka untuk barang-barang komponen yang datang daripada luar negeri. Dan seterusnya seperti yang telah saya katakan tadi, kita ada beberapa langkah-langkah khasnya langkah galakan taraf perintis dan elaun cukai pelaburan untuk menggalakkan industri komponen-komponen dalam negara kita. Saya harap jawapan itu tepat dan pendek. **[Ketawa]**

PENGELUARAN TIMAH NEGARA

17. Tuan Saidin bin Mohamad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa banyakkah pengeluaran timah negara sekarang dan daripada setok simpanan yang ada apakah logam itu akan terus lembab pasarannya dan tidakkah ada suatu usaha penggunaan bahan itu dengan lebih meluas dalam negara dan tidak hanya menunggu penyertaan negara-negara lain dalam Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, suka saya jelaskan di sini bahawa dalam tahun 1990, Malaysia telah mengeluarkan sebanyak 28,468 tan timah, manakala sehingga akhir bulan September 1991, pengeluaran timah negara ialah sebanyak 16,060 tan.

Sehingga akhir bulan September 1991, setok timah negara ialah sebanyak 13,956 tan, manakala setok timah dunia pula dianggarkan berjumlah 38,000 tan berbanding dengan paras setok biasa iaitu kira-kira 22,000 tan. Keadaan pasaran menjadi bertambah lemah lagi dengan pengeluaran yang berlebihan oleh negara-negara pengeluar bukan anggota Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC), terutamanya Brazil. Oleh yang demikian, pasaran timah dijangka akan terus meleset selagi paras setok timah dunia tidak susut ke paras biasa.

Melalui penyertaannya dalam ATPC, Malaysia telah bekerjasama dengan lain-lain negara anggota untuk mengawal pengeluaran dan pengeksportan timah untuk mengurangkan lebihan setok logam berkenaan ke paras biasa. Untuk meningkatkan penggunaan timah, kedua-duanya di peringkat tempatan dan antarabangsa, Malaysia juga turut serta bersama-sama lain-lain negara anggota ATPC untuk menyumbangkan kepada Institut Penyelidikan Timah Antarabangsa (ITRI) bagi mempertingkatkan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan ke atas penggunaan timah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada lagi 1½ mukasurat, saya minta izin diberi secara bertulis. **[Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

LEBUHRAYA UTARA-SELATAN

18. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) berapa peratus daripada panjang Lebuhraya Utara-Selatan yang telah siap pada masa kini;
- (b) sejauh manakah Lebuhraya Utara-Selatan dapat melicinkan aliran lalu lintas dari utara ke selatan dan sebaliknya apabila Lebuhraya itu siap; dan
- (c) pada masa sekarang di manakah kawasan-kawasan atau lokasi di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan yang sering mengalami sesak lalu lintas.

Tinbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jarak jauh Lebuhraya Utara-Selatan ialah 903.5 kilometer. Dari jumlah tersebut, jalan sepanjang 438.1 kilometer ataupun lebih kurang 49% daripada Lebuhraya ini telahpun siap dibina pada masa ini. Baki jalan sepanjang 449.3 kilometer atau lebih kurang 51% sedang dalam peringkat pembinaan atau rekabentuk. Keseluruhan Lebuhraya Utara-Selatan ini dijangka siap pada tahun 1994.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila Lebuhraya Utara-Selatan siap pada tahun 1994, aliran lalu lintas akan menjadi lebih licin dari segi keselamatan, penjimatan masa dan jarak perjalanan. Sebagai contoh, dari segi penjimatan masa, perjalanan dari Bukit Kayu Hitam ke Kuala Lumpur (melalui Persimpangan Bertingkat Jalan Duta) sepanjang 465 kilometer, berasaskan kepada "Speed Limit", dengan izin, 110 kilometer sejam ialah 4½ jam sahaja berbanding dengan masa perjalanan 7 hingga 9 jam dengan keadaan jalan raya sekarang.

- (c) Mengikut perkiraan trafik pada masa kini, bahagian yang paling banyak kenderaan di laluan utama Lebuhraya Utara-Selatan adalah di antara Sungai Besi ke Kajang. Jumlah kenderaan yang menggunakan bahagian ini setiap hari adalah sebanyak 30,000 baah kenderaan pada setiap satu arah. Walau bagaimanapun, bahagian ini hanya mengalami kesesakan lalulintas semasa waktu sibuk sahaja. Untuk menampung jumlah kenderaan yang semakin bertambah, PLUS Bhd. sedang giat meningkatkan taraf lebuhraya ini dengan menambahkan satu lagi laluan pada setiap arah. Projek ini dijangka siap pada bulan Oktober 1993.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah jangkanya siap lebuhraya antara Pagoh-Yong Peng?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, bahagian lebuhraya Pagoh-Yong Peng ini akan disiapkan selewat-lewatnya tahun 1994.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pihak PLUS baru-baru ini telahpun menaikkan tol untuk lori sebanyak 15%. Apakah Timbalan Menteri boleh beri jaminan bahawa tol untuk kereta tidak akan dinaikkan untuk tahun 1992?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, kenaikan tol di Lebuhraya Utara-Selatan ini sudah ditetapkan di dalam Perjanjian Konsesi Lebuhraya Utara-Selatan dengan syarikat konsesi, iaitu

United Engineers Bhd. yang ditandatangani pada 18hb Mac 1988. Oleh sebab itu, kenaikan kadar tol ini akan mengikut jadual yang ditetapkan. Jadi, saya tidak boleh memberi apa-apa jaminan. **[Ketawa]**

INDUSTRI KECIL

19. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan berapa peratuskah rakyat kita telah rnelibatkan diri di dalam industri kecil dan bagaimana pencapaiannya. Jenis industri kecil apakah yang berjaya. Adakah mekanik-mekanik untuk membaiki mesin-mesin jika sekiranya rosak.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Mohd. Yasin bin Kamari]: Tuan Yang di-Pertua, industri kecil yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah dikenali sebagai Program Industri Kampung di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam ini, ianya dikenali sebagai Program Perusahaan Luar Bandar.

Jumlah penduduk luar bandar yang terlibat dalam 1,820 buah projek di bawah Program Industri Kampung dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima adalah dianggarkan seramai 9,100 orang atau kira-kira 0.1% daripada jumlah penduduk luar bandar. Manakala di bawah Rancangan Malaysia Keenam, angkanya dijangka akan terus dipertingkatkan dan meningkat lagi.

Pencapaian Program Industri Kampung dan Program Perusahaan Luar Bandar adalah memuaskan. Jenis-jenis industri yang berjaya ialah makanan, perabot, industri kraf, industri seramik, kejuruteraan ringan dan jahitan.

Berhubung dengan usaha penyelenggaraan mesin-mesin, adalah dinyatakan bahawa mesin-mesin yang rosak biasanya diperbaiki oleh pembekal-pembekal mesin sekiranya kerosakan itu berlaku dalam tempoh waranti. Selepas tempoh waranti, mesin-mesin berkenaan diselenggarakan oleh penerima-penerima mesin berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Chong Chi Siong.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya No. 20. Ada sedikit kesilapan di dalam bahagian (b), baris 3 - bukan "mereka" tetapi "merdeka".

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

PERMOHONAN KERAKYATAN

20. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan pemohon yang dilahirkan atau berada di Malaysia sebelum 1957 masih rnenunggu kelulusan sijil kewarganegaraan mereka; dan
- (b) adakah dalam pertimbangan Kerajaan bahawa semua pemohon yang telah berusia lebih 65 tahun dan tinggal di Malaysia sejak merdeka itu dihadihkan sijil kewarganegaraan atas dasar taat setia kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong dan negara.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga Oktober 1991, sebanyak 713 permohonan kerakyatan bagi kedua-dua kategori ini masih dalam pertimbangan Kerajaan.
- (b) Kerajaan mengambilkira ciri-ciri umur dan kesetiaan kepada negara dalam mempertimbangkan permohonan kerakyatan.

Walau bagaimanapun, pada masa ini dengan hanya memenuhi dua ciri di atas, seseorang pemohon itu belum tentu dianugerahi kerakyatan Malaysia.

KENAIKAN GAJI KAKITANGAN KERAJAAN - KESAN EKONOMI

21. Tuan V.K. Sellappan minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah kesan-kesan terhadap ekonomi negara akibat menaikkan gaji bagi kakitangan Kerajaan; dan
- (b) apakah langkah-langkah dan usaha-usaha diambil bagi memastikan keadaan kadar inflasi tidak meningkat.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjawab soalan yang sama pada 27hb Disember yang lalu, iaitu soalan daripada Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin.

PENDAFTARAN PENGUNDI

22. Tuan C. Krishnan minta Perdana Menteri menyatakan adalah sepertimana yang sedia maklum, kebanyakan rakyat Malaysia yang genap untuk mendaftar sebagai pengundi dan proses yang sedia ada ini kurang memuaskan. Bolehkah Kerajaan menjadikan proses pendaftaran ini secara automatik setelah seorang cukup umur.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpendapat sistem pendaftaran pemilih yang diamalkan sekarang adalah baik dan memuaskan. Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan proses pendaftaran pemilih secara automatik apabila seseorang mencapai umur kelayakan.

Tuan C. Krishnan: Soalan tambahan. Benarkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, proses pendaftaran untuk pemilih baru-baru ini tidak dapat sambutan yang baik. Sekiraaya sambutan dingin, apa sebabnya?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di -Pertua, sebenarnya sambutan oleh rakyat masa pendaftaran baru-baru ini adalah memuaskan.

TUNTUTAN MAYAT ORANG ISLAM OLEH WARIS BUKAN ISLAM

23. **Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Perdana Menteri menyatakan bersangkutan dengan isu orang-orang bukan Islam yang menganut agama Islam dan akhirnya mayat mereka telah dituntut oleh keluarga mereka yang bukan dari orang-orang Islam. Bagaimanakah caranya agar perkara-perkara begini dapat diatasi dan bolehkah pihak Kerajaan memperkemas undang-undang agar mayat-mayat si mati tidak menjadi rebutan di antara waris-waris yang berlainan anutan agama.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara di mana saudara baru Islam yang memeluk agama Islam benar-benar mengamalkan soal sahihnya atau keislamannya itu tidak menimbulkan pertikaian. Tiap-tiap negeri mempunyai peruntukan berkaitan dengan pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang Islam. Soal kesahihan agama seseorang individu itu adalah soal peribadi dan mana-mana pihak tidak terhalang untuk menuntut hak atas keluarga mereka. Walau bagaimanapun, Kerajaan terus mengkaji kes-kes pertikaian keislaman saudara baru yang meninggal dunia dari semua aspek dengan teliti. Langkah-langkah yang sesuai akan diambil kelak.

Di Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan sedang menggubal undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) di mana peruntukan mengenai masuk agama Islam diperkemaskan lagi, Sebagai contoh, di dalam undang-undang tersebut diadakan peruntukan mengenai pendaftar dan daftar mualaf, pendaftaran mualaf, perakuan masuk Islam dan pengiktirafan mualaf sebagai orang Islam.

PENDERAAN KE ATAS MURID-MURID SEKOLAH

24. **Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa memandangkan kepada kenakalan sebilangan murid-murid sekolah yang mungkin akan didera oleh guru-guru mereka di sekolah:-

- (a) adakah Kerajaan merasa perlu mengeluarkan garispuandu tertentu kepada guru-guru yang mungkin akan mendera murid-murid mereka secara emosi atau tanpa memikirkan keadaan kesihatan murid-murid kerana terdapat aduan daripada ibubapa bahawa anak-anak mereka telah disiksa; dan
- (b) bilangan kes ibubapa yang mengadu kepada pihak berkuasa berhubung dengan kejadian mendera murid-murid dalam tempoh sepuluh bulan lalu.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telahpun mengeluarkan Surat-surat Pekeliling Ikhtisas mengenai disiplin dan tindakan yang disarankan kepada

pihak sekolah. Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga telah menerbitkan dan mengedarkan ke sekolah-sekolah di seluruh negara buku-buku "Panduan Am Disiplin Sekolah-Sekolah" dan juga "Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru".

- (b) Dalam tempoh sepuluh bulan yang lalu, Kementerian Pendidikan tidak menerima sebarang aduan daripada ibubapa berhubung dengan kejadian mendera murid-murid.

PENSYARAH MAKTAB/UNIVERSITI BERHIJRAH KE LUAR NEGERI

25. **Tuan Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan terhadap pensyarah-pensyarah di maktab atau universiti-universiti tempatan agar penghijrahan tenaga pengajar ini ke pusat-pusat pengajian di luar negeri dapat dikawal,

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluraan Ahli Yang Berhormat, bagi mengawal penghijrahan pensyarah-pensyarah universiti-universiti tempatan ke pusat-pusat pengajian tinggi di luar negeri, Kerajaan telah memperbaiki skim perkhidmatan pensyarah universiti mengikut Sistem Saraan Baru. Jika masih terdapat kekurangan pensyarah di universiti-universiti, pihak universiti dibenarkan mengambil beberapa langkah, seperti:

- (i) mengambil tenaga pengajar yang baru;
- (ii) melatih tenaga pengajar muda untuk mengikuti kursus ke peringkat Sarjana dan PhD;
- (iii) melantik pensyarah secara kontrak dari dalam dan juga luar negeri; dan

(iv) menjemput pensyarah pelawat daripada luar negeri.

Di maktab-maktab perguruan, tidak terdapat kekurangan pensyarah kerana pengambilan baru dibuat pada setiap tahun dan diisi oleh guru-guru yang berpengalaman.

INFLASI AKIBAT KENAIKAN GAJI DAN KAD KREDIT

26. Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth minta Menteri Kewangan ,menyatakan usaha-usaha Kerajaan untuk membendung inflasi, memandangkan kenaikan harga pada tahun 1992 akan menerima tekanan dari kenaikan gaji sektor awam. Dan adakah keghairahan kad-kad kredit menggalakkan pengguna-pengguna membeli-belah secara tertunggak ini menyemarakkan; lagi tekanan Kerajaan mengkaji implikasi kad kredit ini kepada kesejahteraan negara.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telahpun dijawab pada 24hb dan 27hb Disember yang lalu.

SEKOLAH KEBANGSAAN PARIT MELANA - BANGUNAN BARU

27. Tuan Haji Ahmad bin Raji Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilakah bangunan baru Sekolah Kebangsaan Parit Melana dapat didirikan; dan
- (b) berapakah anggaran kos pembinaan projek tersebut.

Dr Leo Michael Toyad; Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Bangunan baru bagi Sekolah Kebangsaan Parit Melana tidak akan dibangunkan. Cuma sebuah bangunan tambahan baru akan dibina pada tahun 1992. Bangunan ini akan mengandungi 8 bilik darjah serta kemudahan-kemudahan lain.
- (b) Anggaran kos bagi pembinaan bangunan baru tambahan ini dianggarkan berjumlah \$360,000.

MELARANG WAKIL RAKYAT MERASKIKAN MESYUARAT PIBG.

28. Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah benar Kementerian Pendidikan telah mengarahkan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan supaya mengeluarkan arahan rasmi pada sekolah-sekolah di negeri tersebut melarang Wakil-wakil rakyat bagi merasmikan sebarang mesyuarat anjuran PIBG di negeri tersebut; dan
- (b) kalau benar, nyatakan alasan-alasan Kerajaan mengenai perkara ini kerana sebagaimana kita maklum, Kerajaan telah menyatakan sekolah sebagai sebuah institusi masyarakat di negara ini.

Dr. Leo michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak pernah mengarahkan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan mengeluarkan arahan rasmi kepada sekolah-sekolah di negeri itu talarangkan wakil-wakil rakyat dari merasmikan Mesyuarat PIBG.

Jemputan-jemputan untuk merasmikan PIBG adalah terpulang kepada pihak PIBG dan sekolah berkenaan. Walau bagaimanapun, mengikut peraturan yang sedia ada, sekolah-sekolah- dan institusi-institusi pendidikan hendaklah merujuk dan mendapat kebenaran Kementerian Pendidikan apabila hendak mengundang orang-orang keamaan ke-upacara-upacara sekolah atau institusi pendidikan. Peraturan ini bukanlah suatu yang baru- tetapi telah diamalkan sejak berapa tahun lalu.

MAKTAB SUKAN DAH PERMAINAN

29. Tuan Neo Tuan Cheng minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengadakan maktab sukan dan permainan di setiap negeri untuk pemuda-pemudi kita yang berbakat dan berpotensi.

Cik Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan pada masa ini belum bercadang untuk mendirikan Maktab Sukan dan Permainan di setiap negeri untuk pemuda-pemudi kita yang berbakat dan berpotensi dalam sukan. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa mengalu-alukan dan menggalakkan badan-badan dan persatuan-persatuan sukan serta agensi-agensi lain untuk mengambil inisiatif menubuhkan Maktab Sukan masing-masing,

Sebagai contoh, Persatuan Badminton Malaysia telahpun menubuhkan Akademi Badminton di Kuala Lumpur dengan kerjasama dan bantuan pihak swasta. Persatuan Bolasepak Malaysia juga telah menubuhkan Akademi Bolasepak Kebangsaan di Kuantan, Pahang yang telah dilancarkan pada 1hb Jun tahun ini.

Kesemua Akademi Sukan yang telah dan akan didirikan itu adalah bertujuan untuk mencari dan mengasah bakat-bakat sukan yang akan diketengahkan bagi melahirkan ahli-ahli sukan yang akan mengharumkan nama negara dalam arena sukan baik di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa.

PELABUHAN MELAKA - PENSWASTAAN

30. Tuan Ng Peng Hay minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) sejauh manakah perkembangan kemajuan penswastan Jeti Tanjong Beruas di Melaka; dan
- (b) adakah jeti itu apabila siap memberikan satu peningkatan taraf perkhidmatan pelabuhan kontena yang diperlukan oleh pelabur.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berkenaan dengan kemajuan penswastaan Pelabuhan Melaka, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan sedang mengadakan rundingan dengan pihak yang akan mengambil alih operasi di Pelabuhan Melaka.
- (b) Untuk makluman tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Pelabuhan Melaka mempunyai satu jeti yang telahpun beroperasi semenjak tahun 1980. Kerajaan tidak ada rancangan menjadikan Pelabuhan Melaka sebagai pelabuhan kontena walaupun jeti tersebut akan diperbesarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang akhir bagi petang ini, Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun.

LESEN HIBURAN

31. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah benar bahawa ada masalah penyelarasan dalam pelaksanaan penguatkuasaan dalam mengawal operasi tempat-tempat hiburan dalam bandar. Lesen-lesen Hiburan dan masa operasi ditentukan oleh pihak Kerajaan Tempatan kadangkala tanpa rujukan kepada pihak Polis.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, lesen untuk tempat-tempat hiburan adalah dikeluarkan oleh Pihak Kerajaan Tempatan atau Majlis Daerah atau Bandaraya. Tidak ada peruntukan undang-undang yang memerlukan sesuatu permohonan bagi mendapatkan lesen tempat hiburan mestilah dirujuk kepada Polis terlebih dahulu.

Walau bagaimanapun, pada lazimnya, ini dirujuk kepada pihak Polis untuk pandangan atau ulasan dari segi latar belakang pemohon, masalah trafik dan kesesuaian tempat. Dalam tugas penguatkuasaan oleh badan-badan ini, pihak Polis sentiasa memberi bantuan dan kerjasama apabila diminta. Oleh yang demikian, masalah penyelarasan sebenarnya tidaklah timbul.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk Soal Jawab sudah cukup. Seterusnya kita pergi ke perkara yang lain.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 32 hingga 41 akan dimasukkan dalam naskah bercetak kelak]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

3.34 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan seperti berikut:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehinggakan telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Muatapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Tang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu usul yang berbunyi bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehinggakan telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertara dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehinggakan telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PROFESION UNDANG-UNDANG (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua Dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [30hb Disember 1991]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz menyambung ucapan beliau.

3.37 ptg.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bismillahir-rahmanir-rahim. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam membahaskan Rang Undang-undang ini, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan resolusi tahun 1988 yang telah diluluskan oleh perhimpunan yang dianjurkan oleh Majlis Peguam. Pada ketika itu mereka telah merasai iaitu bahawa adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk memanggil perhimpunan ini dan mengeluarkan satu resolusi tahun 1988. Tetapi, pada pandangan saya, resolusi ini sudah tidak lagi relevant kerana daripada tahun 1988 hingga tahun 1990 sudah banyak pilihanraya kecil yang telah diadakan yang berkemuncak kepada tahun 1990 yang mana pilihanraya telah diadakan.

Dalam pilihanraya kecil dan pilihanraya umum, soal Lord President yang menjadi isi kepada resolusi tahun 1988 telah dibangkitkan berkali-kali dan telah menjadi satu isu yang paling

dikatakan di antara yang hebat diperdebatkan dan disebutkan dalam pilihanraya-pilihanraya kecil dan pilihanraya umum ini. Rakyat telah diberitahu oleh pihak-pihak Pembangkang bahawa resolusi 1988 ini yang dikeluarkan oleh perhimpunan tahun 1988 oleh Majlis Peguam mengatakan iaitu bahawa Lord President telah dianiaya dan resolusi ini menjadi satu resolusi yang kuat disebut untuk menyakinkan kepada rakyat supaya rakyat tidak memilih kembali Kerajaan yang telah dianggapnya sebagai menganiaya Lord President pada ketika itu.

kita semua tahu iaitu bahawa keputusan pilihanraya kecil yang telah diadakan dan kita juga tahu bahawa Pilihanraya Umum 1990 telah mengembalikan Kerajaan Barisan Nasional untuk memerintah lagi lima tahun. Ini bermakna iaitu bahawa rakyat telah membuat keputusan. Walaupun resolusi tahun 1988 Majlis Peguam ini menjadi satu isu yang hangat dalam pilihanraya umum, namun rakyat masih memberi mandat kepada Barisan Nasional untuk memerintah. Bermakna iaitu bahawa rakyat tidak mengendahkan resolusi tahun 1988. Kalaulah Majlis Peguam yang menyatakan diri mereka sebagai "the conscience of the people", maka tindakan yang diambil oleh mereka tidak mahu menolak resolusi tahun 1988 ini menunjukkan bahawa Majlis Peguam tidak langsung memperdulikan apa yang difikirkan oleh rakyat. Cara mana yang paling baik lagi untuk kita tahu sama ada rakyat sokong ataupun tidak resolusi tahun 1988 ini, kalau tidak menerusi pilihanraya kecil dan juga pilihanraya umum.

Sebab itu saya kata di sini perkara ini iaitu resolusi tahun 1988 yang saya bangkitkan ialah kerana untuk menunjukkan kepada Dewan ini apa pada hari ini bahawa Majlis Peguam ini bukanlah satu persatuan ataupun satu Majlis yang menghormati demokrasi sebab ia tidak peduli dengan yang rakyat telah putuskan dalam pilihanraya itu. Maka, saya percaya bahawa tidak perlulah untuk kita memberitahu kepada mereka untuk menarik balik resolusi ini kerana yang lebih penting kepada kita daripada mereka ialah rakyat itu sendiri dan rakyat telah memutuskan untuk memilih Barisan Nasional memerintah 5 tahun lagi.

Selain daripada itu, kalau kita tanya kepada manusia biasa ataupun rakyat biasa, di antara UMNO dengan Majlis Peguam mana lebih berkuasa, mana lebih besar, rakyat tahu bahawa UMNOlah yang lebih besar daripada Majlis Peguam daripada apa segi sekalipun seperti keahliannya, khidmatnya kepada negara dan pembelaannya kepada kehidupan rakyat.

Namun walaupun UMNO itu benar, tetapi kita tetap hormat kepada undang-undang, sebab itu pada bulan Februari tahun 1988, walaupun kita merasa sedih, iaitu mahkamah telah membuat keputusan bahawa UMNO itu dianggap sebagai satu persatuan yang tidak sah, disabitkan oleh soal teknikal yang ada dalam Akta Pertubuhan, maka UMNO itu hilang.

Walaupun kita besar, walaupun kita memerintah negara Malaysia, tetapi kita hormat undang-undang dan lenyaplah kita pada bulan Februari tahun 1988. Kalau undang-undang telah ditentukan dalam mahkamah mengatakan bahawa UMNO sudah tidak ada, kita mengakui bahawa UMNO tidak ada.

Kita tidak mengatakan bahawa mahkamah silap. Ya betul, sebelum keputusan dibuat, kita lawan habis-habisan dalam mahkamah, luar mahkamah, tetapi apabila mahkamah membuat keputusan, UMNO tidak sah, maka kita terima walaupun hati pedih untuk menerima hakikat yang sebenarnya. Itu dia UMNO yang faham kepada undang-undang, tetapi Majlis Peguam apa dia buat? Dia beritahu kepada orang bahawa dia mewakili rakyat conscience of the people, dialah yang mengetahui tentang undang-undang.

Soal Lord President ini telah dibangkit dalam mahkamah, bukan sahaja kita bincang di luar mahkamah, bukan sahaja dalatn kedai kopi, bukan di Coffee House di hotel, tetapi dibawa kepada mahkamah. Kalaulah Lord President ini mereka mahu supaya ianya to be

tried by his peers, dengan izin, kita pilih Hakim bukan sahaja dalam negara, luar negara kita panggil untuk menghakimi Lord President ini.

Tribunal ini telah membuat keputusan dan keputusannya bahawa Lord President itu telah membuat kesilapan. Keputusan telah dibuat oleh Tribunal, tetapi apa yang menghairankan kita ialah mengapa keputusan yang telah dibuat oleh Hakim dalam Tribunal itu tidak diakuri oleh Majlis Peguam yang ada pada hari ini. Kalau Tribunal kata Tun Hamid Omar tidak bersalah, mengapa Majlis Peguam tidak boleh terima hakikat ini? Kalau Tribunal mengatakan iaitu bahawa Tun Salleh Abas bersalah, mengapa Majlis Peguam tidak mahu terima hakikat ini?

Inilah yang kita katakan, iaitu kalaulah orang-orang peguam ini, Majlis Peguam ini benar-benar menghormati undang-undang, mengapa dia tidak boleh terima keputusan Tribunal yang telah membuat keputusan yang muktamad. Ini jelas menunjukkan bahawa ahli-ahli Majlis Peguam ini cuma cakap sahaja bahawa mereka menghormati undang-undang, tetapi sebenarnya mereka tidak menghormati keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah yang muktamad. Inilah orang-orang yang memimpin Majlis Peguam yang ada pada hari ini, tidak mengendahkan keputusan rakyat, tidak mengendahkan keputusan mahkamah. Apakah mereka ini harus menjadi orang yang harus kita hormati?

Sebab itu dalam ucapan saya pada petang ini, saya tidak yakin untuk membiarkan mereka ini bermaharajalela, sebab saya

bimbang iaitu bahawa kalau mereka ini dibenarkan untuk bergerak sepertimana yang mereka bergerak pada hari ini, akhirnya nanti rakyat akan susah, negara mungkin tidak aman, dan rakyat akan menghadapi kesusahan. Oleh kerana itu dalam saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Menteri pada hari semalam saya juga mahu mencadangkan sepertimana yang telah dicadangkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Tuan Saad, iaitu Peguam Negara hendaklah dipilih ataupun dilantik menjadi Pengerusi Bar Council Malaysia. Ini bukan amalan baru, dahulupun telah kita buat di mana Peguam Negara juga menjadi Pengerusi Bar Council Malaysia, bukan sahaja di Malaysia, tetapi di beberapa buah negara Barat yang dianggap sebagai negara yang demokratik juga mengamalkan perkara ini.

Saya ingin mencadangkan lebih daripada itu, iaitu pastikan supaya dalam kita menyokong Peguam Negara itu menjadi Pengerusi Bar Council, kita mahu juga Peguam Negara itu adalah Menteri Kehakiman. Ini kerana apa? Ini ialah kerana kita bertanggungjawab kepada rakyat, sebab kalau Pengerusi Bar Council itu merupakan orang yang tidak bertanggungjawab kepada rakyat, kita bimbang sepertimana yang telah berlaku akhir-akhir ini, mereka menyalahgunakan jawatan yang ada dalam Majlis Peguam **ini**. Sebab itu saya meminta supaya kita kembali kepada yang asal, iaitu Menteri

Tuan Azman Atar bin Othman: Boleh saya minta penjelasan.

Tuan Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tadi Yang Berhormat Tuan Nazri ada menyebut minta supaya Pengerusi Bar Council ini biarlah Peguam Negara sendiri, kemudian minca pula Peguam Negara mesti dilantik sebagai Menteri Kehakiman. Tidakkah Yang Berhormat terfikir bahawa kalaulah berlaku sepertimana yang kita buat dahulu, maka kita dituduh, Kerajaan dituduh kerana begitu mengambil tahu, begitu kontrol sangat di atas perjalanan peguam-peguam? Sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak kalau sekiranya kita mansuhkan sahaja pertubuhan Bar Council ini, kemudian terus kita wujudkan di bawah Kerajaan sendiri untuk melantik sesiapa yang patu. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan.

Tuan Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak fikir kalau kita rncadangkan Peguam Negara itu dia juga menjadi Menteri Kehakiman, dia Peguam Negara dan menjadi Pengerusi Bar Council, saya tidak fikirkan itu seolah-olah untuk mengongkong. Walaupun mereka di dalam Majlis Peguam, kalau ini diibaratkan sebagai mengongkong atau menutup mulut mereka, sebenarnya kita harus lihat kembali apakah sebenarnya tujuan Bar Council ini? Bar Council ini sepatutnya menjaga kebajikan ahlinya dan memastikan supaya ahlinya jangan suka menipu orang, dan juga menyeleweng wang orang, Sebab itulah saya rasa oleh kerana akhir-akhir ini kita lihat beberapa

ahli Majlis Peguam ataupun yang dikatakan kalau peguam itu dia menjadi ahli Majlis Peguam, tetapi akhir-akhir ini kita lihat memang banyak laporan - peguam masuk jail, peguam tipu Bank Negara, peguam macam-macam. Sebab itu saya rasakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan supaya Majlis Peguam ini jangan dibenarkan mereka ini tidak menjaga perjalaaan pentadbiran ahli-ahli mereka, sehingga ahli-ahli mereka ini walaupun melakukan kesalahan terhadap anak guam, tetapi terlepas kerana mereka sendiri yang mengadili dan menghakimi ahli-ahli mereka yang telah membuat kesilapan.

Saya merasakan kalau daripada segi kongkongan, saya ingat tidak, sebab Kerajaan mesti memikirkan kepentingan rakyat itu lebih penting daripada kepentingan beberapa orang dalam Majlis Peguam ini. Oleh kerana itu saya fikir kalau ada di kalangan orang-orang ahli Majlis Peguam yang mengatakan bahawa dengan adanya dicadang supaya Menteri Kehakiman jadi Peguam Negara, jadi Pengerusi Bar Council, maka ini akan menutup mulut ahli Hajlis Peguam, saya ingat tidak.

Kalau ahli Majlis Peguam betul-betul berminat untuk membela rakyat, jangan gunakan Majlis Peguam itu sebagai alat - keluar. Kita boleh tunggu bila-bila masa kalau dia hendak berpolitik dengan kita, bila-bila masa. **[Tepuk]** Janganlah menggunakan Majlis Peguam itu sebagai satu platform untuk dia pukul Kerajaan. Dan apabila kita pukul dia, orang marah kita, sebab orang kata Majlis Peguam ini bukan politik, tetapi dia bercakap tentang politik. Jadi, untuk memastikan keadilan itu berlaku, kita mahu di kalangan peguam-peguam yang ada pada hari ini, kalau berminat untuk bercakap tentang politik, kalau berminat untuk membela rakyat dalam parti Pembangkang - keluar.

Kita tidak menghadkan dengan mengatakan bahawa peguara itu tidak boleh masuk dalam parti politik. Kita anak jantan, kita mahu mereka juga jadi anak jantan. Sebab itu, keluar dalam arena yang lebih besar, dan jangan berselindung di sebalik persatuan yang kononnya, yang sepatutnya mesti menjaga kebajikan ahli-ahli mereka.

Selain daripada itu, sepertimana saya telah sebutkan sebentar tadi bahawa memang saya sokong apa yang telah dicadangkan oleh Tuan Saad, iaitu supaya Pengerusi Bar Council hendaklah dipilih daripada Attorney-General, iaitu Peguam Negara dan saya ingin cadangkan lebih daripada itu, Menteri Kehakiman itu mestilah menjadi Peguam Negara.

Selaia daripada itu juga, untuk memastikan supaya perjalanan pentadbiran Bar Council di peringkat negeri itu berjalan dengan baik, saya ingin mencadangkan supaya Pengerusi Bar Council negeri-negeri yang berkenaan itu dilantik oleh Pengerusi Bar Council yang juga Menteri Kehakiman dan yang juga Attorney General. Sebab sepertimana yang telah saya sebut kerana akhir-akhir ini kita lihat bahawa peguam sudah tidak lagi menjadi golongan yang boleh kita hormati, kerana mereka sudah mula untuk bukan sahaja menipu rakyat, kadangkala anak guam mereka, tetapi kadangkala menyeleweng wang-wang yang telah disimpan dalam simpanan mereka itu.

Yang terakhir sekali Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana hujah-hujah yang telah saya sebut di atas tadi, iaitu Bar Council pada hari ini merupakan orang yang tidak menghormati pandangan rakyat sepertimana perbuatan mereka tidak menarik balik Resolusi 88

walaupun pilihanraya kecil, pilihanraya besar telah menunjukkan bahawa rakyat tidak sokong resolusi mereka yang menunjukkan bahawa mereka tidak mengendahkan pandangan rakyat dan juga hujah bahawa yang telah saya sebut, yang mana Bar Council juga merupakan satu badan yang tidak menghormati keputusan muktamad yang telah dibuat oleh mahkamah, maka saya merasa bahawa pindaan kepada Rang Undang-undang ini mestilah kita lakukan kerana yang lebih penting daripada segolongan manusia yang duduk dalam Majlis Peguam iaitu rakyat itu lebih penting.

Kita mesti ingat iaitu pindaan yang kita buat ini bukan kerana perasaan bahawa kita tidak boleh bersaing dengan Majlis Peguam, bukan kerana itu. Kalau kita tidak boleh bersaing dengan mereka sekalipun, itu adalah kerana mereka tidak mahu masuk dalam arena politik, tetapi sebenarnya kita pinda undang-undang ini kerana untuk kepentingan rakyat, itu lebih penting. Kita mesti ingat iaitu walau apa sekalipun kita lakukan, tidak pernah dalam hati kita. datangnya tindakan kita ini daripada perasaan marah terhadap mereka, tidak, kita hanya berhujah.

Dalam kita berhujah, emosi itu biasa, tetapi marah tidak pernah. Sebab sesuatu undang-undang, kalau ianya dipinda di atas perasaan marah, itu tidak akan merupakan satu undang-undang yang baik. Tetapi saya yakin dan percaya pindaan ini dilakukan ialah kerana Menteri Kehakiman telah melihat dengan begitu mendalam dengan wakil-wakil Kerajaan yang lain dan mengambil kira kepentingan rakyat itu adalah satu perkara yang paling terpenting sekali kerana akhirnya kita adalah bertanggungjawab kepada rakyat.

Maka oleh kerana itulah kita di sini, saya khususnya menyokong Rang Undang-undang ini, dan saya berharap semoga ia akan

menjadi undang-undang dan kita akan laksanakanatmya dengan secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Vadiveloo.

3.55 ptg.

Dato' G. Vadiveloo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahas Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminta Akta Profession Undang-undang.

Terlebih dahulu saya ingin menatabah pandangan-pandangan saya terhadap kes Tun Salleh Abas. Saya tidak ingin mengulas mengenai tuduhan-tuduhan terhadap beliau, tetapi beliau adalah yang menarik balik surat perletakan jawatannya, beliau juga eaggan menghadapi Tribunal Pertama dan juga enggan. mengemukakan hujah-hujah beliau atau bantahan beliau terhadap tuduhan-tuduhan ke atas beliau. Sebaliknya, beliau mencuba menghentikan atau menghalang Tribunal daripada menghantar laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong. Dan dalam perkara ini telah terdapat satu perintah larangan yang tidak sah pada 2hb Julai, 1988. Apa yang telah berlaku pada hari tersebut adalah satu order yang melanggar undang-undang dan tidak pernah dibuat oleh Mahkamah Tinggi setakat hari itu.

Ahli-ahli Dewan ini mesti ingat bahawa Tun Salleh Abas tidak memfailkan rayuan rasmi pada hari tersebut. Tambahan pula Ketua Hakim tidak mengizinkan pendengaran pada hari itu. Peguamcara Tun Salleh Abas telah memasuki Mahkamah Tinggi dan satu pendengaran khas telahpun diadakan oleh kawan-kawannya. Apa yang dilakukan oleh Tun Abdul Hamid iaitu Lord President adalah hanya untuk menahan satu perbuatan yang tidak sah. Penghinaan Mahkamah berlaku jika sesiapa menghalang seorang litigant daripada mendapat penghakiman

mahkamah, tetapi litigant yang ingin merayu kepada Mahkamah Tinggi mesti mengikut undang-undang dan tidak boleh mendapat keistimewaan daripada Mahkamah.

Tribunal Kedua telah memutuskan bahawa pendengaran khas yang telah diadakan pada 2hb Julai, 1988 adalah tidak sah dari segi undang-undang. Mahkamah Agung juga telah memutuskan seperti yang dinyatakan oleh Tribunal yang kedua. Justeru itu, Majlis Peguam yang menyatakan bahawa mereka menghormati Judiciary Malaysia sernestinya menerima keputusan tersebut dan membuat segalanya untuk menjalinkan hubungan yang baik dengan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa Rang Undang-undang ini tidak dibentangkan dalam Parlimen disebabkan oleh masalah-masalah yang berlaku akhir-akhir ini di antara Majlis Peguam dan Kerajaan. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, perselisihan faham di antara Majlis Peguam dan Kerajaan tertetua selepas tahun 1988, manakala pindaan-pindaan ini telah disyorkan dan ditentukan sebelumnya iaitu dalam tahun 1986.

Di masa itu, perhubungan di antara Majlis Peguara dan Kerajaan adalah baik.

Sebenarnya dalam bulan Oktober 1985,. Majlis Peguam telah menubuhkan satu Jawatankuasa bernama Bar Disciplinary Proceedings Review Comaicttee yang dipengerusikan oleh Allahyarham Tun Hussein Onn untuk mengkaji dan menyemak semula peruntukan-peruntukan yang sedia ada berhubung dengan prosedur tata tertib dan untuk syor-syor yang berpatutan untuk memperbaikinya.

Jawatankuasa Tun Hussein Onn bermesyuarat lebih limabelas kali dan pada hujung tahun 1986, satu laporan telah dikemukakan kepada Majlis Peguam. Oleh yang demikian, seperti yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Kehakiman, pindaan-pindaan yang dibuat tentang jentera atau machinery untuk mengemaskinikan prosedur tata tertib adalah atas inisiatif dan permintaan Majlis Peguam melalui Peguam Negara dan adalah hasil daripada syor-syor yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Tun Hussein Onn lima tahun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang bertujuan di antara lain untuk menetapkan perundangan mengenai dua aspek yang sangat mustahak dalam profesion undang-undang iaitu pertamanya peruntukan indemnity insurance bagi peguam dan keduanya, pindaan kepada prosedur tata tertib yang sedia ada bagi peguambela dan peguamcara.

Selain daripada kedua-dua pindaan tersebut, Rang Undang-undang juga membuat peruntukan bagi pemisahan Bar Negeri Selangor dan Bar

Wilayah Persekutuan yang sekarang ini bergabung. Rang Undang-undang bertujuan juga untuk memberikan kuatkuasaan (statutory) kepada amalan yang sedia ada bahawasanya, orang yang memohon kepada Mahkamah untuk diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara hendaklah mempunyai kelulusan atau dikecualikan daripada peperiksaan kelayakan Bahasa Malaysia.

Berkenaan dengan pengambilan insurans indemnity profesional bagi peguambela dan peguaracara, skim ini patut diadakan lama dahulu. Ahli-ahli Dewan ini sedia maklum bahawa bilangan orang yang terima masuk sebagai peguambela dan peguamcara telahpun meningkat dan aduan-aduan terhadap peguam telahpun turut meningkat sejak awal 80an. Walau bagaimanapun, bilangan aduan-aduan telah berkurang sebanyak 20% dalam tahun 1990 berbeza daripada profesion-profesion antara lain peguambela dan peguaracara terpaksa menyimpan atau memegang wang client dalam jagaan atau kawalan mereka dan peguam mempunyai kewajipan fiduciary. Oleh yang demikian, maka terdapatlah penyalahgunaan atau pelepasan wang client di antara segelincir peguam-peguam tetapi peratusan black sheep ini adalah kecil apabila dibanding dengan bilangan pengamal yang ada pada masa sekarang.

Saya percaya bahawa pelaksanaan skim insurans indemnity profesional adalah satu langkah yang akan memberi keyakinan dan perlindungan kepada orang ramai. Mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada, sebaik sahaja sebarang aduan diterima, 4 Perbadanan yang berasingan dengan kuasa yang berlainan akan terlibat dalam

penyiasatan. Perbadanan tersebut ialah Majlis Peguam, Jawatankuasa Bar Negeri, Jawatankuasa Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib. Keadaan inilah yang menyebabkan banyak kelewatan dan melibatkan kerja-kerja yang berulang-ulang dipelbagai peringkat pihak berkuasa.

Di bawah pindaan-pindaan baru **ini**, ciri utama ialah kewujudan atau penubuhan satu sistem penyiasatan yang mempunyai dua peringkat sahaja dan penyiasatan orang biasa dalam kedua-dua peringkat peayiasatan. Dalam peringkat pertama, satu penyiasatan permulaan, tiap-tiap aduan akan disiasat oleh satu Tribunal Penyiasatan terdiri daripada 3 orang ahli termasuk seorang ahli biasa yang semuanya dilantik oleh Lembaga Tatatertib daripada Panel Tribunal Penyiasatan. Tugas Tribunal Penyiasatan ialah untuk memastikan jika satu penyiasatan formal patut diadakan oleh Jawatankuasa Tata-tertib. Ini melibatkan penentuan atau keputusan, jika sebab yang cukup berat wujud bagi penyiasatan formal atau terdapat merit yang cukup dalam aduan. Meraandangkan kebanyakan aduan-aduan tidak ada berasas dan remeh serta menyusahkan, satu sistem penapisan atau filter system harus diadakan agar pengamal dilindungi daripada unsur-unsur yang tidak bertanggungjawab.

Jawatankuasa Tatatertib hanya akan dilantik jika Lembaga Tata-tertib menerima syor daripada Tribunal Penyiasatan bahawa penyiasatan formal patut diadakan atau Lembaga Tatatertib sendiri memutuskan bahawa hendaklah diadakan satu penyiasatan formai. Inilah peringkat kedua dalam proses penyiasatan. Jawatankuasa

Tatatertib hendaklah terdiri daripada 5 orang termasuk dua antaranya daripada orang biasa. Seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat rakan saya, Tuan Haji Mohamed Nazri, setakat ini Majlis Peguam mempunyai amalan bahawa mereka mesti dihukum di kalangan masyarakat mereka sahaja tetapi prinsip ini telahpun berubah dan di bawah pindaan-pindaan ini, orang biasa akan mengambil bahagian dalam penyiasatan.

Penyertaan orang biasa selain daripada memberi keyakinan kepada orang ramai, akan membuktikan bahawa profesion undang-undang adalah kerja untuk bertanggungjawab kepada orang -ramai terhadap semua urusan yang dijalankan oleh tiap-tiap pengamal. Orang ramai juga akan memperolehi maklumat yang sebenarnya terhadap amalan profesion undang-undang. Mengikut sistem yang sedia ada, tidak ada garis panduan untuk membantu Jawatankuasa Bar Negeri dan lain-lain Badan yang terlibat dalam penyiasatan masing-masing. Ini mengakibatkan prosedur dan keputusan yang tidak seragam dan amalan yang tidak sihat tetapi dengan adanya Lembaga Tatatertib, kelemahan-kelemahan yang ada sekarang akan diperbaiki dan kita akan mengadakan suatu jentera penyiasatan yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin menyentuh sedikit tentang subseksyen (m) dalam seksyen 94 yang berbunyi seperti berikut:

"(a) mengenakan tanpa perjanjian bertulis, berkenaan dengan perkhidmatan profesional yang diberikan kepada klien, fee atau kos yang terlalu berlebihan memandangkan semua hal keadaan;"

Subseksyen itu menyatakan bahawa peguambela dan peguamcara tidak boleh mengenakan fee atau kos yang terlalu berlebihan memandangkan semua hal keadaan bagi perkhidmatan profesional yang diberikan kepada seseorang klien ataupun fee dan kos ini adalah grossly excessive. Seksyen ini bukan sahaja bertujuan untuk memberi perlindungan kepada klien daripada peguam-peguam yang unscrupulous atau tidak mempunyai belas kasihan tetapi subseksyen ini bertujuan juga untuk mengesahkan fee biar bagaimanapua berlebihan dengan ada perjanjian bertulis, atau dalam perkataan yang lain, selagi seorang peguam yang unscrupulous membuat satu perjanjian bertulis dan mengenakan fee yang terlalu berlebihan, subseksyen ini akan memperlindungan perjanjian sedemikian walaupun kelakuan ini akan menyebabkan profesion undang-undang dipandang hina,

Pada hemat saya sifat atau character perbuatan tidak boleh berubah dengan adanya perjanjian bertulis. Di sini saya ingin menerangkan bahawa perkataan "tanpa perjanjian bertulis" tidak ada dalam syor asal oleh Jawatankuasa Tun Hussein Onn. Saya berharap Yang

Berhormat Menteri akan mengambil perhatian atas perkara ini dan akan mengkaji semula peruntukan ini sebab peruntukan ini hanya akan menimbulkan banyak aduan. Memandangkan cadangan-cadaagan ini telahpun dimulakan oleh Majlis Peguam dan disokong oleh Kerajaan maka saya menyokong Rang Undang-undang **ini**. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah.

4.05 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai suatu Akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang, 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh mengenai kelewatan perbicaraan kes-kes di negara ini. Saya dapati memanglah bahawa kelewatan perbicaraaaa kes-kes di negara ini adalah kesalahan yang dibuat oleh peguaracara dan peguambela sendiri kerana peguambela dan peguaracara di negara ini terlalu banyak mengambil kes-kes. Oleh sebab banyak kes, maka kes-kes itu akan bertembung hari perbicaraannya.

Apabila perbicaraan berternbuug hari, peguambela dan peguaracara ini memohon kepada mahkamah supaya ditangguhkan kepada hari yang lain. Perbuatan peguambela dan peguamcara yang menaugguhkan perbicaraan adalah mengikut kesenangan mereka sendiri sedangkan orang yang hendak dibicarakan adalah mereka yang dituduh bersalah tetapi belum tentu lagi bersalah. Mereka ada yang merenggok dalam penjara ataupun menderit jiwa kerana walaupun tidak duduk di dalam penjara,

mereka membayar jaminan tetapi mereka tersiksa bertahun-tahun kerana kelambatan perbicaraan. Jadi, dengan adanya Akta yang kita luluskan kelak dalam Dewan **ini**, kita dapat mengatasi sedikit kelemahan-kelemahan yang dibuat oleh peguambela dan peguamcara ini.

Satu lagi perkara yang selalu kita dengar sekarang mengenai pecah amanah. Peguam pada masa yang lalu sebagaimana yang kita ketahui, saya sendiri sangat menghormati peguam. Bila dengar peguam kita menggigil, hendak jumpa dia dua batu lagi kita menghormati. Tetapi sekarang apabila kita mendengar dia pecah amanah, megunakan wang pelanggan yang begitu banyak sehingga "pelanggan-pelanggan tersiksa. Pelanggan yang menyimpan wang yang begitu banyak untuk membeli rumah atau membeli tanah dan harta, begitu lama mencari wang tetapi apabila peguam-peguam melakukan pecah amanah, pelanggan-pelanggan tersiksa.

Jadi, dengan Akta yang baru ini dapat mengatasi sedikit penyelewengan yang dibuat oleh peguam-peguam, Begitu juga dengan adanya Akta yang akan kita luluskan ini, manusia yang duduk di dalam Majlis Peguam sekarang akau berubah barangkali tabiatnya ataupun pada satu masa peguam-peguam yang bijaksana yang memang baik akan, mentadbirkan Majlis Peguam dengan sempurna dan teratur.

Saya bersetuju dengan pandangan-pandatangan dari Yang Berhormat; Saudara Haji Nazri bin Abdul Aziz, Saudara Saad bin Man supaya dengan, pindaan itu perubahan akan berlaku. Sebenarnya Majlis Peguam ini bermaharajalela kerana peguam-peguam yang menjadi ahli Majlis Peguam ini juga melakukau kesalahan, mereka tidak pergi ke mesyuarat.

Bila dia tengok sahaja Majlis Peguam ini bermaharajalela, sudahlah saya pua tidak mahu pergi, menyampah. Perangai yang seperti itu, sepatutnya peguam-peguam yang menjadi ahli Majlis Peguam mengubah fikirannya. Setiap kali mesyuarat pergilah beramai-ramai dan mereka yang tidak sempurna otaknya itu harus diturunkan dan. sekiranya tidak, mereka yang tidak sempurna otak tadi yang tidak pernah menghormati undang-undang seperti yang kita dengar dan juga tidak pernah menghormati keputusan-keputusan mahkamah, manusia-manusia ini kalau diberi memerintah negara ini akan memerintah secara diktator kerana mereka dapat pengajaran dari negara-negara yang memang mengamalkan secara diktator. Apabila negara ini diperintah oleh pemimpin-pemimpin diktator, rakyat akan memberontak, huru-hara akan berlaku dan negara kita akan menjadi negara yang sentiasa dalam keadaan rusuhan, kesusahan dan juga penderitaan rakyat.

Bagi memendekkan masa untuk memberi peluang kepada kawan-kawan yang lain, saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan di Dewan yang mulia ini. Mudah-mudahan dengan lulusnya Rang Undang-undang ini dapatlah kita mengatasi semua penyelewengan yang dilakukan oleh peguam-peguam dan rakyat akan dapat pembelaan yang adil dan rakyat akan dapat hidup dalam selesa dan kita juga merasakan keselesaan dalam perjuangan menegakkan keadilan negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad.

4.19 ptg.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk saya memperkatakan sedikit berhubung dengan Rang -Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahar bagi menyokong suatu akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang, 1976 yang dinamakan Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 1991, rnaka saya juga berkewajipan, walau secebis pandangan untuk memperkatakan pindaan itu.

Saya menyokong penuh di atas saranan yang telah dikemukakan oleh rakan-rakan saya terutama Tuan Haji Nazri tadi dan begitu juga Tuan Saad Man daripada kelmarin lagi dan penyokongan saya itu bukan sahaja dari segi perkara-perkara yang kecil tetapi yang besarnya ialah di segi kedudukan perjawatan di dalam badan profesion ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah Kementerian yang memberi khidmat sokongan dalam hal-hal mengenai perancangan dan pembangunan, pentadbiran am, pengurusan kewangan dan profesional, adalah amat berat dalam memberi tanggungjawab terhadap fungsi-fungsi itu. Tanggungjawab bagi melaksanakan dengan sebaik mungkin segala fungsi itu tidak semata-mata terbeban di atas seorang Menteri sahaja, tetapi tanggungjawab itu menyeluruh semua keluarga Kementerian itu. Umpamanya, sebuah rumah tidak terusung oleh seorang arapun bilangan orang yang kurang melainkan semua anggota bahkan pandangan-pandangan ataupun nasihat didapatkan jaga daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Justeru itu amatlah perlu semua anggota keluarga Kementerian itu sentiasa muhibbah, tolong menolong, bantu membantu dan segala kelemahan yang didapati diselesaikan di meja perundingan.

Sebagai sebuah rumah yang mempunyai ketua keluarga, yakni bapa, semua anggota perlu mematuhi segala nasihat bapa. Sebagai sebuah keluarga yang dipandang tinggi oleh masyarakat negara ini biarlah sentiasa berada di tahap yang begitu terus menerus sehingga di masa-masa yang akan datang. Bagi mencapai maksud itu amatlah bijak

sekali bapa bagi keluarga itu menggariskan satu aturan ataupun peraturan. Bagi Kementerian Kehakimaan ini, dimana Akta Profesion Undang-undang yang lebih utuh agar tindakan yang menderhaka kepada bapa dapat dikawal dengan lebih rapi lagi. Sejauh ini nampaknya penderhakaan itu bukanlah dalam rumah tangga sahaja, tetapi telah tersibar luas ke merata dunia sehinggakan orang luar yang hendak datang ke rumah kita berasa takut, Akibat ketakutan itu, kesan negatif mula terasa oleh keluarga kita sendiri.. Justeru itu hendaknya, dengan adanya pindaan Akta ini yang bertujuan untuk mengawal dapatlah dipatuhi oleh semua keluarga yang terbabit.

Sesuatu teguran yang dibuat oleh bapa patutlah tidak diterima dengan perasaan yang negatif kerana di sebalik teguran bapa adalah semata-mata untuk kebaikan dan bagi mereka yang terasa terimalah dengan tenang dan tidak dipercakapkan di merata-rata, kerana akibatnya kita juga yang tidak baiknya. Dalam memperkatakan hal ini, jika bapa kita mengatakan kepada kita Majlis Peguam berbudaya pembangkang, bagi kita yang terasa dan benar kenyataan itu, kita mula meradang. Apa salahnya kalau kita mendiamkan sahaja, kerana yang mengatakan begitu ialah bapa kita. Terimalah dengan penuh kesabaran. Jika perkara ini kita rasa ditujukan untuk pertubuhan kita, pertubuhan kita perla mengambil kira kegiatan ahli-ahlinya. Apakah ada di kalangan anggota keluarga kita sudah terlanjur sehingga ke satu tahap yang melampau. Maksud saya mereka telah melanggar Akta Profesion Undang-undang 1976. Jika sekiranya ada, Majlis Peguam haruslah mengambil tindakan. Ini tidak, dibiarkan seseorang ahli bersikap keterlaluan menjual dan memburuk-burukkan negara.

Memandangkan Majlis Peguam seolah-olah menyokong penuh tindakan ahli yang liar, maka terpaksa Kerajaan sendiri mengambil tindakan membuat ataupun menenggalakan Akta Profesion Undang-undang 1991. Bukanlah bermakna mengikat kakitangan dan menutup mulut. Bagaimanapun Akta yang dibuat, itu hanyalah sebagai satu kawalan dan bagi mereka yang ahli dalam bidang undang-undang boleh mempertikaikan, kerana yang membuat undang-undang itu adalah manusia, melainkan undang-undang Allah. Oleh itu tidaklah hendaknya Akta ini dicari di mana ada kelemahannya. Bila Menteri Kehakiman menyebut sedikit - peguam yang berbudaya pembangkang, Naib Pengerusi Majlis Peguam lantas buat-buat tidak faham maksud peguam berbudaya pembangkang. Sebab itulah saya sebutkan tadi, tafsiran undang-undang boleh dibuat berbagai makna, melainkan undang-undang Allah. Maksud peguam berbudaya pembangkang tidak semestinya semua peguam tetapi siapa yang makan cabai, dialah yang merasa pedas. Tetapi apabila tindakan tanduk ahli-ahli Majlis Peguam memburuk-memburukkan negara di luar negara tidak diambil tindakan, Majlis Peguam bolehlah dikatakan Majlis Peguam berbudaya pembangkang. Yang demikian, bagaimanakah Naib Pengerusi Majlis Peguam boleh menafikan yang Majlis Peguam selama ini tidak berbau politik?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mengikut kenyataan Naib Pengerusi Majlis Peguam bahawa mereka tidak pernah bertindak seperti sebuah parti pembangkang. Mengikutnya lagi, kenyataan Menteri Kehakiman sungguh kabur. Sebenarnya kenyataan Menteri Kehakiman

tidak kabur, yang kabur ialah kenyataan Naib Pengerusi Majlis Peguam. Bagaimana tidak kaburnya kenyataan Naib Pengerusi Majlis Peguam? Dengan mendiamnya Majlis Peguam bila ahli-ahlinya menyeleweng, bermakna memberi sokongan moral kepada Pembangkang. Apakah ini juga tidak boleh dianggap berbudaya pembangkang?

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Akta ini saya amatlah tidak bersetuju sekiranya keluasan hak diberi kepada Majlis Peguam sekiranya mereka berhak memberi komen yang berbau politik atau kritik kerana profesion undang-undang berada dalam lingkungan atasan yang mana setiap anggota daripada profesion undang-undang seharusnya dipandang tinggi dan perlu dipatuhi tanpa engkar.

Dengan itu rakyat haruslah menghormati dan berpandangan tinggi. Selama ini pun memang rakyat berpandangan tinggi dan hormat, hanya kebelakangan ini sahaja. Bahkan negara-negara lain juga hormat kepada Kerajaan kita. Keputusan hukuman mati tanpa kira bulu yang dibuat oleh mahkamah walaupun ada yang cuba menggugat seperti keputusan hukuman mati yang dijatuhkan terhadap rakyat Australia sesuatu yang, disanjung tinggi oleh segenap pihak.

Jika sekiranya ada di kalangan profesion undang—undang yang mahu terus turun ke bawah, sanggup bersusah payah dengan rakyat, titik peluh sebutir intan, bila-bila masa sahaja rakyat alu-alukan. Tetapi jika mahu terus dengan profesion undang-undang biarlah dengan hal profesion undang-undang sahaja, tidak usah campur dengan kerenah politik.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang saya hendak memperkatakan sebagai menyokong dalam perbahasan undang-undang ini. Hendaknya dengan Dewan ini menerima undang-undang ini akan dapatlah diamalkan oleh segenap rakyat negara kita dengan penuh berdisiplin. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd. Zain bin Mat Daud:[Bangun]

Tuan Adam bin Kadir: Nampaknya sudah lama kita berbahas tentang Rang Undang-undang ini, Yang Berhormat hendak bercakap berapa lama agaknya?

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud; Sedikit sahaja.

Tuan Adam bin Kadir: Saya beri sampai jam 4.40 petang. Saya ingat sampai waktu untuk Menteri menjawab. Saya beri sampai 4.40 petang. Sila.

4.32 ptg.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Terima kasih, Tuan Yang di-pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahas suatu Akta yang dinamakan Akta Profesion Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Tuan Mohamed Nazri berhubung dengan gentlemen. Dia menyeru kepada Ahli-ahli Majlis Peguam Malaysia, dalam sebuah negara demokrasi kalau sekiranya hendak berpolitik hendaklah jangan menggunakan persatuan.

Jadi, sehubungan ini saya juga mengambil kesernpatan untuk menyeru Kerajaan Persekutuan juga supaya lebih gentlemen, dengan izin, terhadap rakyat Kelantan. Dengan penafian terhadap hak rakyat Kelantan untuk mendapatkan subsidi baja dan lain-lain peruntukan dari Kerajaan Pusat, pada saya jelaslah bahawa Kerajaan Pusat ini

tidak gentlemen. Dan sekiranya Kerajaan Pusat betul-betul gentlemen untuk mengamalkan konsep demokrasi, sepatutnya Kerajaan Pusat menghormati keputusan yang dibuat oleh rakyat Kelantan.

Puaa Ainon binti Ariffin: Minta penjelasan.

Tuan Adam bin Kadir: Saya rasa Yang Berhormat, cuba kita tumpukan kepada aspek-aspek perundangan.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya berhubung dengan ucapan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Tuan Mohamed Nazri tadi.

Tuan Adam bin Kadir: Jadi, Yang Berhormat Puan Ainon hendak minta penjelasan apa tadi?

Puan Ainon binti Ariffin: Kalau diizinkan.

Tuan Adan bin Kadir: Beri atau tidak, Yang Berhormat Tuan Mohd. Zam?

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Saya ingat tidak payahlah kerana masa tidak mengizinkan. Saya teruskan.

Tuan Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Penjelasan.

Tuan Adam bin Kadir: Ini Yang Berhormat Tuan Mohamed Nazri hendak bertanya.

Tuan Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pasal ucapan saya. Saya hendak minta penjelasan sedikit.

Tuaa Adam bin Kadir: Rujukan kepada ucapan Tuan Mohamed Nazri.

Tuan Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Rujukan kepada ucapan tadi.

Tuan Adam bin Kadir: Sila.

Tuan Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bila saya bercakap "gentlemen" bermakna.....

Tuan Azman Atar bin Othman: [Bangua]

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Tuan Azman, sila duduk sekejap.

Tuan Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ..kita bercakap tentang mengguna kuasa undang-undanglah. Saya ingin bertanya dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain, apakah semenjak parti PAS menang di Kelantan, adakah Kerajaan Pusat telah menggunakan akta-akta yang tertentu untuk menggagalkan kemenangan mereka? Ini kerana soal gentlemen. Sama ada Kerajaan Pusat sudah menggunakan Akta Emergency untuk menggagalkan pentadbiran di Kelantan.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain, saya rasa kalau hendak jawab, sila jawab ringkas sahaja, kemudian kita pergi kepada tajuk lain.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu jawab. Saya hendak terus.

Tuan Adam bin Kadir: Sila.

Tuan Mohd. Zain bin Mat Daud: Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.....

Tuan Azman Atar bin Othman; [Bangun]

Tuan Adam bin Kadir: Tuan Azman Atar bangun minta penjelasan. Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain, hendak beri kebenaran atau tidak?

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Tidak beri.

Tuan Azman Atar bin Othman: Kalau tidak beri itu menunjukkan Yang Berhormat berani bercakap tetapi takut hendak menjawab penjelasan. Cara itu tidak betul. Ini menunjukkan Yang Berhormat lagi tidak gentlemen.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Saya hendak mengutarakan beberapa pertanyaaa supaya Menceri berkenaan dapat menjelaskan. Pertamanya, apakah sebab-musabab yang pindaan itu baru hendak dikemukakan? Sebagaimana yang kita maklum undang-undang ini telahpun dibuat pada tahun 1976. Adakah peristiwa akhir-akhir ini yang membuatkan Kerajaaa berhasrat untuk meminda Akta ini kerana banyak diperkatakan oleh Majlis Peguam berhubung dengan tindak-tanduk Kerajaan.

Perkara yang kedua, adakah Kerajaan membuat kajian bahawa pandangan rakyat terhadap penghakiman sesuatu keputusan yang diputuskan oleh hakim di negara kita ini?

Perkara yang ketiga yang saya hendak bertanya berhubung dengan rayuan Kerajaan Kelantan melalui Penasihat Undang-undang Negeri terhadap dua kes yang mana bekas Wakil Rakyat di Negeri Kelantan telah menyaman Dewan Undangan Negeri terhadap satu undang-undang yang telah diputuskan di mana Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan telah merayu kepada Mahkamah Tinggi supaya kes ini dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kota Bharu.

Kes yang kedua, berhubung dengan tindakan kedua-dua bekas Wakil Rakyat yang meminta Dewan Undangan Negeri Kelantan membenarkan mereka untuk masuk kembali ke dalam Dewan. Juga pihak Penasihat Undang-undang Negeri telah memohon kepada Mahkamah Tinggi supaya kes ini dibicarakan di Kota Bharu....

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:[Bangun]

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain, saya rasa elok Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan sedikit. Sila duduk sekejap.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir ini penting oleh kerana kes-kes ini di dalam mahkamah, perkara ini tidak boleh dibincangkan dan soal-soal berkenaan perjalanan kes-kes dalam mahkamah tidak boleh dibawa ke dalam Dewan ini kerana ia akan **subjudice**.

Tuan Adam bin Kadir:Subjudice. Sila Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, hanya setakat itulah sahaja pandangan saya berhubung dengan Akta ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Terima kasih. Jadi saya dengan hormatnya menjemput Menteri yang berkenaan memberi jawapan kepada semua aspek-aspek perbahasan yang berlaku daripada semalam sehingga ke hari ini. Dipersilakan.

4.39 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Azman Atar, kepada Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin, kepada Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri, Yang Berhormat Tuan Saidin Mohamad, Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Haji Abdullah, Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain yang kesemuanya telah mengambil bahagian di dalam perbahasan pembentangan suatu pindaan kepada Akta Profesion Undang-undang, 1976.

Saya suka juga mengambil kesempatan di sini, untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Mohamed Nazri di atas perlantikan beliau sebagai Senatoi dan beliau telah dapat mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin yang akan tamat tempohnya yang telah menjalankan tugas beliau sebagai Senator dengan begitu cemerlang dan saya senantiasa memberikan perhatian di atas segala saranan. dan pandangan-pandangan yang baik yang senantiasa beliau berikan semasa saya berada di Dewan ini untuk memberikan jawapan ataupun memberikan penjelasan dan penerangan. Saya berdoa moga-moga beliau akan sentiasa terus maju jaya di dalam bidang yang beliau akan ceburi dan terus berpolitik sebagainya yang beliau telah lakukan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak kadangkala di dalam perbahasan ini mungkin akan timbul beberapa kekeliruan. Oleh itu saya bertujuan untuk memberikan beberapa penjelasan. Saya tahu, Yang Berhormat Senator Azman Atar banyak bercakap, oleh kerana dia kasih dan sayang kepada negara sehinggakan beliau begitu emosi di dalam saranan beliau untuk tindakan-tindakan yang perlu kami ambil, tetapi Kerajaan kita, sebagaimana Yang Berhormat Tuan Azman Atar sendiri maklum, adalah satu Kerajaan yang adil, yang mengambil kira walaupun pandangan itu tidak secukup dengan pandangan kita dan tidak mengikut dan sejajar dengan cara demokrasi yang kita amalkan di dalam negara kita, tetapi. kita masih lagi memberikan tempat kepada mereka untuk menyuarakan pendapat. Kalau kita hendak mengikut perasaan, memanglah orang-orang yang tidak menumpukan dan tidak mengikut Rule of Law, sebagaimana yang diamalkan di dalam negara kita ini

sepatutnya diambil tindakan dan hukuman-hukuman tertentu boleh diberikan ke atas mereka yang berbuat demikian, tetapi di atas nama keadilan, maka kita tidak mengambil apa-apa tindakan, melainkan mana-mana ahli Majlis Peguam yang telah melanggar peruntukan undang-undang tertentu yang ada di dalam negara kita. Selagi mereka rnelakukan tanpa melanggar undang-undang tertentu, maka tindakan yang khusus tidak dapat diambil terhadap individu-individu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan ini, saya suka juga menerangkan oleh kerana ramai daripada Ahli-ahli, sama ada kita peguam ataupun kita bukan peguam, untuk mengelakkan kemungkinan salah faham atau salah tafiran, yang mungkin diberikan, iaitu kebanyakan peguam (majoriti), adalah terdiri daripada golongan mereka yang menghormati undang-undang. Mereka menjalankan tugas mereka dengan baik dan apa yang kita pertikaikan pada masa ini ialah pemimpin dan segelintir peguam yang telah melakukan perkara-perkara yang kita menganggap boleh mencemar dan boleh menjejaskan nama baik ahli-ahli Bar Malaysia. Kita mesti bezakan di antara Majlis Peguam iaitu satu badan yang mentadbir dan mengurus hal ehwal peguam dengan ahli-ahli Bar Malaysia. Tiap-tiap peguam yang mengamal undang-undang adalah Ahli Bar Malaysia dan mereka yang dilantik untuk mengurus dan mengendalikan pentadbiran hal ehwaL peguam adalah mereka yang menduduki Majlis Peguam. Golongan ini sentiasa membawa perkara-

perkara yang boleh menjejaskan kedudukan negara kita sebagai sebuah negara merdeka, sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi dan sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, mereka sering bercakap berkenaan dengan Rule of Law dan mereka memperkatakan bahawa mereka membela hak asasi manusia. Apakah yang lebih tidak mengikut Rule of Law jika sekiranya tindakan berasaskan undang-undang celah diambil oleh Majlis Peguam, tetapi mereka gagal untuk mendapatkan keputusan sebagaimana yang mereka kehendaki. Saya ambil di dalam kes Ketua Hakim Negara. Tiadanya diambil bermula daripada berakhirnya Usul, di mana mereka mengambil tindakan penghinaan terhadap Mahkamah yang dilakukan oleh Ketua Hakim Negara dan mereka mengadakan tindakan ini tidak langsung bertujuan untuk menyingkirkan Ketua Hakim Negara, sedangkan akibatnya yang mereka tidak ceritakan kepada umum ialah jika mereka berjaya di dalam kes contempt of court, dengan izin, mereka dengan sendirinya akan menyingkirkan Ketua Hakim Negara. Mereka juga telah, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Saad bin Man, mengambil tindakan untuk melaporkan Ketua Hakim Negara supaya disingkirkan oleh Inns of Court di England, tetapi mereka gagal juga.

Jadi, daripada tiap-tiap tindakan yang mereka ambil, kita hormati oleh kerana mereka mengikut undang-undang, walaupun kita tidak mempersetujuinya. Oleh itu kita minta kepada Majlis Peguam supaya menghormati dan mengikut Rule of Law sebagaimana

rnereka melaung-laungkan, begitu juga di dalam sistem demokrasi. Mereka penting mengetahui bahawa mereka yang membuat keputusan adalah terdiri daripada golongan minoriti. Peguam-peguam yang mengamalkan undang-undang dan mempunyai sijil amal adalah lebih kurang 3000 peguam dan peguam yang membuat keputusan tidak melebihi 500 - 300 orang. Ini bermakna golongan minoriti telah memanipulasikan golongan majoriti. Jadi, disebabkan itulah, mereka yang mahu melaung-laungkan berkenaan dengan perkara-perkara yang bersabit dengan demokrasi mestilah awal-awal lagi bersikap demokratik di atas nama keadilan, di atas nama mereka menyanjung kedaulatan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah pada masa ini kita mahu Majlis Peguam mengambil keadaan semasa raengikciraf kedudukan Ketua Hakim Negara, oleh kerana kita memahami sistem yang diamalkan oleh negara kita adalah berasaskan kepada pembahagian kuasa ataupun pemisahan kuasa. Pemisahan kuasa bermakna pihak legislative, pihak executive dan pihak judiciary adalah berasingan dan masing-masing mempunyai peranan yang tertentu. Jika mereka tidak menghormati Ketua Hakim Negara - bukan orangnya yang kita minta hormati, sesiapa yang menjadi pemegang jawatan tidak penting, yang pentingnya ialah pertahanan dan pembelaan ke atas institusi yang akan menentukan sistem pemisahan kuasa itu akan dapat berjalan dengan baik dan tidak terjejas oleh mana-mana pihak yang tidak menjadi salah satu daripada cabang pemisahan kuasa dalam negara kita.

Oleh itu, Tuan Yang di-pertua, saya tidak bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh Tuan Ng Peng Hay supaya kita mengambil cara damai untuk mengadakan pertemuan dan menggunakan perantaraan, Walaupun saya menghormati Tuan Yang di-Pertua sebagai seorang peguam, tetapi saya tidak bersetuju supaya kita menggunakan sesiapa untuk mendamaikan di antara Mahkamah dengan Majlis Peguam. Majlis Peguam mengetahui hak mereka di dalam undang-undang. Mereka mestilah turut perintah dan patuhi kepada sistem perundangan yang ada di dalam negara kita. Mereka tidak menjadi satu cabang yang perlu kita tunduk. Saya bersetuju dengan Tuan Haji Nazri - kita dipilih oleh rakyat di mana Kerajaan yang ada pada hari ini adalah Kerajaan yang berasaskan kepada rakyat. Mengapakah 3000 orang atau 500 orang diberikan tetnpat seolah-olah merekalah golongan yang terpenting sekali di dalam negara kita dengan kita tunduk kemahuan dan kehendak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu tidak ada masalah di antara Kerajaan dengan Majlis Peguam, yang ada masalah ialah Majlis Peguam sahaja. Oleh itu perlu bagi mereka membetulkan diri mereka sendiri.

Saya ingin juga menyebut perkara yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Vadiveloo, Saya fikir kita kena betul-becul jelaskan, apabila kita bercakap bermakna kita adalah mewakili pihak yang menyokong Kerajaan dan segala cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa pada tahun 1985 dan 1986 oleh Jawatankuasa Tun Hussin Onn tidak bermakna laporan itu akan diterima bulat-bulat. Ianya dibentangkan untuk Majlis Peguam dan untuk pengetahuan Yang Berhormat Tuan Vadiveloo, Majlis Peguam sendiri pun telah menerima pindaan berkenaan dengan Seksyen 93Cn) supaya diadakan tanpa perjanjian bertulis. Saya sendiri bersetuju perlu diadakan peruntukan tanpa bertulis. Jika kita telah membuat keputusan untuk sesuatu fee, maka fee itu adalah satu fee yang mempunyai consensus ad eundem di antara kedua-dua belah pihak.

Dan oleh itu, ia tidak akan menjejaskan kedudukan peguam dan kepentingan orang ramai. Tujuan undang-undang itu ialah supaya pihak peguam tidak dapat mengenakan ataupun charge sesuatu fee yang tidak menasabah atau keterlaluan berasaskan kepada kedudukan persekelilingan.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin sebutkan ialah kita tidak-perlu kepada pembelaan yang hendak dilakukan oleh atau meminta Majlis Peguam untuk membela Kerajaan. Kita tidak perlu kepada keadaan yang sedemikian. Apa yang penting ialah kita mahu dan kita minta pada hari ini perkara yang meajadi masalah kepada Majlis Peguam ialah supaya mereka menceritakan kebenaran. Mengapakah Majlis Peguara menulis surat kepada persatuan-persatuan peguam di seluruh dunia mengatakan Kerajaan ingin mengambil kuasa Majlis Peguam? Mengapakah mereka menulis surat untuk mengatakan tidak ada kebebasan kehakiman, sedangkan mereka tiap-tiap hari berada di dalam Mahkamah mencari rezeki dan membuat nama dan menjadi orang yang mendapat naungan daripada sistem Mahkamah yang ada di dalam negara kita **ini**. Oleh itu, apa yang kita pinta ialah supaya mereka menceritakan segala kebenaran kepada badan-badan peguam di luar negara berkenaan kedudukan yang sebenar yang berlaku di dalam negara kita supaya tidak ada berlaku salah-faharn dan tohmahan-tohmahan yang

dibuat.

Dan mereka mestilah keluar, pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, daripada keadaan di Mahkamah. Bila mereka mendengar hujah kita orang-orang politik sama ada di Dewan Negara, di Dewan Rakyat atau di luar, mereka tidak boleh menganggap tiap-tiap hujah itu perlu pmabuktian. Kita tidak meminta keputusan daripada Majlis Peguam atau peguam-peguam tertentu. Apa yang penting ialah mereka tidak sepatutnya mempunyai sikap berkonfrontasi di dalam semua bidang, oleh kerana bidang-bidang ini tidak bermakna ia boleh membawa pertikaian; ia adalah pandangan-pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan isu-isu negara,

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah pada hari ini kita memikirkan sudah tiba masanya yang kita perlu melihat Akta Profesion Undang-undang ini secara keseluruhan. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya jelaskan bahawa Rang Undang-undang ini adalah satu permulaan untuk melihat supaya pentadbiran dan pengurusan profesion undang-undang itu dapat dikawal dan tejamin bagi kepentingan orang awam dan kepentingan client.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat juga, Akta ini bukanlah didorong oleh keadaan semasa ssbagaimana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Mohd. Zain Hj. Mat Daud tadi. Ia bukan disebabkan kejadian pada masa ini oleh kerana pada kita tidak ada apa-apa kejadian. Ini adalah berasaskan kepada permintaan Majlis Peguam sendiri dan permintaan orang awam. Oleh kerana kalau Majlis Peguam sahaja meminta kepada kita, kalau kita mengambil sikap yang

tidak demokratik dan tidak adil, kita tidak perlu melayani Majlis Peguam. Siapa mereka untuk kita melayani? Tetapi kita lebih mementingkan kepentingan rakyat yang kita wakili, sebab itulah pindaan ini dikemukakan, walaupun kita tahu sikap Majlis Peguam pada masa ini adalah satu sikap yang negatif dan memberi gambaran seolah-olah Kerajaan mempunyai krisis dengan Majlis Peguam. Krisis yang ada adalah krisis di dalam Majlis Peguam sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sekarabg saya suka menjawab secara satu-persatu berkenaan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Berkenaan dengan cadangan oleh Yang Berhormat Senator Azman Atar dan Yang Berhormat Senator Saad Haji Man, bahawa akta akan dipinda lagi sekiranya pindaan ini tidak sesuai. Sebagaimana saya katakan bahawa kita akan terus meneliti, menyemak kesesuaian akta ini dan peruntukan-peruntukan tertentu, apa yang penting ialah kita dapat menentukan, supaya Majlis Peguam dan badan peguam itu dapat ditadbirkan bagi kepentingan ahli mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan profesionalisme mereka. Jadi, jawabnya kepada Yang Berhorrnat Senator Azman Atar ialah, kita akan melihat dan meneliti cadangan bahawa pindaan-pindaan dilaksanakan dengan ketat dan berkesan di atas apa juga pindaan yang kita cadangkan, pada hari ini jika diluluskan., akan kita laksanakan mengikut peruntukan undang-undang dan tidak akan ada apa-apa kelonggaran supaya keyakinan rakyat akan pulih kepada satu profesion yang kita anggap tinggi dan dihormati.

Yang Berhormat Senator Haji Mohamad Nazri membuat cadangan

memastikan bahawa tiap-tiap peguam mengambil bahagian dalam skim insurans indemniti profesional, Seksyen 78A (1) dan (2) memperuntukkan bahawa "Majlis Peguam boleh, dengan kelulusan Peguam Negara, membuat kaedah-kaedah yang boleh menetapkan bahawa seseorang peguam tidaklah berhak mendapat Sijil Tahunan melainkan jika dia telah mengambil insurans sebagaimana yang dikehendaki". Ini adalah satu cara untuk menentukan yang apabila orang ramai mempunyai urusan dengan peguam, ia akan pasti peguam itu jika ia mempunyai Sijil Tahunannya, ia telah mempunyai insurance cover, dengan izin.

Berkenaan dengan persoalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Haji Nazri juga cadangan Yang Berhormat Tuan Saad Haji Man, supaya Peguam Negara menjadi Pengerusi Majlis Peguam, saya fikir perkara ini akan diambil perhatian sama ada Peguam Negara itu akan menjadi seorang daripada Ahli Kabinet atau tidak, itu saya fikir tidak penting. Yang pentingnya ialah bagaimana kita dapat menjalankan urusan dan pentadbiran Majlis Peguam supaya ia dihormati dan disegani dan dapat mentadbirkaa badan yang tertinggi untuk mewakili peguam itu dapat ditadbirkan dengan sempurna. Oleh itu, berkenaan dengan cadangan Pengerusinya, berkenaan Pengerusi-peagerusi di peringkat negeri akan kita teliti dan kaji dan jika ada apa-apa kesesuaian yang difikirkan boleh diperlakukan bagi kepentingan rakyat, kepentingan peguam-peguam, maka kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Senator Ainon Arifin bertanya juga berkenaan

dengan indemniti di bawah Fasal 9, bolehkah dapat gantian jika dianiaya oleh peguam. Jawabnya ialah perlindungan skrin insurans indemniti profesional di bawah seksyen 78A (1) adalah terhadap apa-apa kes **liabiliti** profesional termasuk aniaya oleh peguam.

Soalan mengenai mengapa kemahiran dalam Bahasa Malaysia tidak diwajibkan di bawah Pasal 3 Rang Undang-undang ini. Untuk makluman Yang Berhormat Puan Ainin, Fasal 3 bertujuan meminda Seksyen 15 Akta Profesion Undang-undang 1976 untuk mengadakan peruntukan di antara lain supaya apa-apa permohonan kepada Mahkamah untuk diterima masuk ke Bar kenalah disokong oleh keterangan dokumentar yang menyatakan bahawa pemohon telah lulus atau dikecualikan daripada Peperiksaan Kelayakan Bahasa Malaysia. Di bawah seksyen 5 Akta yang sama, Lembaga Kelayakan adalah diberi tugas untuk mengadakan peruntukan mengenai pengurusan dan perjalanan Peperiksaan Kelayakan Bahasa Malaysia. Ia adalah juga diberi kuasa di bawah seksyen 6(2) Akta untuk membuat kaedah-kaedah bagi memberi pengecualian kepada orang-orang yang berkelayakan daripada mengambil peperiksaan itu. Oleh yang demikian, dengan tidak secara langsung Akta menghendaki supaya seseorang yang berhasrat untuk memohon menjadi Ahli Bar mestilah mahir dalam Bahasa Malaysia. Hendaklah dimaklumi bahawa pindaan dalam Pasal 3 adalah berhubung dengan seseorang peguam baru.

Mengenai peguarn-peguam lama yang telah diterima masuk ke Bar sebelum keperluan Bahasa dikenakan, adalah dianggap bahawa mereka hendaklah mahir dalam Bahasa itu supaya dapat menjalankan kes mereka dalam Bahasa Malaysia di Mahkamah. Di

bawah Seksyeu 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967, mengadakan peruntukan bahawa semua prosiding dalam Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan, melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah setelah menimbangkan kepentingan keadilan. Oleh itu, peruntukan untuk menentukan penggunaan Bahasa Malaysia mencukupij kebanyakannya dipulangkan kepada budibicara Mahkamah untuk menentukan keadaan dan kesesuaian mana-mana permohonan untuk memasukkan sama ada sebagai peguam yang baru untuk menjadi peguambela dan peguamcara ataupun peguam yang dimasukkan berasaskan kepada permohonan khusus.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga jelaskan oleh kerana perkara berkenaan perlantikan Peguam Negara sebagai Presiden Majlis Peguam yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri dan Yang Berhormat Tuan Saad bin Haji Man. Di bawah Seksyen 54(1) Akta Profesion Undang-undang 1976, Yang Dipertua Majlis Peguam hendaklah dilantik dari antara ahli-ahlinya. Oleh kerana Peguam Negara bukanlah ahli Majlis Peguam, adalah tak wajar dan adalah tidak selaras dengan undang-undang baginya untuk dilantik sebagai Yang Dipertua. Bermakna cadangan untuk melantik Peguam Negara sebagai Presiden Majlis Peguam memerlukan pindaan kepada undang-undang. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga

Dato' Azumu bin Tak: [Bangun]

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Azumu bangun.

Dato' Azumu bin Tak: Bukankah Peguam Negara itu seorang peguam juga, kenapa dia tidak menjadi ahli Majlis Peguam?

Tuan Adam bin Kadir: Silakan.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri bukan peguam dalam takrifan Akta Profesion Undang-undang. Apa yang dianggap sebagai Peguam ialah seseorang yang telah

didaftarkan sebagai peguambela dan peguaracara dan diterima untuk mengamalkan undang-undang di dalam Mahkamah Tinggi di Borneo ataupun di Semenanjung Malaysia. Jadi, walaupun kelayakan adalah sebagai seorang peguam, tetapi dari segi takrifannya bukan pengamal undang-undang sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Profesion Undang-undang. Tetapi ini tidak mengecualikan seseorang Pendakwara untuk mewakili Kerajaan dalam kes-kes tertentu di dalam mahkamah sebagai Peguam Kerajaan. Itu adalah berbeza dengan pengamal undang-undang di bawah Akta Profesion di mana mereka mempunyai **sijil** amal untuk mengamalkan undang-undang sebagai Peguambela dan Peguamcara.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pada masa dahulu di bawah Ordinan Peguamcara dan Peguambela iaitu, dengan izin, Advocates and Solicitors Ordinance (No.4/1947), kita pernah mengadakan peruntukan bahawa dalam Mesyuarat Agung Tahunan Badan Peguam, Peguam Negara hendaklah menjadi Pengerusi dan mempunyai undi pemutus atau casting vote, dengan izin, dan Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dijalankan untuk melantik Majlis Peguam tetapi tidak melantik Presidennya oleh kerana Presidennya secara automatik adalah Peguam Negara.

Sebaik sahaja Majlis Peguam dilantik, ia hendaklah kemudiannya terus melantik Pengerusinya sendiri dari ahli-ahlinya iaitu yang dahulunya Peguam Negaralah yang mempengerusikan mesyuarat dan di

dalam mengurus Mesyuarat dia boleh menggunakan undi pemutus. Ini pada sejarahnya. Dalam Ordinan itu sendiri tiada peruntukan menyatakan bahawa Peguam Negara telah menjadi Pengerusi Majlis Peguam. Tugasnya - mungkin perkara yang saya sebut tadi tidak jelas tugas seorang Peguam Negara di bawah Ordinan Peguamcara dan Peguambela No. 4/1947 ialah untuk mengurus sahaja Mesyuarat Majlis Peguam, Mesyuarat Tahunan, Bar Malaysia dan setelah dia mengurus, tamat tugasnya, dan tidak ada peruntukan yang mengatakan ia telah menjadi Pengerusi Majlis Peguam. Tugasnya sebagai Pengerusi didapati telah dilaksanakan atas perantikan awal ahli-ahli Majlis Peguam. Jadi, kalau ada apa-apa perkara yang ingin dikemukakan kita terpaksa merujuk kepada amalan yang lalu, yang telah menentukan kedudukan Majlis Peguam dan kedudukan Peguam Negara sebagai ahli yang mengurus Mesyuarat Agung Majlis Peguam.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara-perkara lain telahpun disentuh dan oleh kerana saya tidak bertujuan untuk bercakap lebih panjang di dalam menjawab perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih saya kepada tiap-tiap Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil

bahagian dan memberikan pandangan. Mungkin saya tidak dapat menjelaskan atau memberikan jawapan kepada tiap-tiap persoalan yang dikemukakan. Jika itu berlaku, saya mohon maaf tetapi tiap-tiap perkara yang dikemukakan akan diambil perhatian dan di mana tindakan-tindakan tertentu penting dan perlu diambil maka kita akan mengkaji dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekian.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan. .

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO.2)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.08 ptg.**

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangau [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, dan Akta Setem 1949, dan memansuhkan Enakmen Duti Harta Pesaka 1941, Ordinan Duti Harta Pesaka bagi Sabah, Ordinan Duti Harta Pesaka bagi Sarawak, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1965, Akta Kewangan (Duti Harta. Pesaka) 1971, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1979, dan Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1980 dibacakan buat kali kedua sekarang.

Pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang telah dikemukakan semasa membentangkan Belanjawan 1992 baru-baru ini. Izinkan saya memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini.

Untuk memberi takrif yang lebih tepat kepada "orang-orang cacat", Fasal 4 bertujuan meminda Seksyen 18 Akta Cukai Pendapatan 1967 dengan memansuhkan takrif "disabled person". Pindaan ini akan berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1992. Sebelum ini pembelian alat-alat oleh majikan untuk kegunaan kakitangan mereka tidak diberi potongan sepenuhnya pada tahun alat-alat tersebut dibeli.

Fasal 5(a) bertujuan memasukkan satu perenggan baru iaitu perenggan (e) ke dalam Seksyen 34, Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk membenarkan potongan sepenuhnya diberi ke atas perbelanjaan majikan untuk membeli alat yang perlu bagi membantu pekerja yang hilang upaya. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1992.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan dua perenggan baru (f) dan (g) ke dalam Seksyen 44(7) untuk memberi makna yang lebih luas kepada perkataan 'organisation' bagi merangkumi organisasi yang mendapat bantuan Kerajaan semata-mata untuk menjalankan kegiatan bagi mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan pembangunan industri dan komersial dan organisasi yang ditubuhkan dan diselenggarakan khas untuk mentadbir dan mengendalikan suatu tabung semata-mata bagi menggalakkan perpaduan negara. Pindaan ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari 1990.

Fasal 8 bertujuan memasukkan satu perenggan baru (d) di dalam Seksyen 46 untuk memberi pelepasan kepada seseorang individu sehingga maksimum \$3,000 bagi membeli alat-alat sokongan yang perlu untuk kegunaannya atau untuk isterinya, anak atau ibu bapanya yang hilang upaya. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1992.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 10 bertujuan meminda Seksyen 48(1) untuk menaikkan had umur bagi pelepasan anak daripada 16 kepada 18 tahun dan menaikkan jumlah pelepasan bagi seseorang anak yang hilang upaya daripada \$1,000 kepada \$1,600. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1992.

Fasal 12 bertujuan menggantikan perenggan (b) Seksyen 50(3) di mana seorang isteri telah membuat pilihan di bawah Seksyen 45(2) atau seorang isteri itu tidak mempunyai pendapatan berjumlah bagi tahun taksiran berkenaan, caruman insurans isteri adalah juga

disifatkan telah dibayar oleh suami. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1991.

Fasal 13 bertujuan menggantikan subseksyen (7), Seksyen 60 bagi memperuntukkan had bagi potongan kepada 95% ke atas premium yang dibayar oleh perniagaan insurans umum, berkaitan dengan apa-apa insurans semula dengan penanggung insurans yang dilesenkan di bawah Akta Insurans Luar Pesisir 1990, sama seperti dalam kes penanggung insurans di luar pesisir, Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1992.

Fasal 14(a) bertujuan meminda subseksyen (1) Seksyen 60D untuk melanjutkan tempoh pengecualian ke atas pelupusan syer dalam syarikat usahaniaga oleh syarikat modal usahaniaga daripada 2 kepada 3 tahun.

Fasal 14(b) pula bertujuan meminda subseksyen (3) Seksyen 60D untuk membenarkan kerugian yang berbangkit daripada pelupusan syer-syer dalam Syarikat Usahaniaga atau ke atas pembubaran Syarikat Usahaniaga ditolak di bawah Seksyen 43(2) atau 44(2).

Fasal 14(c) bertujuan membenarkan perbelanjaan yang tidak diserap dalam sesuatu tahun taksiran dibawa ke tahun hadapan. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1992.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 15 adalah untuk memasukkan satu subseksyen baru (4A) dan menggantikan subseksyen (6) Seksyen 60E untuk membenarkan syarikat ibu pejabat operasi yang bermastautin di Malaysia, mengagihkan pembayaran dividen setelah cukai dibayar tanpa perlu membuat potongan cukai ke atas dividen tersebut. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1992.

Fasal 17 bertujuan menggantikan Bahagian IV Jadual I, Akta Cukai Pendapatan 1367 untuk mengurangkan kadar cukai ke atas pendapatan koperasi. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1992.

Fasal 18 bertujuan meminda Jadual III dengan memasukkan perenggan baru 2A, 2B, 2C dan 13A. Perenggan 2A bertujuan memperuntukkan perbelanjaan loji yang layak ke atas loji ataupun jentera yang telah digunakan bagi maksud bukan perniagaan sebelum ia digunakan bagi maksud perniagaan. Perbelanjaan loji yang layak yang akan diambilkira ialah harga pasaran ke atas loji dan jentera pada hari ianya digunakan bagi maksud perniagaan.

Perenggan 23 bertujuan memperuntukkati perbelanjaan loji yang layak bagi maksud loji dan jentera yang telahpun digunakan semasa tempoh pengecualian dan seterusnya digunakan bagi maksud perniagaan selepas tempoh pengecualian. Perbelanjaan loji yang layak ialah harga pasaran. atau nilai bersih buku, mengikut mana yang lebih rendah, pada hari ianya dibawa masuk dan digunakan dalam perniagaan. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1992.

Tuan Yang di-Pertua, Pasal 19 bertujuan meminda Jadual VI. Dengan pindaan ini pengecualian daripada cukai ka atas pendapatan yang diperolehi daripada penterjemahan buku atau karya sastera ditambah daripada \$3,000 kepada \$6,000.

Perenggan 32B pula bertujuan menaikkan pengecualian cukai yang telah diberi kepada penulis ke atas pendapatan yang diperolehi daripada royalti dari \$6,000 kepada \$12,000.

Sementara itu, Perenggan 35 telah digantikan dengan perenggan yang baru dengan memasukkan pengecualian cukai ke atas faedah bagi bon-bon korporat. Pindaan-pindaan ini berkuatkuasa mulai daripada tahun taksiran 1992.

Tuan Yang di-Pertua, Bab 111 ialah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967. Pasal 21 bertujuan untuk mengurangkan kadar cukai pembangunan daripada 3% kepada 2%. Pindaan itu berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1992.

Fasal 25 pula bertujuan menggantikan perenggan (a) Seksyen 21B(1) bagi memperuntukkan bahawa pemeroleh hendaklah memegang simpan kesemua wang balasan atau jumlah wang yang tidak melebihi 5% daripada jumlah nilai balasan itu, mengikut mana yang lebih rendah, sehingga ia menerima kelulusan daripada Ketua Pengarah, Jabatan Hasil Dalam Negeri di bawah Seksyen 21A. Pindaan ini berkuatkuasa pada 1hb November 1991.

Tuan Yang di-Pertua, Bab V ialah berkenaan pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Bab ini bertujuan memperluaskan skop penganan cukai ke atas perkhidmatan seperti yang diumumkan dalam Ucapan Belanjawan.

Bab VI ialah berkenaan pindaan-pindaan kepada Akta Setem 1949. Bab ini bertujuan meminda Akta Setem tersebut untuk menghapuskan duti setem ke atas nota bank, bil pertukaran yang kena dibayar bila dituntut, bil muatan dan resit dan untuk mengecualikan duti setem bagi apa-apa pindahmilik atau serahhak ka atas jualan hakcipta, cap dagangan, paten dan lain-lain hak yang sama. Pindaan ini berkuatkuasa mulai Januari 1992.

Tuan Yang di-Pertua, Bab VII ialah berkenaan pemansuhan Enakmen Duti Harta Pesaka 1941, Ordinan Duti Harta Pesaka bagi Sabah, Ordinan Duti Harta Pesaka bagi Sarawak, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1965, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1971, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1979 dan Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1980. Bab ini bertujuan memansuhkan duti harta pesaka mulai dari 1 November 1991.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiasaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan Akta Setem 1949, dan memansuhkan Enakmen Duti Harta Pesaka 1941, Ordinan Duti Harta Pesaka bagi Sabah, Ordinan Duti Harta Pesaka bagi Sarawak, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1965, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1971, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1979 dan Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1980, sekarang dibuka untuk perbahasan. Dipersilakan sesiapa Ahli-ahli Yang Berhormat. Tak ada perbahasan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan. sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG TABUNG ANTARABANGSA BAGI
PEMBANGUNAN PERTANIAN**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.20 ptg.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian, 1991 dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan membolehkan Malaysia menjadi anggota Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian. Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian ataupun International. Fund for Agricultural Development, atau IFAD, adalah sebuah agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang telah ditubuhkan pada tahun 1977.

Tujuan IFAD ialah untuk memberi bantuan kewangan kewangan kepada negara-negara yang sedang membangun bagi projek-projek memajukan sektor pertanian khususnya pengeluaran makanan. Negara-negara yang telah mendapat pinjaman daripada IFAD termasuklah negara-negara di Afrika, Asia, Latin Amerika dan negara-negara Carribean. Bagi tempoh tahun 1978 hingga 1990, sejumlah kira-kira US\$2,870 juta telah dipinjamkan kepada negara-negara ahli IFAD.

Keahlian, IFAD adalah terbuka kepada semua negara ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan negara-negara tersebut terbahagi kepada 3 kategori seperti berikut:

Kategori I : negara-negara maju yang meliputi 22 buah negara;

Kategori II : bagi negara-negara pertubuhan negara-negara pengeksporth minyak atau OPEC yang meliputi 12 buah negara; dan

Kategori III: bagi negara-negara membangun yang terdiri daripada 111 buah negara. Pada masa ini sebanyak 145 buah negara telahpun menjadi ahli IFAD.

Saya ingin memberi penjelasan tentang beberapa butir penting mengenai Rang Undang-undang ini.

Fasal 3 Rang Undang-undang memberi kuasa kepada Kerajaan menandatangani Perjanjian Penubuhan Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian. Malaysia telah menjadi anggota IFAD pada 23 Januari tahun 1990 yang lalu.

Pengurusan dan operasi IFAD diuruskan melalui Majlis Pengelola atau Governing Council, Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan yang diketuai oleh Presiden serta kakitangan pentadbiran. Tiap-tiap ahli mempunyai wakil dalam Majlis Pengelola dan dikehendaki melantik seorang Gabenor dan Gabenor alihganti. Lembaga Pengarah pula terdiri daripada 13 orang ahli yang terdiri daripada 6 orang wakil daripada tiap-tiap kategori keahlian.

Sumber kewangan IFAD adalah melalui sumbangan daripada negara-negara ahli. Negara-negara lain dan pertubuhan yang bukan ahli IFAD juga boleh menyumbangkan kepada badan tersebut. Semasa

penubuhan IFAD, negara-negara kategori I dan II masing-masing telah menyumbangkan sebanyak US\$567 juta dan US\$435 juta sebagai sumbangan permulaan. Negara-negara kategori III telah menyumbang sebanyak kira-kira US\$19 juta sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 Rang Undang-undang ini memperuntukkan bahawa kelulusan Dewan Rakyat melalui ketetapan perlu diperolehi sebelum sumbangan tambahan boleh dibuat kepada IFAD. Bagi tahun 1992, sebanyak \$300,000 telah diperuntukan sebagai sumbangan Malaysia kepada badan tersebut.

Fasal 4 Rang Undang-undang menghendaki sumbangan kepada IFAD dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan,

Tuan Yang di-Pertua, IFAD adalah sebuah badan berbagai hala yang bertujuan memberi bantuan kewangan kepada negara-negara sedang membangun. Penyertaan Malaysia dalam badan ini membuktikan sokongan kita terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan taraf hidup negara-negara miskin dan negara-negara sedang membangun khususnya di Benua Afrika dan Asia. Keanggotaan Malaysia juga penting dan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kerjasama di antara negara-negara Selatan-selatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk membolehkan Malaysia menjadi anggota Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian melalui

penerimaan Perjanjian Penubuhan Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Tidak ada, nampaknya angkat tangan menunjukkan tidak ada orang hendak bercakap. Menteri pun tak payah jawab. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN
(TABUNG ANTARABANGSA BAGI PEMBANGUNAN PERTANIAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.29 ptg.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Pinjaman (Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian) 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan membolehkan Malaysia atau badan-badan berkanun mendapat pinjaman daripada Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian. Seperti yang saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini sebentar tadi, IFAD ataupun Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian ini ditubuhkan pada tahun 1977.

IFAD memberi pinjaman bagi projek-projek untuk memajukan sektor pertanian khususnya pengeluaran makanan, mengikut- syarat-syarat pinjaman seperti berikut.

Yang pertama, Pinjaman Khas di atas syarat yang paling mudah dengan bayaran perkhidmatan sebanyak 1% setahun dan tempoh kematangan selama 50 tahun termasuk grace period, dengan izin, selama 10 tahun, diberi kepada negara-negara yang berpendapatan per kapita US\$300 setahun atau kurang.

Yang kedua, pinjaman di atas syarat sederhana dengan kadar faedah sebanyak 4% setahun dan tempoh kematangan selama 20 tahun, termasuk grace period selama 5 tahun.

Yang ketiga, pinjaman di atas syarat biasa dengan kadar faedah sebanyak 8% dan tempoh kematangan selama 15 hingga 18 tahun, termasuk grace period selama 3 tahun.

Berdasarkan kepada kedudukan ekonomi negara kita, IFAD bersedia memberi pinjaman kepada Malaysia di bawah syarat pinjaman yang ketiga, yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada Kerajaan Malaysia untuk meminjam daripada IFAD. Ia juga mengadakan peruntukan menghendaki apa-apa perjanjian pinjaman di antara Kerajaan dengan IFAD dibuat di atas nama Kerajaan Malaysia

yang boleh ditandatangani bagi pihak Kerajaan oleh Menteri Kewangan atau oleh sesiapa sahaja yang diberikan kuasa oleh beliau. Ia juga memerlukan segala perjanjian pinjaman yang ditandatangani dengan IFAD dibentangkan di Dewan Rakyat.

Fasal 4 Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada kerajaan untuk mengeluarkan bon, nota janji hutang ataupun suratcara bagi maksud melaksanakan terma-terma perjanjian yang dibuat oleh Kerajaan dengan IFAD berkenaan dengan pinjaman daripada IFAD.

Fasal 5 Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada badan-badan berkanun untuk meminjam daripada IFAD, setelah mendapat kelulusan bertulis daripada Menteri Kewangan.

Fasal 6 Rang Undang-undang pula menyatakan wang pinjaman oleh badan-badan berkanun hendaklah digunakan untuk maksud-maksud yang baginya wang itu dipinjam.

Kerajaan diberi kuasa di bawah Fasal 7 Rang Undang-undang ini untuk menjamin pinjaman yang dibuat daripada IFAD oleh badan-badan berkanun.

Fasal 8 pula menggariskan sekatan ke atas kuasa-kuasa meminjam oleh badan-badan berkanun selagi jaminan masih belura selesai. Ini bermakna selagi Kerajaan terus bertanggung apa-apa jaminan pinjaman badan-badan berkanun dengan IFAD, badan-badan tersebut tidak boleh meminjam kecuali dengan persetujuan Menteri Kewangan.

Fasal 10 Rang Undang-undang ini menghendaki pihak badan-badan

berkanun membayar balik kepada Kerajaan jumlah wang yang dibayar di bawah jaminan.

Fasal 11 menghendaki apa-apa pertikaian di antara IFAD dengan Kerajaan atau dengan pihak badan-badan berkanun atau kedua-duanya mengenai mana-mana perjanjian, diputuskan melalui timbangtara mengikut cara yang dipersetujui di antara pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa kini Kerajaan membuat pinjaman projek daripada institusi kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan daripada sumber-sumber pinjaman dua hala seperti OECF, daripada Jepun dan Export-Import Bank daripada Jepun serta juga Bank Pembangunan Islam.

Walau bagaimanapun, memandangkan sektor pertanian negara masih memberi sumbangan yang penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia, IFAD boleh membantu membiayai projek-projek pembangunan pertanian di negara kita. Di samping itu, Malaysia akan dapat menikmati khidmat-khidmat kepakaran yang disalurkan oleh IFAD melalui pinjaman projek. Dengan yang demikian adalah difikirkan wajar bagi Malaysia menganggotai badan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya moha mencadangkan.

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta membuat peruntukan untuk Malaysia atau pihak-pihak berkuasa berkanun tertentu memperdapatkan pinjaman daripada Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian dan untuk perkara-perkara yang bersangkutan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Tuan Saidin.

5.36 ptg.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dalam membahas Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan untuk Malaysia atau pihak-pihak berkuasa berkanun tertentu memperdapatkan pinjaman daripada Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian dan untuk perkara-perkara yang bersangkutan dengannya ataupun Akta Pinjaman (Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian) 1991, saya ingin memperkatakan bahawa dalam memperuntukkan dan mendapatkan peruntukan wang bagi sebarang pembangunan pertanian, amatlah rnustahak demi untuk membolehkan negara ini, dan petani-petani khususnya, bagi memodenkan pertanian secara komersial. Sejauh ini petani-petani di kawasan berpaya atau kawasan rendah sahaja dapat menikmati sistem moden dengan tanaman padi dua kali setahun dan pengeluaran hasil yang baik dan dapat dipertingkatkan permodenan daa hasilnya, Sedangkan di

kawasan-kawasan tinggi atau tanaman padi setahun sekali, sebahagian kecil sahaja tanah dipergunakan dengan sepenuhnya, iaitu terutamanya tanaman tembakau, sedangkan sebahagian besarnya terbiar. Ini disebabkan cara-cara pertanian moden ataupun komersial dan bersistem serta berteknologi tinggi tidak dijalankan. Dengan peruntukan seberapa yang boleh melalui Tabung Pembangunan Pertanian, usaha-usaha memodenkan pertanian. dapat dimajukan.

Saya menolak dakwaan bahawa petani pemalas ataupun tidak mahu mengubah sikap daripada tradisional kepada pertanian moden dan sebagainya. Sebenarnya, petani-petani rajin bekerja. Ada di antara petani-petani kita yang bekerja sehingga 10 jam, bahkan ada yang lebih daripada itu, tetapi segala usaha-usaha yang dijalankan ialah secara tradisional yakni tanah dicangkul sendirian. Yang ada wang sedikit walaupun kadang-kadang menggunakan traktor, tetapi cara-cara pertanian ialah secara tradisional. Untuk membawa mereka mengikut kehendak-kehendak moden dan bersistematik, mereka perlu diberikan pendidikan pertanian moden dan dibuat percubaan-percubaan ataupun contoh yang boleh menyakinkan mereka. Insya Allah, mereka akan menyambut segala kehendak-kehendak zaman. Contoh yang begitu ketara ialah tanaman padi dua kali setahun. Pada mula-mula mereka tidak mahu menerima cadangan Kerajaan untuk menjalankan tanaman padi dua kali setahun. Dalam pada itu ada pula dalang-dalang misalnya, di negeri Perlis, anggota-anggota parti lawan dalam majlis-majlis

ceramah mendakwa pesawah-pesawah yang sanggup membuat sawah padi dua kali setahun akan reput kaki, Jika pesawah itu anak gadis, gadis itu tidak laku, maksud saya tidak dipinang orang dan sebagainya. Tetapi apa yang tarjadi sekarang mana ada pesawah-pesawah turun ke sawah.

Semua pesawah-pesawah sekarang ini betul-betul menjadi tuan, dengan menggunakan traktor bagi pembersihan tanah dan mendapat buruh dari negara-negara jiran seperti negara Thailand dan sebagainya. Bila padi masak mereka menggunakan mesin ketika lori memang sedia menunggu dan tuan-tuan sawah padi akan terus ke LPN untuk menerima wang. Jadi dengan adanya Akta Pinjaman (Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian) 1991, Kerajaan akan dapat menyalurkan pinjaman kepada petani yang dikenakan kadar faedah pinjaman ataupun bayaran perkhidmatan yang berpatutan.

Usaha-usaha memodenkan pertanian bukan sahaja secara berkelompok seperti yang berjalan sekarang, walaupun usaha secara berkelompok sekarang ini menyekat orang tengah dan memberi kesedaran kepada Pertubuhan Peladang bahkan kumpulan-kumpulan berkelompok dapat menggunakan wang sedikit demi sedikit: untuk tabung kelompok mereka, tetapi juga usaha-usaha memodenkan pertanian yang lebih daripada itu dapat diadakan.

Pengwujudan pengusaha pertanian komersial iaitu dengan cara tuan-tuan tanah ataupun pemilik tanah yang memiliki 2 ataupun 3 ekar bagi satu-satu kawasan tanah menyewa kepada pengugaha-pengusaha. Pengusaha-pengusaha itu mestilah mendapatkan tanah tidak kurang bagi satu-satu kawasan 100 hektar,

petak-petak sawah diubahsuai yang kecil $\frac{1}{4}$ ekar dibesarkan supaya menjadi $1 \frac{1}{2}$ ekar. Bagi pemilik-pemilik yang ada 3 ekar, petak-petaknya menjadi dua petak sahaja. Begitulah juga seterusnya, perparitan yang bersistem diwujudkan bagi membolehkan padi ditanam dengan sebaik-baiknya. Di samping itu, petani-petani dapat menjalankan tanaman-tanaman kontan yang lain seperti sayur-sayuran dan sebagainya.

Peralatan-peralatan moden dilengkapkan termasuklah penyiraman pokok-pokok. Sesuatu kawasan yang boleh mewujudkan beberapa orang pengusaha pertanian bagi kawasan-kawasan yang keluasanya ekonomik, diwujudkan kilang-kilang di tempat itu. Ahli-ahli teknologi bahagian pertanian ditempatkan khas di kawasan itu, dan mereka ini bertugas sepenuh masa sepertimana yang kita dapat tahu yang dicontohi di Korea dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya saya cadangkan agar wang tabung pinjaman petani ini dikelolakan oleh Lembaga Pembangunan Pertanian yang bertanggungjawab menyelaraskan pengeluaran dan mengenalpasti kawasan-kawasan berpotensi bagi operasi pengusaha-pengusaha pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah ucapan saya sebagai menyokong Akta ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Tuan Dahalan.

5.42 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk bercakap, tetapi saya akan membawa secara ringkas dan tepat kepada penekanan-penekanaan mengenai kegunaan pinjaman yang nampaknya diberi secara longgar dan faedah yang berpatutan untuk tujuan pengeluaran makanan. Saya akan bawa satu dua saranan sebagai cadangan. Dari segi pertaniannya tidak dapat saya bawa di sini oleh sebab pembawa Rang Undang-undang ini adalah daripada Kementerian Kewangan. Bagaimanapun, dari segi

penekanan kegunaan pinjaman tadi, rasa saya eloklah saya sebut satu dua.

Yang pertamanya mengenai Penyelidikan dan Pembangunan. Kita dapati di negara kita ini pengeluaran makanan iaitu termasuk padi, buah-buahan, sayur-sayuran dan lain-lainnya masih begitu kebelakangan lagi dari segi teknologinya. Jadi, inilah saya berharap dengan peruntukan wang daripada pinjaman tadi, sebahagian daripadanya digunakan untuk Penyelidikan dan Pembangunan, lebih-lebih lagi di bidang pengeluaran benih, iaitu pembiakan tanaman. Setakat sekarang ini kita nampak sungguhpun MARDI mengambil bahagian untuk penyelidikan, tetapi kalau kita bandingkan dengan negara-negara jiran, kita masih lagi kebelakangan di dalam pengeluaran benih-benih sama ada untuk padi, buah-buahan, bunga-bunga, sayur-sayuran dan sebagainya.

Selain daripada itu, saya cadangkan supaya teknologi tissue culture ditingkatkan lagi supaya dapat diserapkan kepada petani-petani di kampung. Kita dapati sekarang tissue culture ini hanya dipraktik oleh badan-badan yang besar sahaja, tidak meliputi ke kawasan-kawasan kampung. Jadi, saya sarankan dengan pinjaman ini kita gunakan sepenuhnya. Lebih-lebih lagi untuk tanaman-tanaman yang diberi prioriti oleh pihak Kerajaan, umpamanya buah-buahan seperti nenas, pisang, belimbing, papaya dan sebagainya.

Yang kedua, saya ingin menyarankan supaya Kerajaan menggunakan wang iai untuk pengeluaran high-valued crops, dengan izin, atau tanaman bernilai tinggi, sama ada tanaman jenis tropika ataupun dengan cara penyelidikan dapat kita mengeluarkan tanaman-tanaman daripada negeri sejuk seperti Indonesia dan Thailand dapat

mengeluarkan apple, anggur, pears dan sebagainya. Jadi, .saya pandang ini tidak mustahil kalau kita dapat mengeluarkan jenis-jenis buah-buahan ataupun sayur-sayuran seperti ini di Malaysia juga, sedangkan kita ada banyak lagi bukit-bukit yang masih kosong.

Jadi, dalam hal ini saya inginlah menyarankan kepada Kerajaan supaya lebih memberi penekanan kepada kaum bumiputera di dalam tanaman jenis tinggi ini, iaitu macam di Cameron Highlands kita dapati di sana hanya lebih kurang 10% sahaja penglibatan orang-orang bumiputera di dalam penanaman sayur-sayuran dan bunga-bunga. Jadi, ini satu perkara yang penting dan saya ingat ini patutlah saya bawa oleh sebab Rang Undang-undang ini dibawa oleh pihak Kementerian Kewangan.

Di dalam high-valued crops ini bolehlah saya cadangkan iaitu selain daripada padi macam di negara jiran banyak mengeluarkan tanaman-tanaman pewangi ataupun perasa seperti kenanga, melur, serai, mengkula, cempa dan perasa seperti vanilla. Indonesia merupakan negara yang kedua pengeluar vaniila selain dari Madagascar, Tidak mustahil kalau kita dapat mengeluarkan itu juga di Malaysia oleh sebab demand yang begitu besar. Jadi, saya masukkan ini juga di bawah sebagai pengeluar makanan olah sebab vanilla ini adalah sebagai perasa untuk makanan.

Selain daripada itu, untuk kesediaan oleh sebab kita banyak mengeluarkan minyak sawit, tetapi saya rasa elok juga kita keluarkan jenis-jenis lain seperti sunflower oil sebagai persediaan ataupun minyak-minyak jenis yang lain lagi. Begitu juga saya minta pihak Kerajaan memberi peruntukan sedikit untuk hendak menggiatkan penggunaan baja organik. Sekarang ini kita banyak bergantung

kepada baja-baja kimia ataupun kontrol plant disease dengan menggunakan cara biological control of plant disease. Ini rasa saya lebih selamat untuk kegunaan dan begitu juga ini adalah satu bidang yang baru dapat kita melibatkan diri. Jadi, dalam peruncukan pinjaman tadi, saya rasa pihak Kerajaan dapat mempertimbangkan perkara ini.

Selain daripada itu, saya sudah sebut semalam lagi berkenaan penglibatan Orang Asli di dalam pertanian. Jadi, saya berharaplah kalau dapat diadakan satu badan untuk memberi peluang kepada Orang Asli menggunakan pinjaman daripada sumber ini untuk meningkatkan prestasi pertanian mereka. Kita dapati mereka ada lebih kurang 83,000 orang dan mengikut perangkaan, yang mahir hanya dua orang dan bekerja tetap lebih kurang 100 orang. Jadi, eloklah ini pun sumber pekerja untuk kita semua.

Akhir sekali mengenai bio-technology. Ini memerlukan banyak wang untuk penyelidikan dan sebagainya, tetapi nampaknya sungguhpun kita ada MARDI, USM, UPM, UM, ITM, dan badan-badan lain, saya rasa kita mesti ada satu badan yang khusus untuk penyelidikan di bidang **ini**, lebih-lebih lagi untuk penggunaan perangsang tumbuhan. Setakat yang kita tahu kita tanam, bubuh baja dan kadang-kadang tidak bubuh baja tetapi tidak menggunakan teknologi yang lebih tinggi untuk pengeluaran pertanian.

Jadi, inilah saya sarankan supaya bio-technology ini ditingkatkan kegiatannya, contohnya macam mengeluarkan buah-buahan tanpa biji, kita tidak boleh, tetapi orang lain boleh buat. Pokok-pokok rendah boleh tinggi dengan menggunakan hormon-hormon, iaitu perangsang daripada akar, daun, bunga, buah dan sebagainya.

Dengan menggunakan hormon-hormon seperti "oxine", "kibralin" dan "setokin" dan lain-lain untuk mengeluarkan hasil yang lebih baik untuk pertanian kita.

Jadi, setakat itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan sekali lagi saya menyokong di atas Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Silakan, Setiausaha Parlimen untuk menjawab.

5.51 ptg.

Setiausaha Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:
Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Saidin dan Yang Berhormat Tuan Dahalan, kedua-duanya dari Perlis kerana sudi mengambil bahagian menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan.

Perkara-perkara yang dibangkitkan adalah lebih berkaitan dengan bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Pertanian dan saya bukannya orang yang tepat untuk menjawab persoalan-persoalan khusus yang telah dibangkitkan, Cuma ada satu, dua perkara yang saya ingin memberi penjelasan.

Sebenarnya, IFAD ini merupakan sebuah badan antarabangsa yang lebih menumpukan perhatian kepada negara-negara yang paling miskin. Sebagai contohnya, sejak ia ditubuhkan kira-kira 63% daripada pinjaman adalah diberikan kepada negara-negara yang paling miskin iaitu negara-negara yang mempunyai pendapatan per kapita kurang daripada US5300 setahun dan hanya 10% sahaja diberi kepada negara-

negara kategori ketiga iaitu dalam mana kita tergolong. Malaysia sebagai sebuah negara yang agak maju, maka kita boleh meminjam daripada badan ini tetapi kadar faedah yang dikenakan adalah kira-kira 8%. Dengan lain perkataan, penglibatan Malaysia dalam badan ini adalah lebih merupakan untuk membantu rakan-rakan lain di kalangan negara-negara membangun yang lebih memerlukannya khususnya untuk menambahkan pengeluaran makanan mereka.

Oleh itu, pada pandangan Kementerian Kewangan, mungkin agak sukar bagi kita untuk memperolehi pinjaman daripada IFAD ini. Tambahan lagi, untuk maklumah Ahli Yang Berhormat, kadar faedah IFAD ini adalah kira-kira 8% manakala, pada ketika ini, kadar faedah bagi pinjaman daripada Bank Dunia adalah kira-kira 7.73% dan pinjaman daripada Bank Pembangunan Asia pula ialah kira-kira 6.6%, iaitu jauh lebih rendah daripada kadar faedah yang dikenakan oleh IFAD. Dengan itu, sepertimana yang saya nyatakan tadi, penyertaan kita adalah lebih merupakan usaha bagi membantu rakan-rakan di kalangan negara-negara membangun yang lain.

Selain daripada itu, berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Saidin mengenai perlunya ditingkatkan bantuan kepada pertanian di kawasan-kawasan tinggi, pandangan beliau bahawa petani adalah rajin, saya juga sama pendapat dengan beliau, khususnya dengan pandangan beliau tentang perlunya usaha-usaha untuk memodenkan lagi sektor pertanian. Begitu juga dengan pandangan Tuan Dahalan yang memberi penekanan kepada aspek

research and development ataupun penyelidikan dan pembangunan. Tuan Dahalan berpendapat bahawa kita harus menumpukan lebih perhatian kepada usaha-usaha meningkatkan penyelidikan khususnya dalam bidang benih, dalam bidang pertanian tinggi (high value crops), dalam bidang membuat baja dan lain-lain, Kesemuanya ini, saya pasti akan diambil perhatian oleh Kementerian Pertanian.

Cuma sebagai menggulung, saya ingin sekali lagi meagucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Saya percaya idea mereka akan diambil perhatian oleh Kementerian Pertanian. Sekian.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan. kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawacankuasa.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMBANGUNAN LABUAN**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.54 ptg.**

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mewujudkan Lembaga Pembangunan Labuan 1991 dibaca buat kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengisytiharkan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa atau IOFC dengan penguatkuasaan beberapa perundangan asas pada 1hb Oktober 1990. Kemajuan dan perkembangan Labuan sebagai IOFC setakat ini adalah rnenggalakkan. Sehingga ini sejumlah 35 buah syarikat luar pesisir celah didaftarkan dan beroperasi di Wilayah Persekutuan Labuan iaitu terdiri daripada 3 buah bank, 3 buah syarikat harta, 10 buah syarikat pelaburan, 9 buah syarikat perdagangan, sebuah syarikat perunding, sebuah syarikat insurans dan 8 buah syarikat amanah.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menentukan Wilayah Persekutuan Labuan disediakan dengan kemudahan-kemudahan asas yang sebaik mungkin. Seberapa projek pembangunan telah dikenalpasti. untuk memenuhi keperluan jangka masa pendek dan jangka masa panjang masyarakat perniagaan luar pesisir di Wilayah Persekutuan Labuan.

Di dalam Rancangan Malaysia Keenam umpamanya sejumlah \$361.62 juta telah diperuntukkan bagi berbagai projek pembangunan, termasuk \$143.9 juta bagi pembangunan projek-projek berkaitan dengan infrastruktur. Keutamaan juga telah diberikan bagi menubuhkan sebuah kawasan kewangan atau, dengan izin, financial park atau banking district yang akan menempatkan institusi-institusi kewangan dan syarikat-syarikat luar pesisir. Kawasan kewangan ini akan menyediakan pejabat-pejabat moden, kemudahan kediaman dan rekreasi yang akan dibiayai oleh institusi-institusi kewangan. Langkah-langkah juga sedang diambil bagi meningkatkan kemudahan telekomunikasi dan infrastruktur di Wilayah Persekutuan Labuan. Kemudahan di Lapangan Terbang Labuan juga sedang dipertingkatkan dan pengubahsuaian kepada bangunan terminal akan disiapkan pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kesemua perancangan bagi Wilayah Persekutuan Labuan adalah di bawah Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri, di samping Majlis Perbandaran Labuan atau MPL sebagai pihak berkuasa tempatan. Perancangan, pelaksanaan serta pengawasan ke atas pembangunannya juga terletak di bawah Jawatankuasa Kerja Tanah dan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Labuan. Fungsi, kuasa dan tanggungjawab MPL termaktub dalam Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, (Sabah) sebagaimana diubahsuaikan melalui Perintah Wilayah Persekutuan Labuan 1984 serta Ordinan Perancangan Bandar dan Desa, sebagaimana diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah

Persekutuan Labuan tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan Wilayah Persekutuan Labuan dapat membangun dengan lebih teratur, Kerajaan mengambil keputusan untuk menubuhkan Lembaga Pembangunan. Labuan untuk memaju, menggalak, mudah serta mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial yang lebih tersusun. dan teratur, sesuai dengan matlamat Kerajaan. untuk membangunkannya sebagai IOFC yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang bagi mewujudkan LPL 1991 yang dibentangkan ini terbahagi kepada enam bahagian. Bahagian I mengandungi perkara-perkara Permulaan, tajuk ringkas dan takrif-takrif beberapa istilah yang digunakan dalam Rang Undang-undang tersebut. Menteri yang bertanggungjawab terhadap LPL ialah Menteri Kewangan memandangkan peranan utama LPL ialah membangunkan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai IOFC, Kawasan LPL akan meliputi Pulau-pulau Burung, Lahad, Labuan, Kuraman, Papan, Rusukan Besar, Rusukan Kecil serta kawasan. perairan dalam lingkungan 4.8 km daripada Pulau Labuan dan kawasan ini akan diwartakan menurut peruntukan seksyen 9.

Bahagian II menerangkan objektif LPL iaitu bagi memaju dan menggalakkan Labuan sebagai IOFC dan kawasan bebas duti dan mudah dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial serta pembangunan pelancongan, perindustrian dan komersial serta infrastruktur.

Bahagian II juga menentukan ahli-ahli Lembaga Pengarah LPL yang akan terdiri daripada seorang Pengerusi dan lima orang ahli yang

akan dilantik oleh Menteri. Seseorang anggota Lembaga Pengarah boleh memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak dilantik semula. Ahli-ahli Lembaga Pengarah LPL perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya dua bulan sekali dan kuorum mesyuarat Lembaga ialah tiga orang.

Bahagian III membuat peruntukan mengenai tanggungjawab Pengerusi untuk melaksanakan apa-apa kewajipan yang ditentukan oleh Menteri. Bahagian ini juga membuat peruntukan dengan kelulusan Menteri membolehkan Lembaga melantik Pengurus Besar sebagai ketua pegawai eksekutifnya dengan terma dan syarat yang tertentu serta menetapkan tugas dan tanggungjawab Pengurus Besar.

Bahagian IV membuat peruntukan. membolehkan LPL menubuh dan menguruskan apa-apa tabung kumpulan wangnya sama ada daripada peruntukan terus daripada pihak Kerajaan atau daripada apa-apa punca yang diluluskan. oleh Menteri.

Bahagian V, Tuan Yang di-Pertua, membuat peruntukan mengenai lain-lain fungsi dan kuasa LPL serta perwakilan fungsi kuasa ataupun kewajipan Lembaga di bawah Rang Undang-undang ini kepada Pengerusi atau Pengurus Besar LPL.

Bahagian VI membuat peruntukan am bagi LPL seperti tanggungjawab menyimpan rahsia dan dengan kelulusan Menteri Lembaga diberi kuasa membuat peraturan-peraturan yang perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan dalam Raag Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 22 menjelaskan bidangkuasa LPL ke atas perkara-perkara di Labuan, Majlis Perbandaran. Labuan hendaklah pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta terhenti mempunyai bidangkuasa ke atas mana-mana perkara yang dinyatakan di kawasan LPL. Di antara perkara-perkara tersebut: adalah kuasa untuk mengawalselia, meluluskan atau mengawal segala bangunan dan pengendalian dan pembaikan serta penghapusan bangunan-bangunan; dan juga kuasa untuk melesen, mengawal; dan pengwujudan, pengawalan dan pengurusan lapangan-lapangan rekreasi, kawasan-kawasan terbuka dan taman-taman.

Seksyen. 32 menerangkan bahawa Suratcara Majlis Perbandaran Labuan 1988 hendaklah terpakai di kawasan LPL tertakl kepada beberapa pengubahsuaian.

Seksyen 33 menjelaskan bahawa Ordinan Perancangan Bandar dan Desa Sabah yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan 1985 hendaklah terhenti terpakai di kawasan LPL pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri.

Penubuhan LPL akan melibatkan perbelanjaan tambahan kepada Kerajaan dari segi belanja mengurus dan belanja pembangunan. Jumlah tersebut belum lagi dapat ditentukan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjamin pembangunan dan pertumbuhan ekonomi dan sosial yang pesat dan teratur untuk Wilayah Persekutuan Labuan, LPL perlu diwujudkan segera bagi menyusun strategi dan perlaksanaan projek-projek pembangunannya sesuai dengan matlamat untuk menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai satu pusat pelaburan yang menarik dan mencapai taraf IOFC yang berjaya serta salah satu destinasi pelancongan utama di negara kita.

Dengan **ini**, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk memperbadankan Lambaga Pembangunan Labuan dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Tuan **Isli**.

6.06 ptg.

Tuan Isli bin Haji Siput: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah diberi peluang untuk membahas dan menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk memperbadankan Lembaga Pembangunan Labuan dan untuk mengadakan peruntukan rnengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[Tuan Yang di-Pertua **menpengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini adalah satu akta yang baru dan khas bagi Lembaga Pembangunan Labuan. Dalam kesempatan ini saya bagi pihak Barisan Nasional iaitu terdiri daripada UMNO, MCA dan MIC di Wilayah Persekutuan Labuan dan rakyat Labuan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah ke atas komitmen Kerajaan mewujudkan dan membentuk satu Lembaga Pembangunan Labuan ini dengan niat dan azam Kerajaan Persekutuan untuk lebih tersusun, terkawal dan dengan sempurna ke arah pembangunan Labuan bagi memenuhi dasar pembangunan negara ke arah rnatlambat perjuangan Wawasan 2020 setaraf dengan kedudukan Labuan. yang diberi nama IOFC. Lembaga Pembangunan Labuan ini memangnya sudah lama dicita-citakan oleh rakyat Labuan dan juga para pemimpin-peminipin masyarakat Labuan dan pada hari ini adalah menjadi satu kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya turut merakamkan terima kasih atas kesediaan dan kesanggupan Tun Daim sebagai Pengerusi Lembaga Pembangunan Labuan yang memangnya sesuai dengan kemampuan dan kebijakan beliau untuk melaksanakan serta membangunkan daerah Labuan pada masa yang singkat. Saya yakin dan saya berharap akan dapat dilihat oleh masyarakat bukan hanya oleh masyarakat kita di Malaysia tetapi juga oleh masyarakat di seluruh dunia yang mana pembangunan Labuan akan lebih pesat sebagai industri pembangunan iaitu selaras dengan aktiviti-aktiviti IOFC.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pembangunan Labuan ini telah diberikan kuasa-kuasa yang tertentu, iaitu kuasa-kuasa yang begitu luas dan bidang kuasa eksekutif, apa lagi di dalam kawasan Lembaga Pembangunan Labuan itu sendiri.

Sahagian V, Fasal 22 jelas menyatakan bahawa Lembaga hendaklah mempunyai bidang kuasa ke atas perkara-perkara walau apapun mana-mana undang-undang yang berhubung dengannya, perancangan bandar yang terpakai di kawasan Lembaga Pembangunan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan dan saya di sini ingin tahu berapa luaskah, berapa batukah dan berapa kilometerkah kawasan yang handak dimiliki bagi kawasan Lembaga Pembangunan Labuan. Adakah keseluruhan pulau itu sendiri?

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga ini juga mempunyai kuasa-kuasa iaitu melesen dari mengawal restoran, kedai masak, kedai makan,

kedai kopi dan lain-lain. Bidang kuasa iai adalah satu bidang kuasa yang amat besar dan amat luas. Kita memang suka melihat bahawa Lembaga ini mempunyai bidang kuasa yang luas tetapi janganlah sehingga rakyat kita iaitu rakyat tempatan, rakyat di Labuan. itu sendiri akan kehilangan harta dan juga akan kehilangan tempat: kadiaman kerana memandangkan bahawa pembangunan yang begini pesat yang telah dirancaug dan diatur untuk pembangunan Labuan bagi Lembaga ini hendaklah mengikut selera rakyat itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, fungsi-fungsi Lembaga ini juga memang wajar dan kena pada tempatnya dengan kuasa-kuasa yang diberikan bagi menggalakkan kawasan. Lembaga Pembangunan Labuan sebagai Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa.

Di kawasan itu juga sebagai destinasi pelancongan dan kawasan bebas cukai.

Apa yang saya tahu bahawa sudah lama Labuan sebagai status free port, dengan izin, iaitu free duty. Pada hemat saya, dalam beberapa tahun yang lampau bahawa kemasukan barang-barang ke Labuan memang tidak dikenakan cukai. Tetapi apakah Lembaga ini mempunyai rancangan tersendiri seperti bounded area untuk menyimpan alat-alat petroleum yang pada masa ini masih dikenakan cukai seperti ASB. Apakah ini salah satu aktiviti Lembaga bagi mengatasi masalah-masalah pengangguran di negara kita? Memang sudah ternyata sekali kalau sekiranya ini menjadi salah satu aktiviti yang pertama bagi Lembaga, maka Lembaga akan mendapatkan satu sambutan yang amat baik oleh rakyat kita di Pulau Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, destinasi pelancongan juga adalah merupakan salah satu destinasi yang mana Labuan adalah tempat yang paling strategik dan sesuai, kerana kalau kita bandingkan dengan tempat-tempat yang lain bahawa Labuan adalah di antara pulau yang berdekatan dengan jiran-jiran tetangga kita seperti Brunei Darussalam, Hong Kong, Indonesia dan Filipina. Maka kita nampak dengan jelas bahawa Labuan merupakan satu tempat yang strategik bagi pelancong datang ke Labuan.

Saya suka mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya membuat satu pusat pelancongan yang betul-betul bermakna yang menjadi satu centre bagi pelancong kita di negara Malaysia ini seperti di tempat-tempat yang dikunjungi oleh masyarakat-masyarakat luar. Begitu juga bahawa memang sudah terdapat ramai di antara

pesara daripada Jepun yang mana akan berhijrah ke Labuan kerana dia merasakan bahawa Labuan merupakan salah satu tempat yang strategik dan juga boleh terkawal kerana satu daripadanya, military base kita di Labuan, navel basa kita di Labuan dan juga keselamatan senang dikawal. Saya suka mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan agar ini hendaklah dititikberatkan menjadi satu perkara yang penting bagi pembangunan ekonomi kita di Pulau Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mewujudkan dan membentuk satu Lembaga Pembangunan Labuan ini bahawa Kementerian yang berkenaan, Menteri yang berkuasa ialah Menteri Kewangan yang mana terdapat daripada lima orang anggota lain, iaitu seorang Pengerusi dan lima orang anggota lain. Ini amat penting sekali oleh Kerajaan yang mana mungkin menimbulkan satu implikasi politik bukan hanya di Pulau Labuan tetapi mungkin juga daripada Sabah yang akan mengambil isu-isu yang akan digunakan bagi kepentingan parti-parti Pembangkang kita di Sabah. Ini amat penting, kalau difikirkan bahawa ini adalah salah satu cara yang mereka akan menggunakan isu inilah untuk mempertahankan kuasa-kuasa yang ada pada Pembangkang. Kerana Labuan adalah berhampiran, salah satu pulau yang berdekatan dengan negeri Sabah, sudah sememangnya bahawa politik di Sabah telahpun bergolak dari masa ke semasa dan salah satu politik yang unik sekali. Kalau sekiranya tidak ada di antara pemimpin-pemimpin yang akan menjadi di antara anggota lima orang ini, sudah tentu ianya akan menjadi isu yang amat besar untuk menggagalkan UMNO yang berada di Sabah. Ianya akan menjadi salah satu contoh kalau sekiranya UMNO berkuasa di

Sabah, maka pihak yang menentang Barisan Nasional akan menggunakan ini sebagai satu batu luncatan mereka bagi kepentingan dan menarik pengaruh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di sini supaya ada di antara orang tempatan itu sendiri iaitu anak watan di Pulau Labuan sendiri ataupun daripada Sabah umpamanya yang akan menjadi salah satu anggota di antara lima ini, supaya kita dapat mengatasi masalah ataupun isu-isu yang akan dikemukakan ataupun digunakan dalam tiga atau empat tahun yang akan datang. Yang amat penting bagi kita ialah negeri Sabah itu sendiri juga adalah salah satu negeri di dalam Malaysia, seberapa boleh kita berusaha mengambil alih Keajaan Negeri Sabah yang mana UMNO dan Barisan Nasional akan memerintah negeri Sabah menjelang pilihanraya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembangunan kita di Pulau Labuan nanti, manakala ianya berfungsi dan menjadi satu kenyataan, saya ingin juga menasihat dan menyarankan kepada pihak yang berkuasa agar pembangunan pesat daripada pembangunan ekonomi yang telah dirancang dan dibawa serta diubahsuai pembangunannya di Labuan dengan begitu teratur agar rakyat dan juga orang-orang tempatan akan mendapat keseimbangan ekonomi dan turut serta dalam pembangunan itu sendiri dan janganlah andainya penduduk tempatan akan menjadi penonton semata-mata. Inilah sebagai satu cadangan saya supaya ianya akan menjadi satu kenyataan supaya sama-sama kita merasakan nikmat daripada hikmat yang telah diberikan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan ucapan saya ini, saya suka juga mencadangkan, supaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan diketuai oleh Tuan Yang di-Pertua, sebelumnya Labuan menjadi kawasan pembangunan yang pesat, saya ingin mencadangkan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara dapat melawat Labuan dan membuat feasibility study, dengan izin, biarlah kita sama-sama mengerti nikmat dalam erti kata pembangunan dalam IOFC tni.

Tuan Yang di-Pertua, memang sudah menjadi salah satu cita-cita Kerajaan yang juga menjadi cita-cita rakyat kerana Labuan dipilih sebagai Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa. Setelah Labuan menjadi maju, setelah Labuan dapat digambarkan di seluruh dunia bahawa di antara IOFC-IOFC di dunia ini akan menjadi satu kenyataan dan rakyat kita di Malaysia ini akan berasa bangga dan sentiasa menjadi sebutan bukan hanya rakyat Malaysia, tetapi juga seluruh dunia. Memang sudah ramai di antara pelabur-pelabur asing yang akan datang ke Labuan, terutama sekali dari Hong Kong, Taiwan dan dari Jepun telahpun membuat feasibility study masing-masing dan baru-baru ini ada beberapa orang iaitu rombongan dari Jepun yang telah datang ke Labuan membuat feasibility studynya sendiri.

Dan mereka telahpun menaruh minat oleh kerana memandangkan bahawa Labuan adalah dikelilingi oleh lautan bukan hanya daripada Lautan China tetapi juga daripada Brunei Bay dan sebagainya yang begitu indah sekali dan. mereka merasakan bahawa perlunya penerbangan terus daripada Hong Kong, daripada Korea ataupun daripada Jepun itu sendiri untuk mendarat di Labuan.

Tetapi malangnya mereka tidak dapat mendarat dan airline itu sendiri tidak dapat mendarat di Labuan memandangkan fasiliti yang tidak mencukupi. Ini amat penting difikirkan oleh Lembaga itu sendiri kerana Lembaga mempunyai bidang kuasa tertentu bagi pembangunan.

Tidak ada ertinya bagi Lembaga kalau sekiranya Lembaga ini hanya semata-mata Lembaga dan untuk kepentingan beberapa orang sahaja. Saya sangat bimbang kalau Lembaga ini hanya dikatakan sebagai Lembaga tetapi ianya tidak berfungsi untuk kepentingan rakyat tempatan dan juga para pelabur asing.

Di samping itu juga ada perkara-perkara lain yang juga pernah disentuh oleh pelawat-pelawat ataupun bakal-bakal pelabur yang akan datang ke Labuan ialah sekatan Imigresen. Sekatan Imigresen perlu diperlonggarkan bagi Labuan. Perlu diperlonggarkan kerana extension

of stay perlu diberikan lebih perhatian kepada rakyat. Ini adalah penting sekali. Rakan-rakan kita yang datang daripada Hong Kong juga mempersoalkan perkara ini. Rakan-rakan kita yang datang daripada Taiwan juga mempersoalkan soal ini. Begitu juga rakan-rakan kita daripada Jepun yang sedia untuk melabur berjuta-juta ringgit di Pulau Labuan. Inilah satu perkara yang menjadi kebimbangan mereka.

Apakah Kerajaan dapat memberi jaminan kepada mereka setelah mereka membuat komitmen untuk melabur di Pulau Labuan nanti supaya Imigresen akan dapat melonggarkan stay mereka di sana. Kalau sekiranya kilang hendak dibuat di Pulau Labuan, sudah tentu kalau kita daripada rakyat Labuan, sudah tentu kita tidak akan mendapat pakar ataupun pekerja-pekerja mahir. Maka pekerja-pekerja mahir atau specialist ini hendaklah didatangkan daripada negara mereka sendiri. Yang akan dapat kita penuhi hanyalah tenaga buruh. Maka dari itu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah ringkaskan ucapan kerana kita masih ada lagi 5 rang undang-undang yang hendak dibahaskan?

Tuan Isli bin Haji Siput: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya suka juga mengucapkan di Dewan yang mulia ini "Selamat Tahun Baru 1992" [Tepuk] kepada saudara-saudara para pegawai Kerajaan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat kerana pada esok hari kita sudah menjelang tahun 1992.

Tuan Yang di-Pertua, olah kerana memandangkan masa yang begitu singkat maka saya pendekkan dan memberikan sokongan penuh ke atas Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Labuan 1991. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput wakil daripada Kementerian yang berkenaan untuk memberikan jawapan.

6.24ptg

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tarima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Isli kerana menyokong Rang Undang-undang ini sebagai wakil tunggal daripada Wilayah Persekutuan Labuan dalam Dewan yang mulia ini dan sudah pasti Kerajaan mengambil berat pandangan beliau dan pandangan-pandangan yang bernas itu akan dikaji oleh Kerajaan bertujuan untuk menjayakan hasrat dan komitmen Kerajaan untuk menjadikan Labuan sebagai sebuah IOFC yang berjaya. Bukan sahaja IOFC tetapi juga sebagai pusat pelancongan yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Isli tadi, yang pertamanya ialah berkaitan dengan betapa luasnya kuasa yang ada pada Lembaga ini. Memang kuasa yang ada pada Lembaga Pembangunan Labuan adalah luas kerana Kerajaan berpendapat dengan kuasa yang luas sahajalah dapat dimajukan Labuan selaras dengan cita-cita Kerajaan.

Dalam pada itu Yang Berhormat Tuan Isli mencadangkan bahawa pembangunan di Labuan itu harus mengikut selera rakyat. Saya

percaya perkara ini akan diberi perhatian oleh Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga, Lembaga Pembangunan. Labuan. Sudah tentu perhatian. akan diberi kepada kehendak rakyat tempatan dalam membangunkan Labuan itu.

Perkara yang kedua yang dibangkitkan adalah berkaitan sama ada Lembaga bercadang untuk menubuhkan bonded area dan sama ada akan dikecualikan antara lain duti ke atas petroleum.

Mengenai kegiatan-kegiatan yang akan dilakukan oleh Lembaga buat masa ini oleh kerana Ahli Lembaga belum lagi dicalonkan, belum lagi dilantik oleh Menteri Kewangan, maka perkara-perkara begini masih lagi belum ditimbang. Walau bagaimanapun, saya akan merujuk perkara-perkara yang dibangkitkan kepada Lembaga apabila Lembaga ditubuhkan. nanti.

Berkaitan dengan duti atas petroleum, itu tidak dapat diberi pertimbangan seperti juga di Langkawi, duti akan dikenakan ke atas petroleum dan bahan-bahan petroleum. Jadi, tidak ada perbezaan, dengan izin, treatment antara Langkawi dengan Labuan.

Segitu juga berkaitan dengan isu Imigresen yang dibangkitkan, ini saya kurang arif dalam hal ini kerana ianya dalam bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Walau ,bagaimanapun, pada pandangan saya prosedur Imigresen yang ada pada hari ini adalah longgar tetapi yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Isli tadi hendak dilonggarkan lagi prosedur tersebut, ini bolehlah saya bawa kepada perhatian Jabatan yang berkenaan iaitu Jabatan Imigresen di Kementarian Dalam Negeri.

Lain-lain perkara yang disebut adalah berkaitan dengan implikasi politik dan dikaitkan implikasi politik ini dengan perlantikan Ahli-ahli Lembaga Pengarah. Yang Berhormat Tuan Isli memberitahu kita bahawa sekiranya kita tersalah lantik maka ini mungkin akan dieksploitasikan bukan sahaja oleh penduduk di Labuan malah di Sabah oleh kerana Labuan itu adalah terlalu dekat dengan Sabah. Saya ingin memberi jaminan. di sini bahawa Kerajaan sentiasa peka terhadap implikasi politik ini kerana kita semua di sini kebanyakan kita adalah dilantik oleh parti-parti politik dan dengan itu kita harus peka terhadap perkembangan politik dan sebarang implikasi yang mungkin menjejaskan politik, kita akan kaji dengan sehalus-halusnya. Dengan itu, sebelum Ahli-ahli Lembaga Peagarah Lembaga Pembangunan Labuan ini dilantik, saya pasti Kerajaan akan memberi perhatian serius terhadap pandangan. Yang Berhormat Tuan Isli bahawa anak watan seharusnya menjadi Ahli Lembaga Pengarah, insya Allah.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Isli mengingatkan Kerajaan supaya orang-orang tempatan juga mendapat faedah daripada pembangunan pesat di Labuan. Yang Berhormat tidak mahu rakyat Labuan hanya menjadi penonton terhadap pembangunan, pesat yang sedang berlaku. Ini juga saya pasti akan diberi perhatian oleh Kerajaan.

Seterusnya satu perkara lagi yang dibangkitkan ialah mengenai strategi-strategi untuk memajukan lagi Labuan sebagai pusat pelancongan yang ulung atau utama di rantau ini. Memang sepertimana

yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tuan **Isli**, Labuan merupakan sebuah pulau yang strategik lokasinya di rantau ini dan Kerajaan memang berhasrat, bertekad untuk memajukan bukan sahaja Labuan sebagai IOFC tetapi juga sebagai sebuah pusat pelancongan. Perkara ini sudah tentu akan diberi perhatian oleh Lembaga Pembangunan Labuan termasuk cadangan beliau supaya pesara-pesara daripada Jepun dan lain-lain kawasan datang ka Labuan sebagai pelancong dan mungkin menetap di sana.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan berkaitan dengan pelancongan ialah perlu digalakkan penerbangan terus dan Yang Berhormat Tuan Isli mencadangkan supaya kemudahan-kemudahan di Labuan dipertingkatkan. Ini juga akan diambil perhatian, malah pada masa ini saya difahamkan bahawa usaha-usaha gigih sedang dilakukan oleh pihak-pihak berkenaan untuk menggalakkan penerbangan terus daripada Pusat-pusat Kewangan yang lain seperti Hong Kong, Jepun dan juga Singapura bagi menggalakkan penerbangan terus ke Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang dibangkitkan ialah mengenai kawasan yang diliputi oleh LPL. Sepertimana yang saya sebutkan di dalam ucapan tadi, kawasan ini termasuk Pulau-pulau Burung, Dahad dan seluruh Pulau Labuan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat radi seperti Kuraman, Papan, Rusukan Besar, Rusukan Kecil serta kawasan perairan dalam lingkungan 4.3 kilometer atau 3 batu notika daripada Pulau Labuan. Kawasan ini akan diwartakan menurut peruntukan Seksyen 9, Akta ini apabila diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Jadi, sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Isli di atas saranan-saranan bernas beliau dan mungkin ada perkara-perkara yang tidak sempat saya jawab, saya mohon maaf, tetapi saya ingin memberi pengakuan di sini bahawa segala yang dibangkitkan itu akan diberi perhatian yang serius oleh Lembaga Pembangunan Labuan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal I hingga 33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PEMBATALAN PENGECEUALIAN DARIPADA
BAYARAN DUTI-DUTI SETEM**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.35 ptg.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memansuhkan peruntukan yang terkandung di dalam Akta-akta dan Ordinan-ordinan yang dinyatakan di dalam Jadual yang memperuntukkan pengecualian daripada bayaran duti-duti setem yang jika tidak kerananya kena dibayar di bawah Akta Setem 1949, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya jelaskan bahawa pada raasa ini pengecualian duti setem diberikan kepada beberapa badan berkanuu secara menyeluruh ke atas semua suratcara. Peruntukan ini adalah terkandung di dalam Akta-akta ataupun Ordinan-ordinan penubuhan badan-badan berkenaan. Contoh badan-badan tersebut ialah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau FELDA, Bank Negara Malaysia, Majlis Amanah Rakyat dan Perbadanan Pembangunan Bandar.

Dengan peruntukan berkenaan, badan-badan berkanun tersebut selama-lamanya mendapat pengecualian daripada duti setern ke atas semua suratcara yang disempurnakan, melainkan peruntukan berkenaan dimansuhkan, Di antara suratcara-suratcara yang tertakluk kepada duti setem yang dikecualikan itu termasuklah perjanjian cek dan kontrak, sewaan, pinjaman dan pindahmilik harta.

Selain itu terdapat juga beberapa badan berkanun lain yang telah diberi pengecualian duti setem secara menyeluruh mengikut peruntukan seksyen 80 Akta Setem, 1949. Seksyen ini memperuntukkan bahawa Menteri Kewangan boleh melalui perintah yang disiarkan di dalam Warta mengecualikan atau meremitkan Duti Setem ke atas mana-mana suratcara yang disempurnakan olah mana-mana pihak.

Di antara badan-badan berkanun yang dikecualikan Duti Secara ke atas semua suratcara di bawah peruntukan ini ialah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Bank Simpanan Nasional, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN).

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun, terdapat badan-badan berkanun lain yang tidak mendapat pengecualian duti setem secara menyeluruh kerana ini tidak diperuntukkan di dalam Akta ataupun Ordinan-ordinan penubuhannya. Contoh badan-badan tersebut ialah Suruhanjaya Dagangan Komoditi, Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan Bank Pertanian Malaysia. Badan-badan ini sebaliknya diberi pengecualian duti setem secara kes demi kes bagi suratcara tertentu sahaja, umpamanya suratcara pinjaman.

Bagi badan-badan berkanun yang mendapat pengecualian duti setem mengikut peruntukan di bawah seksyen 80 Akta Setem Tahun 1949, ketetapan telahpun dibuat oleh Kementerian Kewangan untuk membatalkan peruntukan pengecualian tersebut berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1992. Apa-apa permohonan pengecualian akan dipertimbangkan secara kes demi kes,

Melalui Rang Undang-undang ini cadangan adalah dibuat melalui Fasal 2 untuk memansuhkan peruntukan pengecualian duti setem secara menyeluruh yang terdapat di dalam Akta-akta ataupun Ordinan-ordinan penubuhan badan-badan yang dinyatakan itu, Akta-akta dan Ordinan-ordinan yang berkenaan disenaraikan dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini.

Dengan pemansuhan peruntukan pengecualian tersebut, badan-badan berkanun yang berkenaan akan dipertimbangkan pengecualian duti setem secara kes demi kes mengikut dasar yang diamalkan sekarang apabila permohonan diterima kelak. Pemansuhan peruntukan tersebut

adalah bertujuan untuk menyeragamkan layanan pengecualian duti setem kepada semua badan-badan berkanun.

Fasal 2(2) memberi kuasa kepada Menteri Kewangan bagi menambahkan kepada Jadual badan-badan berkanun yang mempunyai peruntukan pengecualian duti setem, tetapi tidak disenaraikan melalui Warta.

Fasal 3 pula adalah bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pemansuhan di bawah Fasal 2 tidak akan menjejaskan apa-apa surattcara yang telah disempurnakan sebelum Akta ini berkuatkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memansuhkan peruntukan yang terkandung di dalam Akta-akta dan Ordinan yang dinyatakan di dalam Jadual, yang memperuntukkan pengecualian daripada bayaran duti-duti setem yang jika tidak keranaaya kena dibayar di bawah Akta Setem 1949, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas,

Kalau tidak ada sesiapa yang hendak berucap, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sabagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PENGGALAKAN
PELANCONGAN MALAYSIA**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.40 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama Lembaga Penggalakan Palancongan Malaysia, 1991 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang ini adalah berkaitan di antara satu sama lain dengan Rang Undang-undang Industri Pelancongan, 1991 yang akan dibentangkan selepas Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) 1991 adalah bertujuan untuk menggantikan Akta Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (PKPM) 1972 yang akan dimansuhkan selepas Terlaksananya Akta LPPM 1991 yang baru ini. Di dalam Rang Undang-undang LPPM 1991 ini terdapat dua perkara utama yang dibangkitkan iaitu:-

Pertamanya, pertukaran nama Perbadanan Kamajuan Pelancongan Malaysia (PKPM) atau TDC kepada nama baru melalui Rang Undang-undang ini iaitu Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1991 atau di dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, Malaysia Tourism Promotion Board.

Kedua, menetapkan supaya LPPM Memberi tumpuan dan tanggungjawab sepenuhnya kepada bidang pemasaran dan promosi pelancongan. Ini termasuklah aspek-aspek yang berkaitan dengan

mengadakan dan menyelaraskan program-program pemasaran dan promosi pelancongan di peringkat tempatan dan juga di peringkat antara-bangsa, sama ada yang dijalankan oleh LPPM sendiri ataupun agensi-agensi Kerajaan dan agensi-agensi pelancongan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penubuhan Kementerian ini, Kerajaan telah menetapkan supaya Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (PKPM) diletak di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan juga salaras dengan itu beberapa fungsi yang dahulunya dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) diambilalih oleh Kementerian. Jelasnya, pembahagian tugas antara Kementerian ini dengan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) PKPM adalah bertanggungjawab mengenai usaha-usaha penggalakan dan pemasaran pelancongan di luar dan di dalam negeri dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya.
- (ii) Kementerian pula bertanggungjawab di dalam pembangunan industri pelancongan secara keseluruhan meliputi aspek-aspek dasar, strategi, perancangan, penyelarasan dan pembangunan, kemudahan infrastruktur dan produk-produk pelancongan, perancangan tenaga manusia, latihan, hubungan antarabangsa dalam bidang pelancongan serta urusan pendaftaran dan pelesenan agensi-agensi pelancongan dan pemandu pelancong serta juga urusan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan mengenai pelancongan.

Sehubungan dengan ini., kebanyakan fungsi-fungsi PKPM di atas telahpun setakat ini diambilalih oleh Kementerian secara pentadbiran, kecuali bagi fungsi-fungsi yang melibatkan perundangan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta PKPM 1972 seperti pendaftaran dan pelesenan agensi-agensi pelancongan dan pemandu-pemandu pelancong serta penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengannya yang hanya akan diambilalih oleh Kementerian ini apabila Rang Undang-undang Industri Pelancongan, 1991 diluluskan kemudian kelak.

Adalah difikirkan tidak memadai dengan tindakan meminda sahaja Akta PKPM 1972 untuk membolehkan pembahagian tugas dan fungsi antara Kementerian dan PKPM kerana pindaan sahaja akan memerlukan meminda kebanyakan peruntukan Akta PKPM 1972. Bagi membolehkan peranan dan tanggungjawab PKPM dapat dilaksanakan dengan sempurna, maka perlulah diwujudkan satu akta baru yang dikenali sebagai Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, 1991 bagi menggantikan Akta PKPM 1972 yang dicadang dimansuhkan dengan serentak.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, 1991 bagi menggantikan Akta PKPM 1972 adalah diperlukan memandangkan kepada perubahan fungsi PKPM kepada fungsi yang lebih khusus iaitu untuk menjalankan usaha-usaha penggalakan dan pemasaran pelancongan secara yang lebih agresif daripada masa-masa yang lalu di dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang terkenal di peringkat antarabangsa.

Penukaran nama PKPM kepada nama baru iaitu, dengan izin, Malaysia Tourism Promotion Board, dalam bahasa Inggerisnya, akan memberi kesan yang lebih positif di dalam memperkenalkan dan menonjolkan nama Malaysia di Luar negeri seperti yang telahpun dibuat kepada beberapa agensi-agensi Lain seperti Malaysian Airline System, Malaysia Industrial Development Authority (MIDA), Malaysia International Shipping Corporation Bhd. (MISC). Walaupun pada masa ini nama TDC telah dikenali ramai sana ada di dalam dan di Luar negeri, namun hanya sebagai TDC sahaja tanpa menyatakan Malaysia. Dengan penukaran nama, maka perkataan "Malaysia" terus menjadi sebahagian daripada nama agensi itu nanti,

Selain daripada itu, perkataan Malaysia Tourism Promocion Board (MTPB) atau dalam bahasa Malaysia "Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia" juga menggambarkan bahawa tugas dan fungsi Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia ini adalah khusus di dalam pemasaran dan promosi pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah didapati pada masa ini kesedaran rakyat asing terhadap Malaysia sebagai satu daripada destinasi pelancongan yang menarik masih belum begitu meluas jika dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Indonesia.

Sungguhpun terdapat peningkatan yang pesat jumlah pelancong asing yang mengunjungi Malaysia di akhir-akhir ini, namun didapati bahawa jumlah pelancong dari pasaran-pasaran long-haul seperti negara-negara Eropah, Amerika Utara, Timur Tengah, Jepun serta Australia adalah masih kurang dan perlu ditingkatkan.

Ini bererti usaha-usaha pehggalakan dan pemasaran di pasaran-pasaran long-haul yang amat berpotensi ini masih perlu dipertingkatkan oleh PKPM. Oleh **itu**, perlulah PKPM menumpukan usaha-usaha yang lebih agresif bagi memperkenalkan Malaysia di pasaran-pasaran long-haul itu di samping pasaran-pasaran lain yang baru dikenalpasti seperti Timur Tengah, Amerika Latin serta negara-negara Afrika di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengwujudan Akta ini tidak melibatkan apa-apa implikasi kewangan di pihak Kerajaan. Ini kerana ia hanya melibatkan pengkhususan skop bidang tugas PKPM kepada aktiviti penggalakan dan pemasaran pelancongan dan aktiviti yang berkaitan dengannya sahaja. Di samping itu, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan PKPM yang sedang menjalankan tugas-tugas pendaftaran, pelesenan dan juga penguatkuasaan undang-undang akan dipindahkan ke Kementerian apabila Kementerian mengambilalih tugas-tugas dan tanggungjawab mengenai pendaftaran dan pelesenan agensi-agensi pelancongan dan kerja-kerja penguatkuasaan melalui Akta baru yang dibentangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr. Sak. Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1991 dan untuk mengadakan peruntukan-peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana tidak ada perbahasan, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI PELANCONGAN**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****6.54 ptg.**

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama Industri Pelancongan 1991 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Rang Undang-undang Industri Pelancongan 1991 yang dibentangkan ini ialah untuk mengadakan undang-undang baru yang memberi kuasa kepada Kementerian Kebudayaan, kesenian dan Pelancongan bagi mengendalikan urusan pembangunan, penyelarasan dan pengawalan industri pelancongan. Di antara lain., undang-undang ini akan memberi kuasa kepada Kementerian untuk mengawasi agensi-agensi pelancongan, mengawal kegiatan pemandu pelancong dan menjalankan fungsi-fungsi penguatkuasaan bagi aktiviti pelancongan.

Dengan tertubuhnya Kementerian ini, Kerajaan telah juga menetapkan supaya beberapa fungsi tertentu yang sebelum ini dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) diambilalih oleh Kementerian sejajar dengan tanggungjawab yang diberikan kepadanya untuk merancang, menyelaraskan dan membangunkan industri pelancongan di negara ini.

Bidang tanggungjawab dan peranan yang telahpun pada dasarnya dipersetujui untuk diasingkan antara Kementerian dan TDC adalah seperti berikut:

TDC sekarang akan hanya bertanggungjawab mengenai usaha-usaha penggalakan dan pemasaran pelancongan di luar dan di dalam negeri dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya.

Kementerian pula adalah bertanggungjawab di dalam pembangunan industri pelancongan keseluruhannya, meliputi aspek-aspek dasar, strategi, perancangan, penyelarasan dan pembangunan kemudahan infrastruktur dan produk-produk pelancongan, perancangan tenaga manusia, latihan, hubungan antarabangsa dalam bidang pelancongan serta urusan pendaftaran, dan perlesenan agensi-agensi pelancongan dan pemandu pelancong serta juga penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan yang akan ditetapkan melalui Akta Industri Pelancongan, 1991 yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kebanyakan fungsi-fungsi TDC telahpun diambilalih oleh Kementerian secara pentadbiran, kecuali bagi fungsi-fungsi yang melibatkan perundangan, seperti pendaftaran dan perlesenan, agensi-agensi pelancongan dan pemandu-pemandu pelancong serta kerja-kerja penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan Akta Industri Pelancongan, 1991 merupakan satu langkah ke arah memberikan kuasa yang lebih kepada Kementerian untuk memajukan industri pelancongan negara

dengan lebih berkesan lagi. Di masa—masa yang lalu peranan yang dimainkan oleh Kementerian adalah berupa fasilitator sahaja kepada pembangunan industri ini dan didapati kurang berkesan di dalam menentukan arah pembangunan sektor ini untuk tempoh jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini masih terdapat rungutan daripada pelancong-pelancong akan kekurangan bilik-bilik hotel dan juga harga bilik yang tidak setimpal dengan bayaran yang dikenakan seperti tidak cukup kelengkapan, tidak bersih dan lain-lain. Di samping itu kadar sewa bilik dan harga minuman dan makanan juga dinaikkan dengan sewenang-wenangnya tanpa memikirkan kesan jangka panjang kepada industri.

Dengan adanya Akta ini, Kementerian akan dapat mengadakan peraturan-peraturan yang sesuai bagi mengawal dan menentukan jumlah dan kualiti minimum tempat-tempat penginapan kos tinggi dan sederhana dan juga murah yang diperlukan untuk negara serta kadar sewa yang munasabah bagi bilik-bilik dan makanan dan minuman selaras dengan perkembangan pesat industri ini.

Kita juga dapati bahawa kebanyakan aktiviti syarikat-syarikat pelancongan pada masa ini adalah terhad kepada penempahan tiket-tiket ke destinasi tertentu (ticketing), dengan izin, dan sedikit benar yang terlibat di dalam aktiviti menganjurkan pakej pelancongan, baik dari luar mahupun dari dalam negeri.

Adaian menjadi hasrat Kementerian untuk menentukan bahawa agensi-agensi yang diberikan lesen di masa akan datang akan menjadi

lebih aktif dan akan mempelbagaikan aktiviti pelancongan mereka supaya bilangan pelancong yang menggunakan perkhidmatan ini akan bertambah lagi. Dengan itu, agensi-agensi ini akan diawasi agar mereka dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada pelancong-pelancong tanpa berlaku apa-apa penyelewengan yang boleh menjejaskan nama baik negara.

Tuan Yang di-Pertua, ramai pelancong-pelancong asing yang datang secara berkumpulan ke Malaysia menghadapi kesukaran mendapatkan tenaga pemandu pelancong yang terlatih. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, ramai pelancong-pelancong seperti dari Korea Selatan, Jepun, German dan beberapa negara lain yang tidak tahu berbahasa Inggeris dan memerlukan pemandu-pemandu pelancong yang memahami bahasa mereka. Berdasarkan kepada perkara ini, usaha-usaha melatih pemandu-pemandu pelancong dalam berbagai-bagai bahasa perlu, dijalankan dengan lebih pesat lagi.

Di samping itu juga, etika perkhidmatan pemandu pelancong dan pengetahuan mereka mengenai sejarah dan hal ehwal Malaysia perlu diberikan penekanan. Kementerian akan menetapkan kriteria-kriteria tertentu di dalam mengeluarkan lesen-lesen atau permit kepada pemandu pelancong demi menjaga imej negara dan mengawasi etika pemandu pelancong dengan lebih berkesan lagi.

Kemudahan-kemudahan dan produk-produk pelancongan yang terdapat di Malaysia pada masa ini didapati masih perlu diperbanyak dan dipertingkatkan lagi. Dengan membanyakkan produk-produk pelancongan ini tempoh purata pelancong tinggal di negara ini akan dapat dipanjangkan dan ini akan dapat meningkatkan perbelanjaan pelancong-pelancong. Di dalam hal ini, Kementerian akan berusaha menggalakkan pihak swasta dan orang-orang perseorangan agar sama-sama turut bergiat membangunkan produk-produk pelancongan baru dan di samping itu usaha memulihara tinggalan-tinggalan sejarah serta alam persekitaran yang menjadi tarikan pelancong akan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan telah menyediakan beberapa insentif dan galakan kepada sektor swasta bagi menarik mereka bergiat di dalam industri pelancongan.

Adalah didapati masih banyak sektor swasta yang belum menggunakan manfaat dari galakan ini, kerana mungkin mereka tidak tahu wujudnya galakan-galakan tersebut atau mereka tidak tahu akan agensi mana yang dipertanggungjawabkan di dalam menyelaraskan pemberian galakan-galakan berkenaan. Perkara ini akan diperbetulkan di mana orang ramai terutamanya pihak swasta akan lebih maklum akan bidang tanggungjawab yang dimainkan oleh Kementerian. Di samping itu, Kementerian akan dapat menentukan hanya pengusaha-pengusaha yang layak sahaja diberikan insentif-insentif ini dengan mengadakan peraturan-peraturan yang tertentu melalui pendaftaran dan pelesenan

pengusaha-pengusaha pelancongan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Industri Pelancongan 1991 ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengwujudan Akta baru ini tidak melibatkan apa-apa implikasi kewangan di pihak Kerajaan. Sungguhpun ianya akan melibatkan penubuhan dua bahagian baru di Kementerian iaitu Bahagian Pendaftaran Pelesenan Pelancongan dan Bahagian Penguatkuasaan. Ini adalah kerana jawatan-jawatan di Bahagian-bahagian ini dicadangkan akan diisi, seperti yang disebutkan sebentar tadi, melalui pemindahan secara pentadbiran pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan TDC yang sedang menjalankan tugas-tugas ini di kedua-dua bahagian yang tersebut dipindah ke bahagian baru di Kementerian, kerana tugas ini tidak lagi dijalankan oleh TDC dengan wujudnya Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1991 dan juga Akta Industri Pelancongan 1991.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan mewujudkan Akta Industri Pelancongan 1991 ini serta Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan 1991 yang baru sahaja kita luluskan sebentar tadi, adalah usaha untuk memberi kuasa kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia untuk dapat membangun, mengembang dan mewujudkan lagi industri pelancongan negara supaya cita-cita negara menjadikan industri pelancongan sebagai Industri utama akan dapat dicapai juga hendakaya, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pelesenan dan pengawalseliaan pengusahaan-pengusahaan pelancongan dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Rahim.

7.03 mlm.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membincangkan Rang Undang-undang mengenai industri pelancongan. Saya tahu masa yang ada amat terhad, jadi saya tidak akan mengambil masa yang panjang, cuma saya ingia menimbulkan beberapa soalan.

Pertamanya ialah pada masa sekarang tidak ada jaminan yang dikeluarkan oleh ejen-ejen pelancongan yang mana kadangkala terdapat meraka yang hendak pergi raelancong tertipu oleh ejen-ejen yang dengan tujuan menipu. Kalau kita anggarkan satu agensi pelancong boleh mengutip 300 orang untuk pergi Umrah umpamanya, kalau seorang bayar 35,000 bermakna satu agensi pelancong dapat mengumpulkan \$1.5 juta tetapi tidak ada indemniti insurans yang dikenakan kepada agensi-agensi pelancong ini.

Yang keduanya ialah pada masa sekarang terdapat lebih kurang 300 agensi pelancong di seluruh Semenanjung dan TDC mengenakan bayaran \$725 setahun, bermakna TDC mengutip lebih kurang \$5.6 million setahun. Saya ingin tahu apakah kegunaan wang ini dan adanya terdapat agensi-agensi pelancong yang merungut bayaran ini adalah terlalu tinggi, iaitu \$725 setahun.

Yang ketiganya, Kerajaan patut menggalakkan agensi-agensi pelancong yang berkecimpung di bidang 'in bound tours', kerana dalam bidang ini Kerajaan akan mendapat tukaran wang asing yang lebih dan diharapkan terdapat insentif-insentif yang diberi kepada syarikat-syarikat yang menganjurkan 'in bound tours' ini khasnya dalam bentuk bayaran tahunan yang lebih rendah ataupun dalam bentuk rebet cukai, segala perbelanjaan yang dikenakan yang ada kaitan dengan promosi.

Yang keempatnya, saya juga ingin menimbulkan soal sekarang ini sebagaimana yang kita ketahui terdapat kekurangan pekerja-pekerja di hotel-hotel, jadi ada ura-ura Kerajaan untuk mengimport pekerja-pekerja khasnya yang jadi waiter ataupun waitress, dengan izin, di hotel-hotel. Apa yang kita ketahui biasanya setengah-setengah pelancong menggunakan waiter ataupun waitress yang bekerja di hotel ini untuk mendapatkan pengetahuan mengenai negara kita. Jadi apa yang kita harapkan ialah supaya Kerajaan dapat memikirkan semula perkara ini, kerana dikhuatiri waiter dan juga waitress yang diimport daripada luar negeri ini mungki tidak tahu tentang aegara kita ini.

Mengenai publisiti, saya ingin mencadangkan supaya pihak Penerbangan Malaysia iaitu MAS menyediakan pamphlets kepada penerbangan-penerbangan yang datang ke negara ini, kerana apabila kita menaiki MAS biasanya yang kita ada hanyalah buku-buku ataupun majalah bulanan yang dikeluarkan, tetapi ianya tidak lengkap mengenai negara kita. Apa yang diharapkan ialah TDC dapat

membekalkan pamphlet ini disediakan dalam kapal terbang supaya apabila pelancong datang ke Malaysia, sebelum mereka sampai, mereka sudah tahu lebih kurang tentang keadaan negara ini dan mungkin mereka boleh melawat banyak lagi tempat-tempat yang terdapat di negara kita ini.

Usaha-usaha juga patut dijalankan supaya Kuala Lumpur tarus menjadi satu destinasi yang, murah dan juga yang berpatutan supaya kalau dahulu biasanya pelancong datang dan tinggal di Singapura, hanya datang ke Malaysia untuk melawat satu hari. Tetapi sekarang ini telahpun bertukar kecenderungan di maua Kuala Lumpur dijadikan base daa Singapura dijadikan tempat lawatan harian. Jadi usaha ini hendaklah diteruskan dan pengawalan terhadap hotel rates dan sebagainya hendaklah diteruskan,

Mengenai kemudahan-kemudahaa ataupun galakan pelancongan yang disediakan, sepertimana yang telahpun dikatakan oleh Yaag Berhormat Dato Setiausaha parlimen tadi, memanglah kebanyakan agensi-agensi pelancong kurang mengetahui tentang kemudahan-kemudahan dan juga galakan-galakan. yaag diberikan. Diharapkan lebih banyak lagi publisiti-publisiti yang akan dikeluarkan ataupun diadakan. Agsnsi-agensi pelancong juga menghadapi saingan daripada badan-badan besar seperti pihak MAS sendiri menganjurkan Golden Holidays, malah pihak Tabung Haji, Sime Darby, MBF dan sebagainya. Syarikat-syarikat gergasi. ini juga berkecimpung di dalam bidang ini dan ini mengurangkan peluang kepada agensi-agensi pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Setiausaha Parlimen untuk memberikan jawapan.

7.08 mlm.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Rahim Baba yang telah menyokong Rang Undang-undang ini dan memberi pandangan-pandangaa kepada beberapa perkara. Sebenarnya apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Rahim Baba adalah merupakan banyak kenyataan-kenyataannya yang benar dan daripada pengalaman inilah yang menimbulkan Akta ini supaya diadakan satu Akta baru bagi mengkhususkan, iaitu memastikan bahawa industri pelancongan ini mendapat perhatian serta mendapat tekanan yang lebih mendatangkan kesan yang positif kepada industri itu sendiri.

Umpamanya seperti perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat di mana jaminan-jaminan kepada mereka yang ingin melancong. Pertama sekali saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat, dari segi Kementerian ini dan juga TDC, kita lebih berhasrat untuk menarik pelancong luar masuk ke dalam negara ini.

Dan kita memberi 'galakan kepada agensi-agensi. atau syarikat-syarikat yang ingin mengadakan perkhidmatan yang menarik pelancong masuk ke dalam. Sebab itu dari segi infrastruktur dan dari segi kemudahan produk pelancongan yang ingin dibangunkan oleh syarikat-syarikat, maka insentif-insentif tertentu telah diperuntukkan melalui peruntukan-peruntukan sama ada di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ataupun melalui TDC dan juga Kementerian ini.

Mengikut Akta Industri Pelancongan yang baru ini, memang kita ada kuasa-kuasa yang akan diberi perhatian supaya semua agensi, insya Allah, diberi perhatian supaya tidak melakukan kesalahan-kesalahan ataupun melanggar etika industri pelancongan itu sendiri. Dan sebab itu dalam peruntukan baru kita ada penalti am dan juga kompaun-kompaun yang tertentu serta syarat-syarat yang lebih ketat termasuk memperuntukkan khusus kepada Pesuruhjaya untuk menarik balik lesen jika didapati melakukan kesalahan-kesalahan yang munasabah supaya lesen-lesen itu ditarik balik.

Mengenai perkara kekurangan pekerja-pekerja hotel dan kita mengimport pelayan-pelayan ataupun waiter dan waitress daripada luar, sebenarnya dari segi industri pelancongan di peringkat permulaan ini iaitu dengan penggubalan Akta **ini**, kita lebih memberi perhatian kepada peraandu-pemandu pelancong kerana mereka inilah sewaktu membawa pelancong akan menerangkan dengan panjang lebar

ataupun masa yang lebih lama dengan mereka dan itulah kita beri pertamanya, keutamaan kepada pemandu-pemandu pelancong dan dengan adanya pembahagian kuasa yang baru ini, Insyallah, kita dapat mengadakan latihan-latihan serta kita dapat mengadakan kurikulum yang lebih sempurna kepada pemandu-pemandu pelancong termasuk dari segi mengadakan kursus-kursus dalam bahasa-bahasa yang kita ftkirkan ramai pelancong yang masuk ke dalam negara kita.

Selepas itu barangkali. kita boleh menggalakkan pihak-pihak pengurusan hotel untuk mengadakan kursus-kursus kepada pekerja-pekerja mereka dan ini memang selalunya pihak hotel sendiri mengadakan, tetapi tidaklah secara teratur. Insyallah, dengan adanya ini barangkali kita boleh mengadakan pertemuan- pertemuan dengan pihak hotel dan menganjurkan kursus-kursus yang boleh mernberi jaminan bahawa waiter dan waitress pun akan menerangkan keadaan yang sebenar mengenai negara kita.

Mengenai mengadakan pamphlet dan sebagainya, maka kali ini kita yakin dengan adanya pengkhususan terutamanya Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia yang baru ini kerana meraka khusus di dalam promosi sahaja, sudah tentulah perkara-perkara seperti ini diberi tumpuan. Ini tidak bermakna pada masa yang lepas kita tidak membuat pamphlets seperti tni, bahkan kita buat daripada tiap-tiap hari, kita sibarkan pamphlets ini di merata-merata tempat; di airport dan sebagainya, tetapi maklum sahajalah kita bergantung juga kepada kos mengadakan pamphlet ini.

Walau bagaimanapun, kita yakin dengan adanya pengkhususan ini insya Allah perkara-perkara ini kita akan perbaiki dari satu masa ke satu masa dan begitu jugalah apabila sekarang ini Kerajaan telah bersetuju dari segi jangka pendek untuk mengadakan Tahun Melawat Malaysia yang kedua pada tahun 1994, maka mulai daripada tahun 1992 yang akan datang ini, kita akan mengambll langkah-langkah untuk mengedarkan pamphlets dan mengadakan promosi mengikut peringkat demi peringkat termasuklah seperti saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Abdul Rahim bin Baba tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai fenomena iaitu di mana sekarang ini pelancong-pelancong yang datang sebenarnya menginap di Johor Bahru, ini adalah merupakan satu fenomena yang baik dan suasana yang memberi keuntungan kepada kita dan kita telahpun mengadakan perundingan dengan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri, khususnya kalau dalam konteks ini dengan Kerajaan Negeri Johor, untuk mengadakan kemudahan-kemudahan penginapan dan sebagainya dan kita difahamkan Kerajaan Negeri Johor telah mengambil langkah-langkah yang lebih agresif dalam mengadakan tempat-tempat penginapan dan juga kemudahan-kemudahan insfrastruktur.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saingan dari syarikat gergasi, ini tidak dapat dielakkan kerana dalam pasaran terbuka kita ini untuk menggalakkan pelancongan, maka kita perlulah mengadakan persaingan supaya industri ini lebih berkembang maju. Jadi, terutamanya dalam Wawasan 2020 yang akan datang ini, persaingan

yang hebat akan dihadapi dan kita harap semua pihak akan dapat mempunyai dayatahan dalam persaingan ini terutamanya dari segi industri ini.

Jadi, itulah sahaja jawapan saya kepada perkara yang saya rasa telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Abdul Rahim bin Baba.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan. kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa,

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG DUTI IMPORT (PENGESAHAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****7.30 mlm.**

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta untuk mengesahkan levi dan kutipan duti import dan untuk melindungi Kerajaan Malaysia dan pegawai-pegawainya berkenaan dengan duti import yang telah dilevi dan dikutip di seluruh Malaysia dalam tempoh dari 29hb Mac 1990 hingga 22hb Ogos 1991, dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, cukai rokok telah diperkenalkan untuk mendapatkan hasil mulai 19hb Januari 1967. Kadar asal cukai ini ialah 2% tetapi telah dinaikkan kepada 4% dan seterusnya kepada 5%. Cukai ini dikenakan ke atas nilai CIF barang-barang yang diimport. Semua pengimportan barangan adalah tertakluk kepada cukai tokok melainkan dikecualikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sama ada melalui perintah ataupun melalui surat pengecualian. Usaha menyatukan cukai tokok dengan duti import telah dimulakan sejak Belanjawan 1982. Ini dibuat untuk menyelaraskan dan memudahkan kutipan hasil.

Berikutan dengan penyatuan cukai tokok ke dalam duti import yang telah berkuatkuasa pada 29hb Mac, 1990 melalui Perintah Duti Kastam (Pindaan) No.8/1990 telah timbul keadaan ketika itu di mana syarikat-syarikat yang diberi pengecualian duti import dan/atau sebahagian cukai tokok dan dikehendaki membayar cukai dalam bentuk cukai tokok sepenuh atau sebahagian mengikut dasar tertentu telah terlepas daripada membayar cukai tersebut.

Memandangkan dalam perintah penyatuan cukai tokok ke dalam duti import tidak ada peruntukan. di mana syarikat dikehendaki terus membayar cukai tokok yang lama dalam bentuk duti import dan perintah pengecualian juga tidak dibuat pindaan, maka daripada segi undang-undang, syarikat boleh mempertikaikan pembayaran cukai tokok dalam bentuk duti import.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Perintah Duti Kastam yang dikuatkuasakan pada 29hb Mac, 1990 adalah merupakan satu perintah untuk menyatukan cukai tokok ke dalam duti import dan bukannya pemansuhan cukai tokok, maka Yang Berhormat Menteri Kewangan telah bersetuju supaya syarikat terus membayar cukai tokok tersebut dalam bentuk duti import.

Oleh kerana Perintah Kastam bagi menguatkuasakan kebelakangan kutipan cukai tidak sesuai dibuat, maka pihak Kementerian Kewangan telah dinasihatkan supaya Akta Pengesahan (Validacion Act) seperti Akta Duti Import (Pengesahan) 1991 ini diwujudkan sebagai suatu

instrument untuk mengesahkan kutipan yang telahpun dibuat itu.

Daripada penjelasan yang saya buat tadi, adalah perlu Rang Undang-undang Akta Duti Import (Pengesahan) 1991 ini diluluskan supaya persoalan tentang sahnya kutipan yang telah dibuat dalam tempoh berkenaan daripada segi undang-undang tidak akan berbangkit dimasa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan. Majlis ialah suatu Akta bagi mengesahkan levi dan kutipan duti import dan untuk menanggung rugi Kerajaan Malaysia dan pegawai-pegawainya yang tertentu berkenaan dengan duti import yang telah dilevi dan dikutip di seluruh Malaysia dalam tempoh dari 29hb Mac, 1990 hingga 22hb Ogos, 1991, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab tidak ada perbahasan, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa,

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.25 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1930, dibaca bagi kali kedua.

Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 ialah suatu Akta mengenai saraan bagi Ahli Parlimen dan mengenai perkara-perkara lain yang bersampungan atau berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Seksyen 3, 4 dan 6 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, sebarang perubahan kepada gaji, elaun bulanan bagi Ahli-ahli Parlimen, Ketua Pembangkang, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Anggota Pentadbiran serta Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat hendaklah dibuat melalui pindaan undang-undang dan diluluskan oleh Parlimen. Oleh itu, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Seksyen-seksyen 3, 4 dan 6 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980. Pindaan ke atas seksyen-seksyen ini perlu dibuat sebanyak dua kali.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan pertama ke atas seksyen-seksyen tersebut akan membolehkan Ahli-ahli Parlimen, Ketua Pembangkang, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Anggota Pentadbiran serta Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat mendapatkan kenaikan gaji dan elaun bulanan sebanyak 3% berkuatkuasa mulai 1 Januari, 1989, sebagaimana yang telah diluluskan kepada anggota-anggota sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang kedua pula adalah ke atas seksyen-seksyen yang sama bertujuan untuk memberi kenaikan gaji, elaun bulanan berikutan daripada kajian semula yang telah dibuat ke atas gaji, elaun bulanan Ahli-ahli Parlimen, Ketua Pembangkang, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Anggota Pentadbiran serta Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat selaras dengan Sistem Saraan Baru (SSB) yang akan dilaksanakan bagi anggota sektor awara berkuatkuasa mulai 1 Januari 1992.

Bagi maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat pindaan kepada Seksyen 3(1) yang telah diedarkan hendaklah dibaca sebagaimana yang telah dipinda oleh Dewan Rakyat iaitu bagi Ahli-ahli Dewan Negara elaun bulanan bukan sebanyak 32,800, tetapi sebanyak 53,000,

Kajian semula ke atas gaji, elaun bulanan seperti yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang itu adalah dibuat berasaskan

kepada prinsip-prinsip tertentu seperti peranan, tugas dan tanggungjawab dan status serta relativiti. Dalam pada itu, pengekalan kedudukan relativiti antara Ahli-ahli Dewan seperti sekarang dan pengekalan pariti kenaikan saraan dengan jawatan-jawatan setaraf di bawah SSB juga diambilkira.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Azman Atar.

7.30 mlm.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian untuk membahar Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1980. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya berucap yang pertama. Saya juga mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah membawa Rang Undang-undang ini ke Parlimen, ke Dewan Negara pada petang ini, iaitu petang yang bersejarah untuk menutup tahun 1991.

Di dalam membahar Rang Undang-undang ini, cuma saya ingin bercakap masalah maruah. Saya harap Yang Berhormat Menteri, walaupun Yang Berhormat tidak dapat membuat kata putus di dalam Dewan ini, sekurang-kurangnya membawa perkara yang menjadi rungutan, yang menjadi masalah, yang menjadi kecewa kepada kami Ahli Dewan Negara, kerana fungsi di dalam negara kita ini ada dua Dewan - Dewan Rakyat dan Dewan Negara, dan masing-masing mempunyai tugasnya masing-masing. Saya tidak nampak ada lebih dan ada kurang, malah peranan yang dimainkan boleh dikatakan semuanya sama. Kalau Dewan Rakyat menjaga hal ehwal rakyat, Ahli Dewan Negara juga menjaga hal rakyat. Malahan Ahli Dewan Negara mempunyai kawasan lebih besar daripada Ahli Dewan Rakyat di mana Ahli Dewan Rakyat hanya menjaga kawasan tertentu kawasan pilihanrayanya sendiri. Dewan Negara termasuk Labuan, Sabah dan Sarawak. Kalau mereka terpilih daripada Labuan atau terpilih daripada Sabah dan Sarawak, dia juga mempunyai kawasan sama di Semenanjung ini di mana kawasan yang dinamakan Malaysia. Tetapi bila sampai kenaikan elaun ini ada terdapat perbezaan, makna tempang.

Kami tidak mempersoalkan masalah nilai elaun itu, tetapi kami mempersoalkan maruah Dewan Negara. Dengan izin, benda ini kena cakap orang putih sedikit, baru sedap. 'We are in The Upper House, but we are in the lower pay'. **[Tepuk]** Kita di dalam Dewan tertinggi, tetapi kita dapat gaji yang rendah - rendah elaun. Apa ini? Adakah ini bererti orang di dalam Dewan Negara ini semuanya tidak memainkan peranan, tidak berfungsi, tidak bekerja untuk rakyat, tidak bekerja untuk negara, tidak menaikkan imej negara? Ini yang menjadi persoalan kepada saya. Oleh kerana kami ini dilantik oleh Kerajaan, terpaksa mahu tidak mahu kami terpaksa sokong Bil ini. Tetapi sebelum sokong, kita hendak peringatkan supaya jangan berlaku lagi untuk merendahkan imej Dewan Negara. Ini kita bila pergi keluar negeri, bila disebut Senator, kami disambut dengan penuh hormat, dengan izin Tuan Speaker, yes Your Excellency, your honourable.

Baru-baru ini saya pergi ke Amerika dan ditanya oleh rakyat Amerika, dengan izin, what is your system to be a Senator in your country? Saya jawab, 'Well, almost the same like your system.

[Ketawa] Tetapi kita pula bila tentang elaun, kalau pelawat orang yang saya sebut almost the same tadi, sistem dia hendak menjadi Senator, kalau dia ada dalam Dewan ini, maka kita hendak meluluskan Rang Undang-undang ini, bukankah malu kita, \$3,000 punya gaji. Ini bukan kami persoalkan elaun, Tuan Yang di-Pertua, tetapi maruah.

Saya rasa pegawai-pegawai Kerajaan yang bertugas di belakang ini pun bersetuju, mengapa Dewan Negara boleh rendah elaunnya sedangkan kita Senator Dewan yang tertinggi dalam negara - tidak ada lagi Dewan daripada Dewan ini. Inilah Dewan yang paling tertinggi. Tetapi bila tentang elaun, kami begitu kecewa sekali. Tetapi walau

macam manapun Bil ini merupakan Bil ciptaan raanusia, boleh dipinda bila-bila masa. Boleh dipinda, ini bukan Al-Quran, bukan ciptaan Allah s.w.t, manusia yang mencipta, kita boleh pinda. Sebab kita pinda, kita hanya bercakap masalah elaun Dewan Negara, tetapi dalam elaun yang lain. Ini saya hendak sebut seperti elaun Perdana Menteri. Elaun Perdana Menteri gaji bulanannya \$17,000. Pada kami Ahli Dewan Negara beliau tidak sepatutnya mendapat \$17,000. Dia sebagai Perdana Menteri dan saya tahu bila sampai masa kita membahaskan Rang Undang-undang ini rakyat jelata tahu kenapa Menteri naik gaji, kenapa Ahli Dewan Rakyat dan Negara naik gaji. Ini membuktikan negara kita mewah. Ekonomi kita baik, politik kita baik, stabil, kita dapat kontrol walaupun ada parti Pembangkang, walaupun dalam Dewan ini ada seorang S.46, ada seorang PAS, tetapi kita boleh kontrol dia. Walaupun di Dewan Rakyat bila Bil ini dibawa dalam Dewan Rakyat tidak ada satu orang Pembangkang tentang. Semuanya setuju. Semuanya setuju, malah mereka hendak lebih lagi.

Saya dengar Ketua Pnrbangkang, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, dia hendak minta lebih, kalau boleh tambah \$7,000 lagi. Kita tidaklah hendak sampai \$7,000 cuma dari segi maruah. Dan kami harap kami juga tidak berpuas hati yang gaji Perdana Menteri hanya \$17,000 sedangkan Ketua Setiausaha Negara lebih gajinya daripada Perdana Menteri. Kemudian kalau dibandingkan dengan badan-badan berkanun, pengerusi-pengerusi bank mendapat gaji, saya dengar dekat \$30,000, \$40,000, \$50,000 - malu Perdana Menteri kita mempunyai gaji \$17,000. Perdana Menteri Singapura gajinya \$60,000 duit Singapura, kalau bandingkan dengan duit kita \$90,000 lebih, malu. Dan Timbalan Perdana Menteri pun begitu juga, tidak memuaskan. Gaji President pun tidak memuaskan. **[Ketawa]** Tidak memuaskan pada saya. **[Tepuk]** Dia menjadi President, nombor tiga dari segi protokol dalam negara

selepas Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, kemudian. Dato' President, tetapi gajiaya tidak memuaskan. Jadi, saya haraplah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, kalau boleh, kalau gaji Menteri atau Timbalan Menteri ini tidak naik pun tidak mengapalah, tetapi Ahli Dewan Negara ini dan Perdana Menteri mesti dinaikkan gajinya lagi. Oleh kerana saya hendak sebutkan itu, Yang Berhormat Menteri, walaupun kami diberi elaun lebih tambahan, tetapi terfikirakah tidak bahawa pemimpin-pemimpin kita bahawa kita sudah menswastakan Pejabat Pos di mana pada masa dahulu kita mempunyai elaun yang rendah, tetapi kita boleh dengan percuma menghantar surat dengan Urusan Seri Paduka Baginda. Akan datang kita tidak boleh lagi, terpaksa gunakan setem. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, walaupun saya tidak mempunyai kawasan tertentu, saya jaga kawasan Bukit Bintang, termasuk kawasan Yang Berhormat Ahli Parlimen, termasuk Kepong di mana kawasan Pembangkang DAP semua saya jaga dan saya terpaksa menggunakan surat Urusan Seri Paduka Baginda. Saya belanja setem tak kurang dekat \$2,000. Kalau hari ini Pos sudah diswastakan, mana saya hendak caj duit \$2,000 untuk hendak menampung duit setem ini. Ini semua diambil kira. Jadi, kalaulah buat sementara waktu sebelum kita bawa satu lagi Bil untuk.....

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan.

Tuan Azman Atar bin Othman: Sila.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan huraian yang diberi oleh Yang Berhormat tadi bahawa naik elaun seribu, tetapi kena bayar setem hampir lebih \$2,000, jadi Yang Berhormat ini sokong Bil ini atau hendak tolak Bil pada petang ini?

Tuan Azman Atar bin Othman: Dengarlah saya hendak cakap dahulu. Agak-agak Yang Berhormat saya sokongkah atau tidak sokong. Nanti saya cakap, belum habis lagi. Saya hendak beri suspen juga Dewan ini, terutama Yang Berhormat Menteri. Kita \$3,000 tidak ada benda, tetapi yang ini yang berbelas ribu ini. Jadi, Yang Berhormat, itulah saya minta Yang Berhormat Menteri berkenaan tolong kemukakan dalam Kabinet dan kepada Perdana Menteri supaya memberi satu gantian elaun untuk menampung duit setera ini kerana kami juga memerlukan surat-menyurat, correspondence dengan semua pihak, semua Jabatan.

Selain daripada itu, kami juga minta supaya elaun-elaun lain dapat diberi lebih mengikut setaraf dengan Dewan Rakyat. Tengok hari ini malu kami pada pegawai-pegawai Kerajaan yang ada bertugas. Pada hal pegawai-pegawai Kerajaan ini ingat tentulah kami ini Dewan Negara lebih tinggi lagi. Hari ini bila sebut fasal elaun, baru mereka tahu, tetapi saya minta kita habis di sini sahajalah, jangan bawa cerita luar. Buat malu sahaja kami, kita habis sini sajalah. Dan ini membuktikan bila kami dapat elaun membuktikan negara sudah stabil, politik sudah baik, ekonomi baik. Dan insya Allah kepada pegawai-pegawai Kerajaan, kami punya tugas memang pemerintahan Barisan Nasional menentukan Kerajaan, negaranya, rakyatnya cukup makan, cukup minum, cukup segala-galanya kalau pegawai-pegawai Kerajaan yang bekerja kepada parti Kerajaan memerintah sekarang.

Ini adalah Kerajaan yaag memerintah iaitu Kerajaan Barisan Nasional. Tuan-tuan ini adalah sebagai pegawai-pegawai Kerajaan Barisan Nasional. Sabar, sabar! Bila kami sudah naik, kami tahulah menaikkan gaji tuan-tuan. **[Tepuk.]** Jangan dengar hasutan luar. Ini saya tengok ada suratkhobar cuba hendak main peranan. Dia lukis gambar kartun, kononnya pegawai-pegawai Cowboy Kerajaan bersungut fasal apa gaji Menteri naik, gaji Wakil Rakyat naik, gaji mereka tidak naik? Ini menunjukkan penulis suratkhobar ini tidak tahu. Ini Kerajaan. Kerajaan adalah kami. Dengan izin, we are the Government. They are our Governmenc officers. Mereka pekerja kami, pegawai kami. Ini suratkhobar hendak melagakan. Suratkhobar tempatan, bukan suratkhobar yang besar-besar ini. **[Ketawa]** Suratkhobar yang besar-besar ini bagus semuanya. Saya terpaksa cakap, kalau tidak dia black list saya nanti. **[Ketawa]**

Saya mintalah dan Yang Berhormat Menteri pun kena ambil pandangan sedikitlah kepada surat-suratkhobar kita ini.

Tuan Ng Peng Hay: Adalah elok kalau Yang Berhormat dapat sebutkan nama suratkhobar itu. Kalau tidak nanti pemberita yang lain itu salah anggap bahawa itu suratkhobar mereka pula.

Tuan Azman bin Atar: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi malaslah hendak sebut suratkhobar ini, fasal dia selalu menulis cerita baik-baik hal saya tetapi bila yang yang ini pula, saya pun tak bersetuju. Jadi, oleh kerana permintaan Yang Berhormat, saya kena

sebut. Ini suratkhobar WATAN. Buat apa saya tengok ada gambar kartun dilaga-lagakan konon Perdana Menteri dia buatnya gambar kek atau kuih, Perdana Menteri cukup banyak kuih, yang lain sedikit-sedikit sahaja. **[Ketawa]** Ini gambar apa? Hari itu, konon dibuatnya gambar karung, konon Perdana Menteri dapat lebih dalam karung itu, rakyat dapat sedikit. Ini sudah melagakan rakyat dengan Kerajaan.

Ini satu perbuatan yang tidak baik. Jadi, saya haraplah Yang Berhormat supaya dapat mempertimbangkan apa yang saya sebutkan tadi. Kami tidak mempertikaikan elaun Dewan Rakyat. Kami bersetuju berapa hendak beri pun tetapi apa salahnya letakkan Dewan Negara dengan Dewan Rakyat sama elaunnya. Dewan Negara apa salahnya, bukan banyak sangat. Kami pun bertugas, kami pun berfungsi dan kebanyakan daripada kami pun menjaga kawasan bahagian masing-masing. Yang menjadi Ketua Bahagian macam saya, Jawatan saya lebih besar iaitu Ketua Penerangan Wilayah Persekutuan. Satu Wilayah saya hendak jaga termasuk Labuan. **[Tepuk]** Jadi, saya mintalah Yang Berhormat supaya dapat mempertimbangkan elaun Ahli Dewan Negara ini supaya dapat disamakan.

Kami tidak berniat minta Dewan Rakyat diturunkan, cuma kami hendak samakan sahaja. Walaupun kami dengar suara-suara sumbang yang menyakitkan hati kami ini daripada Dewan yang sebelah sana bila mempersoalkan elaun ini. Ada yang mengatakan, "Allah, Ahli Dewan Negara bising sahaja, sibuk sahaja, sokong sahajalah." Apa! ingat

kami ini pak turut, kaki sokong tidak tentu arah, atau rubber stamp?

[Tepuk] Kami pun ada maruah juga. Kami pua ada maruah. Oh! mentang-mentang dia dapat kenaikan 60%, kita dapat 40%, kita bertanya sesuatu supaya biar sama tarafnya, maruah kami terjamin, mereka pula kata, "apa sibuk sahaja? Sokong sahaja!" Apa, kami hairankah duit ini? Duit ini kami tidak hairan, kami hairan maruah.

[Tepuk] Fasal maruah orang tidak tolak-ansur.

Ini kita bercakap fasal kita hentam Bar Council itu tadi, Fasal apa? Fasal maruah! Walaupun ada Yang Berhormat bercakap tadi, saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada orang menegur saya suruh saya sampuk ucapan Yang Berhormat Dato' Vadiveloo fasal Bil tadi, seolah-olah macam ucapan dia mewakili Bar Council. Saya pun kata, "Tidak apalah. Benda sudah lepas. Kita sudah lulus, sudahlah. Dia pun orang kita dan dia rupanya beri penerangan jelas." Saya minta kita janganlah ada fikiran yang bukan-bukan lagi. Jadi, saya haraplah, Tuau Yang di-Pertua, dan kepada Yang Berhormat supaya dapat membawa perkara kami ini, masalah kami ini, kami rasa terhina. Fasal dalam kenaikan, kemudian buat pula publisiti dalam suratkhbar. Anak saya berumur 5 tahun pun pandai bertanya, "Eh, ayah. Ayah Senator, patut gaji ayah belas ribu. Ini Dato' Alex Lee pun lebih besar gaji dia dari ayah." Ini cerita apa? [Tepuk][Ketawa] Pada hal, di kawasan saya, saya Pengerusi Barisan Nasional. Yang Berhormat Dato' Alex Lee jadi Timbalan. Jadi, dia di Dewan Rakyat lebih gaji. Saya pula kurang gaji.

Walaupun saya orang kaya tetapi ini bukan masalah duit. **[Ketawa]** Ini soal maruah. Jadi, saya mintalah Yang Berhormat supaya dapat mempertimbangkan.

Oleh kerana ada dua, tiga yang hendak bercakap, jadi saya rasa last sekali, apa boleh buat. Daripada kata bidalan Melayu, daripada cempedak biarlah nangka, daripada tidak ada, biarlah ada. **[Ketawa]** Daripada tidak ada langsung, kalau 50%, 50%lah. Saya sokonglah dengan syarat, tolong minta supaya dikaji semula.

Jadi, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang. Sekian, terima kasih. **[Tepuk]**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohamed Nazri.

747 mlm.

Tuan Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan yang pendek sahaja untuk menyokong Tuan Azman dalam hujah-hujah beliau sebentar tadi.

Saya dengar bahawa dari segi tanggungjawab, Ahli Dewan Rakyat dengan Ahli Dewan Negara, mereka mengatakan bahawa Ahli Dewan Rakyat, mereka mempunyai kawasan, sebab itu kenaikannya itu berbeza dengan kenaikan Ahli Dewan Negara tetapi mereka juga harus ingat iaitu di kalangan Ahli Dewan Negara, mereka juga merupakan Ketua-ketua Bahagian di dalam parti masing-masing yang mana tanggungjawabnya sama juga, sebab dalam kawasan yang mana UMNO tidak diwakili dalam Dewan Rakyat, maka ianya diwakili dalam Dewan Negara dan orang-orang yang meminta bantuan kalau dia tidak ada Wakil

Rakyat Dewan Rakyat, dia akan berjumpa dengan Ketua Bahagian seperti Tuan Azman dan permintaannya sama juga seperti yang diminta daripada Ahli Dewan Rakyat.

Jadi, kalau hendak dikatakan di sini bahawa kenaikan ini berbeza diberikan kepada Ahli Dewan Rakyat dengan Ahli Dewan Negara disabitkan kerana Ahli Dewan Rakyat ada kawasan, tetapi hakikat sebenarnya, Ahli Dewan Negara juga mempunyai kawasan, sebab kalau kita lihat di sini, Tuan Azman dan Dato' Abdullah, mereka semua merupakan Ketua Bahagian dan mereka juga mempunyai tanggungjawab yang sama dan rakyat akan datang ke rumah mereka. Kalau mereka minta duit kepada Ahli Dewan Rakyat, begitu juga mereka minta duit kepada Ahli Dewan Negara kerana Ahli Dewan Negara itu merupakan Ketua Bahagian UMNO di situ ataupun MCA dan MIC.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyatakan di sini iaitu dari segi status, kita mesti menghormati bahawa Ahli Dewan Negara daripada segi protokol, Dewan Negara lebih tinggi dari Dewan Rakyat dan kalau kita lihat dalam Perlembagaan hari ini bahawa kalau sesiapa yang mahu bertanding sebagai Ahli Dewan Rakyat, dia hanya cuma memerlukan melebihi umur 21 tetapi untuk menjadi Ahli Dewan Negara, kalau dia kurang daripada 30 tahun, dia tidak akan diterima sebagai Ahli Dewan Senate. Maka ini menunjukkan bahawa Ahli Dewan Negara boleh jadi Ahli Parlimen Dewan Rakyat tetapi Ahli Dewan Rakyat tidak semestinya menjadi Ahli Dewan Negara. Sebab itu menunjukkan betapaanya Perlembagaan menganggap bahawa Ahli Dewan

Negara ini lebih tinggi daripada Ahli Dewan Rakyat. Kerana itulah kita masuk sebagai satu syarat bahawa untuk menjadi Ahli Dewan Negara, umurnya mesti tidak kurang daripada 30 tahun.

Jadi, kalaulah hendak dikatakan tidak mengapalah iaitu Ahli Dewan Rakyat olah kerana mereka itu mempunyai kawasan, mereka dapat lebih dari \$1,000. Pengakuan bahawa ini perlu diberikan kelebihan, ini sudah kita buat, sebab Ahli Dewan Rakyat sebelum ini mendapat elaun \$3,000, Ahli Dewan Negara \$2,000. Ini pengakuan yang menunjukkan bahawa Ahli Dewan Negara mengatakan kita berilah keutamaan, kelebihan kepada Ahli Dewan Rakyat. Mereka ambil \$3,000, kita ambil \$2,000 tetapi apa yang kita tidak faham, mengapa kenaikan itu berbeza?

Ahli Dewan Rakyat naik 60% dan Ahli Dewan Negara naik 50%. Mengapa harus ada perbezaan seperti itu? Ini bermakna kalau 10 tahun daripada sekarang, kita pinda lagi maka jurang di antara pendapatan elaun Ahli Dewan Rakyat dengan Ahli Dewan Negara akan bertambah jauh.

Sebab itu, pada hari ini saya menyokong apa yang telah disebut oleh Tuan Azman sebentar tadi, daripada segi tanggungjawab dan juga status, saya merasakan bahawa kenaikan elaun hendaklah sama dan tidak ada perbezaan dalam hal ini.

Walau bagaimanapun, seperti mana yang telah disebut oleh Tuan Azman, saya menyokong Rang Undang-undang ini tetapi kalau boleh dipinda, biarlah kita pinda dan janganlah menunjukkan satu jurang yang begitu jauh akan berlaku kalau sekiranya amalan yang dibuat pada hari ini diteruskan di masa-masa akan datang. Sekian, terima kasih.

7.51 mlm.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen Saraan 1980 ini. Oleh sebab kita sudah mendengar Setiausaha Kelab Senator ini sendiri, Yang Berhormat Tuan Azman Atar telah menyatakan perasaannya, saya rasa semua perasaannya itu sama seperti yang kita rasa. Jadi, saya tidak hendak menerangkan satu-satu kewajipan seorang Senator yang ada di sini dan tanggungjawabnya. Kita ini dilantik kemari setelah pucuk pimpinan melihat kewibawaan dan kerja kita dalam melaksanakan tugas mentadbirkan negara kita ini.

Kemudian apabila kita membaca **Bil ini**, saya sangat kesal dengan parti PAS sahaja, parti-parti lain saya tidak kisah, semua parti Pembangkang tidak merungut mengatakan bahawa kenaikan gaji daripada Menteri sampai ke Ahli Dewan Negara ini dipertikaikan. Tetapi parti

PAS menggunakan akhbaranya HARAKAH mengutuk kenaikan gaji dan menghasut rakyat sehingga nelayan-nelayan yang kecil mereka pergi interview menghasut bahawa kenaikan gaji ini tidak patut. Untung juga ada akhbar-akhbar yang lain membandingkan gaji Perdana Menteri Singapura sebanyak \$96,000 tetapi PAS menutup mata tidak membincangkan gaji Perdana Menteri Singapura dan Menteri-menteri Lain dan Ahli Parlimen di Singapura. Kemudian, dalam masalah kenaikan gaji Senator ini, tadi Yang Berhormat Tuan Azman Atar mengatakan maruah. Jadi kalau dikatakan maruah dan mengatakan Dewan Negara ini paling tertinggi, betul juga dia tertinggi.

Pada petang ini kalau Dewan Negara tidak mahu meluluskan Bil ini, seluruh Ahli Dewan Negara ini, kalau misalnya saya kata tolak, dan mereka bersetuju segala Bil ini habis, langsung tidak menjadi undang-undang. Daripada Perdana Menteri sehinggalah sampai ke Ahli Dewan Negara ini tidak akan mendapat elaun atau tambahan gaji apa-apa. Jadi apabila dikatakan maruah, patutnya semua elaun dan gaji-gaji orang lain lebih rendah daripada gaji Senator. Jadi, gaji Senatorlah yang mesti diberikan setinggi-tinggi daripada orang lain. Tetapi oleh sebab Setiausaha Kelab Senator sendiri telah mengatakan Bil ini dia setuju, jadi saya sendiripun tidak hendak menolak. Kalau saya ajak menolaknya, ini mencabar keputusan Setiausaha, Kalau Setiausaha saya kata tolak tadi, insya Allah, semua Ahli Dewan ini bersetuju tolak, tinggal lagi kita menghormati Setiausaha kita.

Saya fikir baiklah dikaji semula supaya kehormatan dan maruah Ahli Dewan Negara ini seperti mana yang kita katakan dan kita

hormati dia melebihi daripada Ahli-ahli Dewan Parlimen, patutlah juga difikirkan elannya mesti lebih tinggi daripada orang-orang lain atau Ahli-ahli Dewan Rakyat. Itu sahaja pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Ainon.

7.57mlm.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mengambil masa dalam dua minit untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlinien (Saraan) 1980.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai orang yang bersopan-santun dan menghargai yang telah dilatih dalam negeri yang penuh dengan keluhuran, ketinggian kebudayaan, bersyukur dan berterima kasih, maka saya juga seperti rakan-rakan yang lain mengucapkan terima kasih kepada Kabinet dan juga kepada pihak-pihak yang mengunjurkan kenaikan gaji kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan kemudiannya Ahli Dewan Rakyat, juga anggota-anggota Kabinet termasuklah Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya.

Dalam keadaan pindaan yang kedua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Perdana Mentari, di masa itu di luar negeri, Timbalan Perdana Menteri kita dan Menteri Kewangan yang telah dapat mengimbangi dan menerima segala pandangan dan hasrat kekecewaan kami sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong 100% di atas hujah yang dibukakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Azman Atar, Yang Berhormat Encik Nazri dan juga Yang Berhormat Dato' Abdullah. Saya

hanya ingin menambah, sesungguhnya perbezaan ini tidak patut diadakan. Kalau diukur bahawa Senator tidak ada kawasan, jangan main-main, sebabnya ada juga Wakil Parlimen yang goyang kaki, Senator menjaga kawasannya dan ada juga Ahli-ahli Parlimen di kawasan-kawasan yang mempunyai 3 ADUN dan ADUN inilah yang bekerja keras, yang wakil Parlimen ini kadangkala cuai juga dengan tanggungjawabnya, tetapi kita tidak hendak rendah-merendah atau kata-mengata, hanya kita rasa kesal kenapa semasa perkara ini dibincangkan di luar Kabinet, wakil Senator tidak dijemput seorangpun? Apakah kami ini tidak layak dibawa berbincang? Tidak layak diambil fikiran atau pandangannya? Ini satu penghinaan kepada Ahli Dewan Negara pada pandangan kami.

Kami difahamkan back-benchers Dewan Rakyat berkali-kali telah membawa perkara ini dan tanpa mereka itu merujuk atau meminta pandangan-pandangan kami. Bukan kami membantah, tetapi janganlah kalau kami ini sudah baik, maka hendak diketuk-ketuk pula kepala kami ataupun seperti kata perpatah, "hendak dibuat sewenang-wenangnya ataupun dikatakan seperti mengikut sahaja". Hormatilah hak kami, walaupun tidak menghormati dari segi status Senator, tetapi hormatilah hak asasi manusia yang berada di dalam negara demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, peranan Senator seperti yang disebutkan oleh sahabat-sahabat saya tadi, kalau kami dipilih oleh parti maka kami sesungguhnya apabila ada pilihanraya, kadangkala lebih teruk, lebih sakit dan lebih banyak bekerja daripada yang menjadi calon itu

sendiri. Ahli Dewan Rakyat mendapat elaun kawasan. yang beratus-ratus ribu untuk membantu rakyat, tetapi kami tidak ada elaun kawasan sedangkan tanggapan orang ramai sama. Kalau minta derma, minta tolong dan lain-lainnya tiada perbezaannya. Begitu juga dalam hendak membantu masalah kemasyarakatan, bukan mendabik dada, tetapi minta keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang kita rasa kesal, yang kita rasa tersinggung ialah bahawa ada pandangan tidak kisah dari sahabat-sahabat kami sendiri dan yang kami rasa hairan ada di antara anggota Kabinet itu dari Senator dan pernah menjadi Senator. Kalau pun beliau itu sekarang berjawatan Menteri, ertinya ada juga Menteri yang pernah menjadi Senator pada dahulunya dan ada juga Menteri yang masih lagi dianya Senator. Mungkin dalam perbincangan itu beliau tidak berkesempacan bersama-sama. Walau bagaimanapun, dengan rasa kesal saya menyokong Rang Undang-undang ini dan meminta jasa baik daripada pihak Kabinet supaya segera menyamakan jurang yang tidak patutnya ada dalam konteks harmoni dan perpaduan di negara kita ini.

Dan diharaplah pandangan rendah atau pandangan tidak kisah atau pandangan bahawa yang dilantik itu merupakan perkara remeh-temeh atau oleh kerana ianya dilantik, maka Ahli Parlimen merasakan bahawa kami adalah ekor-ekor sahaja, haraplah dikikis. Jikalau kita sendiri tidak menghormati undang-undang dan Perlembagaan Negara kita bagaimana kita hendak mengharapkan rakyat ataupun negara luar atau orang ramai menghormatinya.

Seperkara lagi peranan suratkhobar. Saya pun mengucapkan terima kasih jugalah kerana suratkhobar keluarkan segala-galanya untuk penerangan kepada rakyat. Tetapi bila kata durian runtuh, seorang Senator boleh dapat sekian, sekian. Mula-mula saya pun ghairah juga. Alamak, Alhamdulillah boleh tahan juga, bolehlah sedekah sana-sini dan lain-lain. Tetapi bila sudah dikira-kira didapati kenaikan itu cidak sampai pun \$5,000 kenaikan yang dikatakan untuk bayaran kebelakangan yang dikatakan 36 bulan. Sedangkan surat derma, telefon sudah mencurah-curah. "Yang Berhormat, durian runtuh. Jangan lupa kami. Tolong sponsor kami hendak ke sini. Tolong sponsor parti kami. Tolong sponsor Dewan kami. Tolong sponsor khutub-khanah kami" dan yang lain-lain lagi.

Jadi, berita kenalkan gaji ini diterima dengan gembira tetapi mengalirkan sedikit air mata kekesalan dan kesedihan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) ini dengan harapan ianya segera diselaraskan. Jangan tunggu lima tahun. Harap bulan depan atau Cabinet meeting pada hari Rabu yang akan datang **ini**, Yang Berhormat Menteri tolong bawa lagi perkara ini kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah berada di negara kita yang kita cintai **ini**. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Rogayah binti Che Mat.

8.02 mlm.

Puan Hajah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Usul, suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan)(pindaan) yang melibatkan perbelanjaan wang tambahan yang belum ada amaunnya lagi. Walau bagaimanapun, saya kira **masanya** sudah sampai untuk kita mengkaji atau menyemak semula kerana sepertimana yang kita sedia maklum kedudukan tanggagaji daripada kalangan Wakil Rakyat sehingga para Menteri atau Perdana Menteri sendiri adalah terlalu tidak munasabah.

Jika dilihat sekarang kerana terlalu kecilnya jika dibandingkan dengan peranan dan tugas di dalam menghadapi rakyat melalui pengalaman saya sendiri lebih kurang selama 30 tahun di dalam parti UMNO sehingga sekarang dan secara kebetulan suami saya pernah

dipilih sebagai Wakil Rakyat, Ahli Dewan Undangan Negeri di Kelantan yang mana pada hari ini secara kebetulan berada di bawah pemerintahan PAS, Oleh kerana saya rasa mungkinlah UMNO telah serpih kepada S46 pada masa itu, maka PAS berpeluang untuk menakluk Kelantan secara tidak diduga. Dan untuk itulah pada hari ini pun kita nampak PAS tidak dapat berbuat apa-apa dan mudah-mudahan secara ringkas, saya sarankan di sini supaya PAS memohon kembali ke pangkuan Barisan Nasional semula mudah-mudahan rakyat yang ada di negeri Kelantan akan mendapat manfaatnya lagi daripada kedudukan kita. Lebih-lebih lagi mengurangkan percakaran politik yang tidak memberi maafaat kepada rakyat terutama di Kelantan.

Saya suka mengesyorkan seperti yang saya kata tadi sekali lagi, kembali ke pangkal jalan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya biarpun berapa elaun Wakil Rakyat itu yang kita beri, memanglah tidak mencukupi kerana bagi satu-satu kawasan Wakil Rakyat misalnya, Ahli Dewan Rakyat misalnya ataupun Ahli Dewan Negeri rata-rata mereka itu mempunyai antara 60 hingga 100 rakyat yang terpaksa dihadapi. Jadi, untuk mereka menghadapi rakyat sebegini rupa dengan tanggagaji yang pada mulanya di Dewan Negara ini \$2,000, hari ini insya Allah bunyinya \$3,000 jadi \$4,000 lebih kepada Ahli Parlimen itu sendiri, saya rasa adalah patut dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana inilah hari yang akhir saya di Dewan ini setelah berada dan berkhidmat bersama rakan-rakan selama 6

tahun, saya mohon izin untuk memberi ucapan dan salam perpisahan, Inilah lumrah hidup kita. Jika jalan, ada penghujungnya. Dalam kembara saya di Dewan yang mulia ini bukan sahaja kawan dan rakan yang saya temui setiap hari malahan perbahasan yang hangat demi untuk memantapkan sesuatu undang-undang dan akta yang harus digubal oleh kita di sini. Sebagai pembuat dasar, hala dan arah mana pentadbiran negara yang kita harus berada. Satu Dewan yang tertinggi dan mulia di negara kita ini saya mengharapkan supaya status ini akan sama-sama kita jaga. Sekiranya ada pihak-pihak mana yang berasa bertelingkah ataupun tidak sekata dan sepakat biarlah kita di sini boleh memainkan peranan bukan sahaja sebagai pembuat dasar malahan sebagai pendamai, jika perlu.

Kita di sini dilantik dan tidak akan pernah menyoal berapa habuan yang kita dapat. Tetapi di kala dilantik untuk memberi secebis khidmat bakti kepada negara tercinta, dan janganlah ada suara-suara sumbang mengatakan status kita rendah jika diukur dengan elaun yang kami dapat. Yang penting, apakah sumbangan yang dapat kami beri.

Saya mempunyai penuh keyakinan satu hari nanti Dewan yang mulia ini akan muncul sebagai satu Dewan yang benar-benar berkesan dan mampat dengan dasarnya kerana kita mengharapkan di masa-masa yang akan datang perlantikan ahli-ahli hendaklah difikirkan dan diperluaskan bukan dari kalangan politik semata-mata, kerana di Dewan yang mulia ini kita perlu semua anggota masyarakat

terutama dari golongan-golongan para cendekiawan, para intelek, para pentadbir yang sedang berkhidmat yang kita nampak contohnya hari ini seperti Yang Berhormat Tuan Mustapa Mohamad kita hari ini. Daripada PTD telah diberi pengiktirafan dan dilantik sebagai seorang Senator dan kita nampak keberkesanan tugas yang dapat dilaksanakan.

Untuk itu marilah kita sama-sama memikirkan pada satu-satu perlantikan, kita tidak terlalu emosional dengan politicians semata-mata. Kerana di Dewan yang mulia ini kita perlu merangkumi semua profesion, semua mereka-mereka yang terlibat secara langsung yang membolehkan kita merumus satu dasar yang mantap. Kerana dari kalangan pesara sendiri misalnya, dari kalangan pesara-pesara yang banyak pengalaman dalam berbagai bidang pentadbiran di mana pesara-pesara di bidang angkatan bersenjata yang kita masih belum ada wakilnya ialah dari Pasukan Polis DiRaja Malaysia. Perlantikan juga harus diberi kepada mereka dari kalangan pengusaha walaupun kita nampak ada juga wakilnya di dalam Dewan ini, namun maksud saya biarlah merangkumi semua golongan masyarakat yang boleh menyatukan sumbangan ke arah perpaduan dan ketahanan negara.

Seperti yang kita sedia maklum sebagaimana manusia, siapa pun kita, biar tinggi pun kelulusan dan biar banyak pun pengalaman serta seberapa banyak kekayaan yang kita ada, namun antara kita memerlukan antara satu sama lain. Tegasnya sifat lemah masih memerlukan antara kita sesama kita. Untuk itulah dalam rumusan yang dibuat di Dewan yang mulia ini baik pun diambil tindakan ataupun

dilaksanakaa oleh mereka-mereka yang terlibat tadi, kita hendaklah bertindak dengan penuh harmoni, dengan satu tujuan untuk membangunkan. negara kita yang dikasihi.

Kita hari ini adalah warisan yang paling bernasib baik dibandingkan dengan mereka yang sama berjuang untuk melepaskan penjajahan dahulu dan meninggalkan kita dengan makmur dan damai. Dan apa yang kita harapkan sesuatu yang baik pula untuk kita bekal dan tinggalkan kepada jenerasi yang akan datang. Semoga mereka tidak bercakaran merebut bahagian, yang boleh menghancurkan negara kita yang kecil yang mana kita mengharapka semua penghuninya akan sama-sama saling memahami dan mengekalkan keadaan yang ada.

Tindakan dari percakapan kerana hanya ingin mengatasi daripada satu puak dengan puak yang lain.

Kepada ketua-ketua kaum yang ada di Dewan ini, selalulah merapatkan hubungan dan memberi kefahaman bahawa tidak ada harga untuk di bayar kepada kabebasan. No price for freedom, dengan izin, di dalam menikmati kebebasan yang ada kita mencadangkan supaya di kurangkan masalah polarisasi kaum, masalah kasta kaum, kerana sebagai rakyat Malaysia yang sedang menuju ke arah Wawasan 2020, kita memerlukan satu bangsa Malaysia yang tabah dan di sini bumi yang kita pijak, di sini juga langit yang kita junjung dan di sini juga warisan yang akan kita tinggalkan setelah perjalanan kita hampir sampai ke penghujung, Salam perpisahan, mudah-mudahan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih banyak masa untuk terus berkhidmat, teruslah berbakti kepada negara. Berikan sumbangan yang penuh makna. Mudah-mudahan kita akan berada sebagai sebuah negara yang maju untuk 1000 tahun lagi.

Wabillahittaufik wal-hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

8.11 mlm.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, bersama-sama dengan rakan-rakan saya, saya mengucapkan tarima kasih kerana diberi peluang untuk berucap di atas Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1991. Apa sahaja yang telah diperkatakan oleh orang lain mengenai Rang Undang-undang ini saya tetap menyokongnya. Masanya sudah begitu lama bagi perkara seperti ini dilakukan.

Kita perlu tahu bahawa kos sara hidup pada masa ini sudah meningkat begitu tinggi sejak Akta ini mula diperkenalkan. Saya faham bahawa pindaan yang dibuat ini amat wajar sekali dan tepat pada masanya, terutama sekali dari segi kenaikan kos sara hidup seperti mana saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah diperkatakan dalam media massa mengenai kenaikan elaun yang diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen, walaupun amaun di antara Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara tidak sama. Hakikat ini saya terima. Elaun yang lebih mungkin wajar diberikan kepada Ahli Dewan Rakyat oleh kerana tanggungjawab Ahli itu terhadap kawasannya, tetapi dari segi kenaikan yang diberi, jurang perbezaan di antara elaun Ahli Dewan Negara dengan Ahli Dewan Rakyat itu mungkin besar. Saya tidak faham mengapa jurang perbezaan dalam elaun perlu dibesarkan lagi. Walaupun Ahli Dewan Negara ini tidak ada kawasan tertentu tetapi taanggungjawabnya kepada masyarakat adalah serupa juga sepertimana yang dipertanggungjawabkan kepada Ahli Dewan Rakyat. Apa yang hendak saya tekankan di sini ialah tentang adanya pihak-pihak yang mengatakan bahawa kenaikan ini keterlaluan. Ada yang mengatakan, umpamanya, kenaikan yaag diberikan kepada Perdana Menteri itu terlalu banyak. Saya kurang faham mengapa mereka ini memandang berat sangat terhadap apa yang diberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Jika dibandingkan aluan Perdana Menteri kita dengan elaun atau gaji yang diterima oleh Ketua Eksekutif Korporat-korporat, saya percaya kita akan lebih insaf tentang amaun yang diberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu. Tanggungjawab Ketua Korporat adalah kepada organisasinya tetapi tanggungjawab Perdana Menteri adalah kepada negara dan rakyatnya. Saya akan menyokong sekiranya elaun Perdana Menteri kita itu dinaikkan dua atau tiga kali ganda lagi. Kita perlu menjaga status beliau sebagai Ketua Negara dan bagaimana seorang Ketua Negara hendak berfungsi dengan cergas dan berwibawa jika sekiranya elaun yang diberikan kepada beliau itu hanya setaraf dengan pengurus eksekutif sebuah syarikat besar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan kepada semua mereka yang mengkritik kenaikan ini sebagai menyuarakan rasa cemburu mereka terhadap imbuhan yang diberikan oleh Kerajaan kepada kita sebagai Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara. Parlimen kita ini mempunyai satu fungsi yang khusus iaitu membuat undang-undang untuk kesejahteraan rakyat. Ini adalah satu tanggungjawab yang amat berat, oleh kerana keluruhan undang-undang itu sangat penting. Sekiranya tanggungjawab ini tidak dipikul dengan serius, yang menanggung akibatnya nanti ialah rakyat biasa. Cubalah bayangkan bagaimana kesannya kepada rakyat jika satu Rang Undang-undang yang diluluskan menjadi Akta itu menekan rakyat. Kalau kita hendak tahu mengenai perkara ini, kita boleh tanya mereka yang telah ditahan di bawah Akta

Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Mereka ini mengatakan sepenuhnya bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) itu menekan rakyat dan tidak adil. Mereka yang berhasrat songsang atau berniat tidak baik akan tahu bagaimana rasanya apabila di tahan di bawah Akta ini, Ramai daripada mereka sudah serik dan kepada rakyat biasa Akta ini tidak mempunyai kesan apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua, kami Ahli Dewan Negara ini tidak mempunyai kawasan, tetapi kami juga menjadi tumpuan masyarakat. Kita yang dipilih atau dilantik mempunyai tanggungjawab tertentu kepada masyarakat baik di bandar ataupun di luar bandar kita sentiasa dikunjungi oleh rakyat. Apabila pertolongan diminta, pertolongan diberi. Apabila kami diminta hadir oleh masyarakat di satu-satu tempat untuk tujuan tertentu, permintaan mereka ini jarang dihampakan. Kita juga aktif dalam parti sebagaimana wakil rakyat yang lain. Jadi, kita sentiasa bergerak dan tiap-tiap kali kita bergerak, pergerakan ini memerlukan wang. Bantuan yang diminta oleh masyarakat kadangkala berupa wang juga dan dengan adanya kenaikan elaun ini saya rasa beban kewangan yang kita tanggung selama ini.....

Tuan Ng Peng Hay: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri?

Tuan Law Jack Yoon: Satu minit sahaja.untuk kepentingan masyarakat, adalah kurang sedikit. Kita mesti bahas, sebab kawan-kawan kita dari UMNO membahaskannya, MCA pun mesti bahas.

Sebelum saya sudahi, dengan hati yang berat saya ucapkan selamat berpisah kepada Yang Berhormat Puan Ainon dan Yang Berhormat Puan Rogayah dan berharap kami akan berjumpa lagi. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Vadiveloo Govindasamy.

8.19 mlm.

Dato' Vadiveloo a/l Govindasamy: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini dan saya menyokong pandangan-pandangan yang telah disampaikan oleh sahabat-sahabat saya khasnya Yang Berhormat Tuan Azman Atar.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menerangkan bahawa kenaikan ini adalah berasaskan kepada prinsip relativiti. Ini satu prinsip yang mustahak dan saya nampak dalam bahagian pertama, iaitu kenaikan sehingga hari ini Kerajaan ada mengikut prinsip ini dan semua yang terlibat ada mendapat kenaikan yang serupa iaitu 8%. Tetapi mulai dari hari esok, ianya mula berbeza.

Dan saya tidak faham apakah sebabnya mulai dari hari esok, Ahli-ahli Dewan Negara ini mendapat kurang daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat ataupun dari segi percentaganya ia tidak sama dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat. Dan saya minta prinsip ini mesti dikekalkan dan Kerajaan patut memperbaiki keadaan ini. Itu sahaja yang saya hendak kemukakan. Terima kasih. [Tepuk]

8.21 mlm.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit sahaja berkaitan dengan Akta ini. Walau macam mana kita berbincang sampai tengah malam nanti, semuanya menyokong juga. Tetapi apa juga pendapat kita ini, diharap Menteri yang berkenaan dapat meagambil perhatian dan tindakan.

Taan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui sebelum Bil ini dibawa ke Dewan ini kita juga telah mendengar dari pihak luar mengenai kenaikan elaun itu sebagaimana tersiar dalam suratkhobar, termasuk kenaikan gaji Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan semua Menteri yang mana selama ini kita tak pernah ambil tahu, kita tak pernah ambil tahu gaji siapapun. Kita dilantik jadi Senator, duduk dalam Dewan, dia tahu bagi cek sekian banyak - terima. Tak pernah cakap apa. Itu prinsip kita. Sebab kita ini

memang sentiasa menjadi lilin - membakar diri, menerangi orang lain. Itu sifat Senator. Tetapi bila keluar di dalam suratkhbar, sangat menyedihkan apabila disebut gaji Perdana Menteri naik \$17,000, Timbalan Perdana Menteri \$13,500.

Baru-baru ini di dalam sessi ini kita ada melawat, menghadiri satu taklimat di Syarikat MAS, di dalam lawatan itu kita berkomunikasi dan di majlis taklimat itu kita bertanya, dan sambil bergurau senda saya bertanya kepada seorang pilot officer, sebab kita naik simulatornya. Saya kata, jangan marahlah, saya hendak tanya. Gaji tuan berapa? Dia kata, gajinya antara \$15,000 hingga \$20,000 sebulan. Terkejut saya apabila membaca gaji Perdana Menteri \$17,000, orang bising. Dan ada lagi, kalau tidak silap saya, di korporat-korporat ataupun badan-badan berkanun ada yang bergaji sampai \$40,000 tetapi ini kita tidak sedari. Saya bertanya kepada rakan-rakan yang bercakap sebelum masuk ke Dewan ini, bagaimanakah gaji ini diperkatakan atau dipertimbangkan kenaikannya. Kita bincang-bincang, beritahu kepada Perdana Menteri, kemudian KSN yang buat persetujuan. Betul atau tidak, saya tidak tahu tetapi itulah yang saya dapat tahu. Maka mengikut status gaji, orang ini naik 60%, Senator naik 40% dan gaji yang rendah sedikit sahaja daripada Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri, kurang \$200 sahaja daripada pegawai-pegawai tinggi Kerajaan. Sama ada betul atau tidak, ini yang saya dapat tahu dan inilah yang saya ingin memperkatakan dalam Dewan ini. Selepas itu, oleh sebab mereka menentukan gaji kita, saya bertanya: adakah kita ini pegawai Kerajaan atau sebagai

kebanyakan pegawai Kerajaan? Apa yang saya tahu, pegawai Kerajaan, untuk sampai ke tahap pencen sekurang-kurangnya hendak berkhidmat 10 tahun, baru masuk skim pencen, kalau tak silap saya, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kita Senator ini, tiga tahun pun kalau kita tidak dilantik semula, kita dapat pencen. Siapa yang menentukan ini? Pegawai Kerajaan. Ini juga menjadi satu tanda-tanya. Cuba kita cari satu jalan untuk memperbaiki keadaan ini. Kononnya kita memerintah, gaji kita orang lain tentukan. Kalau saya sendiri pun, tentu saya tentukan gaji saya dulu. Kita dalam Dewan ini duduk dalam 6 tahun. Apa yang saya ketahui, pegawai Kerajaan telah naik gaji dua kali, kalau tak silap saya, dalam masa 6 tahun naik dua kali. Kita baru naik kali ini, pun tak betul pertimbangannya.

Maaf, Tuan Yang di-Pertua, pada satu ketika berlaku macam lawak jenaka. Tak sampai dua jam datang dua pucuk surat diletakkan atas meja. Pada surat yang pertama dan surat kali yang kedua, saya tak mahu sebutlah surat apa, Ahli-ahli Yang Berhormat semua faham, Tuan Yang di-Pertua faham, Menteri-pun faham surat apa yang kami terima dalam masa satu hari. Kita masuk Dewan ada suatu surat tetapi selepas masa Soal-Jawab, datang surat lain. Jadi, ini sangat menyedihkan. Tak sepatutnya macam itu. Walau macam manapun kita terima dan selama ini kita tak pernah memperkatakan sesuatu pun berkaitan gaji ini. Tetapi bila surat-kehabaran kata naik, Tuan Yang di-Pertua, saya membacanya, ketua "party whip" mendapat elaun \$2,800, kemudian dalam senarai di bawahnya Ahli Dewan Negara dapat \$2,800. Orang Pulau Pinang kata lembik lutut fasal malu, disamakan kita dengan elaun Ketua "party whip" atau Ketua

Pembangkah - elaun mereka adalah sama dengan elaun Senator. Kalau tidak dimasukkan dalam surat khabar mungkin tak mengapa, tetapi pihak yang memasukkan ini dalam suratkhabar, siapakah yang megah-megah ini? Macam kata Yang Berhormat Puan Ainon, selalu 'boomerang', kita baling kena kepala kita sendiri ini kita kena jagalah.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu gaji Perdana Menteri, gaji Menteri semua kena cukai. Tak mengapalah, kerana berapa banyak pun kita masih mengetahuinya. Kalau kita bandingkan gaji ini dengan perdana menteri-perdana menteri di negara-negara lain, kalau kita tengok Singapura atau lain-lain negara, malu kita. Kalau tak masuk suratkhabar tak apa, bila masuk suratkhabar dah menjadi buah mulut kepada rakyat, kepada orang-orang lain, kepada orang luar negeri, itu sangat memalukan. Saya rasa kalau kita hendak naikkan gaji lain kali, dalam masa 10 tahun yang akan datang, sebab kenaikan sekarang ini datang selepas 10-12 tahun, kerana Akta ini pernah dipinda pada tahun 1980 - jadi hampir masuk 12 tahun - dan pada 10 atau 12 tahun yang akan datang, kita mesti berhati-hati untuk memperkatakan elaun atau gaji Ahli-ahli Parlimen dan saya berharap ianya tidak akan diputuskan oleh sesiapa, tetapi hendaklah diputuskan oleh Kabinet sendiri dan Kabinet sendiri menentukannya, bukan hanya meluluskan apa yang ditunjuk oleh Jabatan-jabatan terhadap gaji kita. Ini saya kurang senang. Sama ada ianya betul atau tidak, saya tak tahu, tetapi itulah yang saya dapat tahu. Habis berkaitan dengan gaji, tak boleh cakap banyak-banyak.

Tuan Yang di-pertua, pada hari ini dua orang daripada rakan kami, Senator wanita, kali yang penghabisan pada hari ini termasuk

Yang Berhormat Dr. Nordin Selat. Tetapi apa yang saya ketahui bukan hanya dua orang daripada Senator wanita, tetapi Tuan Yang di-Pertua sendiri juga, saya rasa adalah kali yang penghabisan bagi sesi **ini**. Jadi, saya ingin mengambil kesempatan di **sini** untuk mengucapkan selamat bersara, walaupun ada dua bulan lagi tetapi pada sesi yang akan datang, Tuan Yang di-Pertua sudah tidak **ada**, tidak menjadi Presiden lagi. Kami rasa sedih. Saya telah duduk 6 tahun dalam Dewan **ini**, dan saya juga selepas Tuan Yang di-Pertua bersara, saya juga pencen mengikuti dari belakang. Saya telah merasa pertukaran Tuan Yang di-Pertua sebanyak 3 kali. Jadi, saya rasa tentulah kali yang akan datang juga bertukar, diganti dengan orang lain pula.

Di sini saya ingin menyarankan tentang Yang di-Pertua Dewan. Kalau boleh kita carilah, biar yang duduk lama sedikit. Puas sedikit duduk di kerusi Yang di-Pertua. Janganlah dekat hendak pencen, baru jadi Yang di-Pertua. Ketiga-tiga Tuan Yang di-Pertua yang saya lihat itu, bila hendak pencen sahaja baru dilantik jadi Yang di-Pertua, setahun, dua tahun tengah sedap duduk di kerusi, turun - habis. Ini kurang berfaedah. Apa salahnya kalau kita tengok orang itu baru, dia berkebolehan, berstatus, kita beri peluang ini, jangan tunggu lama-lama, tidak bagus, diambil orang. **[Ketawa]** Dan nanti banyak macam cara-cara yang akan berlaku.

Saya rasa ini patut diambil perhatian oleh pemimpin-pemimpin kita kerana saya pernah menyarankan perkara ini, tetapi tidak di dalam Dewan, supaya jika Yang di-Pertua itu statusnya bagus, jangan tukar, jangan hadkan dia macam Senator setakat dua term sahaja, dua term out, tidak usah. Kalau Yang di-Pertua atau Menteri yang datang daripada Senate ini bagus, tetapi dia tidak ada kawasan pilihanraya, beri dia jadi Menteri, selagi kita rasa dia patut menjadi Menteri dan berwibawa. Begitu juga, Yang di-Pertua. Kalau Yang di-Pertua itu bagus tidak payah dua term tukar orang lain, berilah dia duduk di situ, tidak elok, kita turunkan. Kita berkuasa dalam tangan kita.

Ini saya rasa patut kita buat dimasa-masa yang akan datang, kerana kalau tukar selalu - tidak begitu ada kick, dengan izin. **[Ketawa]**

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu dalam bahasa Melayu tidak ada makna 'kick' itu, apa makna 'kick' itu, saya hendak tahu.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Dalam Bahasa Kebangsaan, tidak ada 'uumph'. **[Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat rakan di sebelah saya **ini**, kita Ini sama-sama Senator, kalau dia bolah soal, saya boleh jawab. Jadi, tidak ada beza, tiga hari tiga malam hendak bincang, mari kita duduk, takut apa - itu dia, kita sama-sama penceramah. Kalau dia tadi menyebut bahawasanya dia Ketua Penerangan Wilayah, dengan izin, I also Ketua Penerangan Negeri. **[Ketawa][Tepuk]** Tidak ada beza, tetapi 'no gaji'. **[Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua, itulah, kalau tidak ada lawak jenaka, hari ini hari penghabisan, kita pun bersama-sama Tuan Yang di-Pertua, saya bagi diri saya, mungkin juga rakan-rakan saya yang tidak sempat berucap nanti mengucapkan Selamat Bersara kepada Tuan Yang di-Pertua, kepada Puan Ainon, kepada Puan Hajah Rogayah, kepada Dr. Nordin Selat yang kebetulan di kiri kanan saya tidak **ada**, selepas itu saya pula. Jadi, beransur-ansur turunlah. Itulah sahaja, kalau ada salah dan silap, saya pohon maaf. Sekian dan mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua di dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini. **[Tepuk]**

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi? Baiklah sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kehakiman untuk memberikan jawapan.
8.35 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan pembentangan Rang Undang-undang Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1991.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Azman Atar, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad, Yang Berhormat Puan Ainon, Yang Berhormat Puan Hajah Salbiah, Yang Berhormat Puan Hajah Rogayah, Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon, Yang Berhormat Dato' G. Vadiveloo. Saya nampak jelas sekali semua kita mempunyai hasrat dan mempunyai objektif yang sama iaitu walau bagaimanapun kita menyuarakan pendapat, kita akhirnya menyokong Akta yang dibawa oleh pihak Kerajaan olah kerana kita semua pendokong parti.

Oleh itu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas segala pandangan tetapi biarlah saya menerangkan di sini supaya kita dapat mengelakkan kekeliruan. Kita sering memperkatakan berkenaan peranan yang dimainkan oleh akhbar. Akhbar melaporkan apa yang kita perkatakan. Pada malam ini dalam membahaskan Akta ini, kalau diterterakan apa yang telah diperkatakan mungkin orang akan

menganggap bahawa Dewan Negara ini diisi dengan mereka yang tidak menyokong Kerajaan. Tetapi saya percaya kalau persepsi ini yang digambarkan oleh akhbar, ini adalah satu persepsi yang tidak betul dan tidak benar.

Sebenarnya, Ahli-ahli Yang Berhormat semua menyokong Rang Undang-undang ini, bukan menjadi hasrat Kerajaan untuk merendahkan maruah ataupun martabat Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Senate. Rang Undang-undang ini dibentangkan bertujuan untuk meletakkan dan berasaskan kepada parity dan relativity dan perbezaan di antara Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara tidak seharusnya dimainkan sebagai mereka yang mempunyai kawasan dan mereka yang tidak mempunyai kawasan. Sebenarnya, oleh kerana ketinggian dan maruah dan martabat Ahli-ahli Dewan Negaralah maka ada perbezaan yang sedemikian rupa.

Dalam Perlembagaan sendiri telah mengatakan orang yang berumur 30 tahun ka atas dan terang dan jelas sekali saya nampak Yang Berhormat Tuan Azman Atar pun kata dia kaya, dan ini semua tidak ada benda kepada dia. Sebab itulah Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Negara ini bukan yang yang menjadi ukuran untuk maruah dan martabat. Sebab itu, kita letak orang yang telah sampai seniority-nya dalam segi pemikirannya, dari segi pengetahuannya, pengalamannya, sumbangannya kepada negara. Dan wang sememangnya bagi Ahli-ahli Dewan Negara tidak diambil kira dan kita mengucapkan berbanyak-

banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang mempunyai martabat dan kemuliaan yang begitu tinggi sekali.

Segala pandangan yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberikan perhatian tetapi untuk mengelakkan salah faham, bahawa seolah-olahnya pegawai Kerajaanlah yang bertanggung-jawab kepada segala yang berlaku dan perbezaan-perbezaan yang timbul. Biarlah saya jelaskan di sini, memang menjadi peranan eksekutif untuk mendapat penyelidikan dan mendapat maklumat dari pegawai Kerajaan. Tetapi semuanya, segala keputusan ialah keputusan Kabinet dan apa yang dibincangkan di dalam Kabinet tidak patut terkeluar daripada apa yang patut dijelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Jadi, kalau ada apa-apa maklumat yang terkeluar akan disiarkan di dalam akhbar berkenaan dengan gaji dan perbezaan-perbezaan gajinya adalah hasil daripada penyelidikan akhbar-akhbar itu sendiri dan kita terpaksa memberikan satu tahniah kepada akhbar oleh kerana kecerdasan mereka, kegigihan mereka untuk mempamerkan gaji-gaji kita. Memangnya kalau sewaktu saya mula-mula hendak membentangkan Rang Undang-undang ini, bila ditanya, apakah gaji dan apakah perkara-perkara yang akan dinaikkan, saya tidak sebut langsung, olah kerana saya tidak fikir itu menjadi perkara pokok, Kalau suratkhbar memainkan peranan untuk memberi maklumat kepada rakyat, untuk manjelaskan kepada rakyat, tetapi di dalam penjelasan kepada rakyat mungkin persepsi yang dibawa boleh membawa kepada pandangan yang serong dan salah.

Begitulah juga kalau kita lihat dari segi gaji, gaji Perdana Menteri Malaysia kalau dibandingkan dengan Perdana Menteri Singapura yang mendapat \$72,000 sebulan. Kalau dibandingkan gaji Menteri kica dengan gaji Menteri yang kurang kanan di Singapura mendapat M\$41,000 dan yang paling kanan sekali (senior) \$52,000. Begitu juga dalam jawatan-jawatan lain, tetapi mereka mempunyai kos dan taraf hidup yang berlainan dan berbeza. Setelah mengambilkira di atas tanggungjawab Perdana Menteri kita, Ahli-ahli Kabinet, kita merasakaa kenaikan yang diberikan mencukupi, tidak payah kita bandingkan dengan negara-negara lain. Kita hanya bandingkan untuk tujuan mendapat perbezaan sahaja, tetapi biar kita sesuaikan dengan kedudukan dan keadaan kita di sini.

Saya suka juga membetulkan, mungkin tadi Yang Berhormat Saudara Azman Atar ada mengatakaa gaji KSN lebih tinggi, ini semua tak betul. Maklumat yang diberikan ialah gaji KSN tidak sama dengan gaji Menteri, dia mempunyai sistem saraan yang berperingkat dan bertahap. Peringkat yaag paling tinggi pun tidak melebihi gaji Menteri. Jadi, jangan kita membawakan satu pandangan seolah-olah kita berasa cemburu kepada apa yang didapati oleh pegawai Kerajaan dan kita tidak berpuas hati dengan apa yang kita dapati. Kita semua, sama ada kita di dalam Kerajaan, pentadbiran, sama ada kita Ahli Yang Berhormat dari Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara, kita kesemuanya adalah bertujuan untuk memberi khidmat bagi kepentingan rakyat dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut berasa sedih mendengar tadi Yang Berhormat Dato' Vadiveloo memperkatakan berkenaan 8%, Lepas itu berlain-lain. Saya anggap Ahli Yang Berhormat dapat membuat penyelidikan. 8% ini adalah pendahuluan kepada gaji, bukan sistem saraan gaji itu sendiri ataupun tanggagaji. 8% itu dirangkumkan di dalam kenaikan yang kemudiannya 50%, 60% ataupun 70%. Itu pendahuluan yang diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Kita tidak mengambil pendahuluan itu, maka diberikan pada masa sekarang dan dibackdated, dengan izin, kepada 1.1.1989. Bagi saraan baru di mana pegawai-pegawai Kerajaan sendiri akan mendapat Sistem Saraan Baru yang bermula daripada 1.1.1992. Jadi ia tidak berbeza, 8% juga didapati oleh Ahli Dewan Rakyat, 8% juga pendahuluan didapati oleh Ahli Dewan Negara. Hanya kita menjadi berbeza di antara Dewan Rakyat dan Dewan Negara adalah apabila dibuat pindaan terhadap gaji ataupun elaun yang dibayar.

Saya berpendapat segala saranan yang diberikan janganlah Ahli-ahli Yang Berhormat meanggap pihak Kerajaan tidak menganggap penting. Kita tidak pernah rnenganggap Dewan Negara ini sebagai satu badan rubber stamp. Sebab itulah dalam sistem kita, walaupun dari segi Perlembagaan tidak ada perlunya. Oleh kerana sistem kita unik, Ahli-ahli Dewan Negara tidak dipilih, tetapi dilantik, sama ada melalui Dewan Undangan Negeri ataupun melalui sistem Persekutuan, tetapi kita tetap oleh kerana kita perlu sumbangan daripada Ahli Dewan Negara sebagai second House yang akan memberikan buah fikiran

yang bernas, yang boleh mencapai matlamat dan tujuan Kerajaan dengan secara berkesan.

Apa juga pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat telah beri, sebagaimana saya katakan, akan saya kemukakan kepada pihak Kabinet dan akan kita bincangkan. Tetapi janganlah kita menggunakan perbezaan-perbezaan ini untuk memisahkan jurang di antara dua Rumah ataupun Dewan yang mulia ini sebagai satu jurang, oleh kerana matlamat kita adalah satu iaitu untuk mencapai hasrat dan cita-cita negara melalui Wawasan 2020, Dasar Pembangunan Nasional dan Rancangan Pembangunan Lima Tahun demi lima tahun. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat semua masih mempunyai peranan, janganlah pandang kepada gaji. **[Ketawa]** Saya tahu ini masanya hampir hendak masuk 1hb tahun baru, jadi saya fahamlah. Mula-mula saya ingat takkan ada perbahasan. Yang Berhormat Setiausaha

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, kami memang tak pandang kepada gaji, tetapi saya meminta pandangan daripada Yang Berhormat, kalaulah Yang Berhormat menduduki sebagai Ahli Dewan Negara di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini, apa rasa hati Yang Berhormat? Terasakah tersinggung seolah-olah kami begitu rendah? Itu saya minta pandangan.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kalau Yang Berhormat Saudara Azman Atar, kawan saya, Ketua Penerangan Wilayah dan saya Timbalan Pengerusi Wilayah, bercakap macam itu memang rasanya sama, tetapi saya tidak boleh merasai apa yang saya tidak lalui, oleh

kerana pengalamanlah menjadi penentu kepada segala-galanya. Apa yang saya katakan tadi, tidak bermakna kita tidak rasa perasaan, kita menghayati perasaan yang disuarakan. Tetapi saya sebagai mewakili Kabinet, mewakili Kerajaan, terpaksa saya jawab. **[Ketawa]** Jadi saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat faham tugas dan tanggungjawab saya. Sebab itulah gaji itu dibuat berasaskan kepada peranan, tanggungjawab, tugas dan status masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara di atas segala pandangan dan saranan yang telah diberikan yang membina dan bernas serta menunjukkan kewibawaan dan kematangan kita di dalam perbahasan ini. yang telah membolehkan kita dapat melahirkan satu keadaan di mana walaupun kita mempunyai perbezaan pendapat, ianya semuanya bertujuan untuk membina bersama-sama.

Dengan itu juga, saya bagi pihak Kerajaan ingin mengambil kesempatan ini, sempena Tahun Baru mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Chan Choong Tak selaku Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin, Yang Berhormat Senator Hajah Rogayah Che Mat dan Yang Berhormat Dr Nordin Selat oleh kerana tempoh mereka akan tamat. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih bagi pihak Kerajaan di atas segala jasa dan khidmat cemerlang yang telah diberikan **[Tepuk]**, moga-moga Tuhan akan bersama-sama kita di dalam

perjalanan hidup kita dan meneruskan perkhidmatan kita bagi kepentingan negara dan rakyat. Sekian, terima kasih. **[Tepuk]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menengguhkan Mesyuarat ini, izinkan saya mengucapkan terima kasih kerana urusan-urusan yang diamanahkan kepada Dewan yang mulia ini telah selamat dijalankan dengan licin dan teratur, khasnya di atas kerjasama baik yang telah diberikan kepada saya. Sungguhpun sepertimana ditunjukkan tadi, Ahli-ahli mempunyai perasaan yang kecewa, tetapi perbincangan itu telah dijalankan dengan teratur dan bertanggungjawab. Ini telah menunjukkan bahawa Dewan Negara ini adalah sepatutnya betul-betul Dewan yang tertinggi di sini.

Memandangkan tempoh dua penggal saya sebagai, Senator akan berakhir pada 31hb Mac 1992, yang bermakna saya akan bersara pada 1hb April 1992. Dengan ini, bermakna saya juga seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa saya akan bersara bersama-sama dengan Yang Berhormat Ainon, Yang Berhormat Rogayah dan Yang Berhormat Dr Nordin, maka saya hendak mengambil peluang ini untuk memohon ampun dan maaf jika saya sebagai Yang di-Pertua Dewan telah melakukan kesilapan dan kesalahan. Juga, bagi pihak kami keempat-empat Ahli yang akan bersara ini, saya mengucapkan Selamat Tinggal kepada Ahli-ahli yang akan tinggal dan saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua Ahli-ahli di sini.

Maka, saya sekarang menangguhkan mesyuarat ini kepada satu hari yang belum ditetapkan. **[Tepuk]**

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.50 malam.